



UTHM
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia



LAPORAN TAHUNAN 2017

UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA

LAPORAN TAHUNAN 2017

UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA

KANDUNGAN

VISI, MISI, MOTO & HALA TUJU 3

FALSAFAH PENDIDIKAN UNIVERSITI 4

OBJEKTIF 4

SEJARAH UNIVERSITI 5

CANSELOR 8

PRO-CANSELOR 10

LEMBAGA PENGARAH UNIVERSITI 12

AHLI EKSEKUTIF UNIVERSITI 13

AHLI SENAT UNIVERSITI 14

LAPORAN Pengerusi 16

TINTA NAIB CANSELOR 17

PETUNJUK PRESTASI UTAMA 2017 18

1. TADBIR URUS UNIVERSITI

Pengenalan	20
Lantikan Naib Canselor Baharu	21
Lantikan TNC (Akademik & Antarabangsa)	22
Lantikan Ketua Kampus UTHM Cawangan Pagoh	22
Lantikan Semula Pendaftar UTHM	22
Lantikan Bendahari UTHM	23
Lantikan Penasihat Undang-Undang UTHM	23
Lantikan Ahli LPU UTHM Baharu	23
Penstrukturan Organisasi	24
Penubuhan & Penjenamaan Semula Fakulti/Pusat Kampus UTHM Pagoh	26
	27

2. PENGURUSAN & PEMBANGUNAN MODAL INSAN

Pengenalan	30
Perjawatan	31
Tamat Perkhidmatan	32
Kenaikan Pangkat	32
Cuti Belajar	33
Staf Akademik Berkelulusan PhD	34
Kerjasama Sangkutan Industri Bersama JKR	34
Anugerah Perkhidmatan Cemerlang	35
Pembangunan Modal Insan	35
Aktiviti Kumpulan Inovasi & Kreatif	37

3. AKADEMIK & ANTARABANGSA

Pengenalan	40
Penawaran Program	41
Enrolmen, Pengambilan & Graduan	44
Majlis Konvokesyen UTHM	48
Majlis Pemakaian Hud Graduan Siswazah	48
Mobiliti Pelajar	49
Latihan Industri Luar Negara	49
Promosi Pendidikan Antarabangsa	50
Promosi dalam Negara	50
Perpustakaan Tunku Tun Aminah	51

4. PENYELIDIKAN & INOVASI

Pengenalan	54
Bidang Tujah	56
Pusat Kecemerlangan (CoE)	56
Pusat Penyelidikan (CoR)	57
Kumpulan Fokus	58
Geran Penyelidikan	60
Kerjasama Dalam & Luar Negara	61
Geran Penyelidikan Pascasiswazah	62
Perlindungan Harta Intelek UTHM	62
Perundingan Menerusi UTHM Commercial Sdn. Bhd. (UCSB)	63
Perundingan Melalui ICC	66
Pengkomersilan Hasil Penyelidikan & Inovasi	69
Pencapaian dalam Penyelidikan & Inovasi	69
Persidangan	70
Analisa Penerbitan & Sitasi	71
Penarafan dalam Malaysia Research Assessment (MyRA)	73
Penarafan Universiti dalam QS Stars Rating	73
Rumusan Pencapaian	74

5. HAL EHWAL PELAJAR & ALUMNI

Pengenalan	76
Pembangunan & Pengembangan Pelajar	77
Keusahawanan Pelajar	78
Kolej Kediaman Pelajar	79
Aktiviti Pelajar	79
Kemajuan & Hubungan Alumni	82

6. PEMBANGUNAN, PENGURUSAN FASILITI & ICT

Pengenalan	86
Pembangunan Fasiliti	87
Pengurusan Fasiliti	88
Pusat Teknologi Maklumat	92

7. HUBUNGAN KOMUNITI & JARINGAN INDUSTRI

Pengenalan	96
Projek Universiti - Komuniti	97
Ringkasan Pencapaian	100
Rumusan Hubungan Universiti Komuniti	101
Hubungan Universiti - Industri	101

8. PENCAPAIAN UTHM 2017

Pengenalan	106
Pengiktirafan & Penarafan UTHM	107
Pencapaian Penyelidikan & Pengkomersilan	108
Pencapaian Pelajar UTHM	109

9. LAPORAN KEWANGAN BAGI TAHUN 2017

Pengenalan	112
Pendapatan Mengurus	113
Perbelanjaan Mengurus	114
Pendapatan Pembangunan	115
Perbelanjaan Pembangunan	116
Geran Tertunda	118

VISI

Menuju ke arah Universiti bertaraf dunia dalam kejuruteraan,
sains dan teknologi untuk pembangunan lestari



MISI

UTHM komited untuk mewujudkan dan menyebarkan
pengetahuan bagi memenuhi keperluan industri dan komuniti
serta menyuburkan modal insan yang kreatif dan berinovasi
berasaskan paradigma tauhid



HALA TUJU

Membangun Universiti teknologi lestari masa depan



MOTTO

Dengan hikmah kita meneroka

FALSAFAH PENDIDIKAN UNIVERSITI

Pendidikan di Universiti ini adalah usaha berterusan untuk menerajui program akademik yang berorientasikan pasaran dan berfokuskan pelajar menerusi pembelajaran melalui pengalaman untuk menghasilkan sumber manusia terlatih dan profesional sebagai pemangkin ke arah kemajuan negara yang mampan.

OBJEKTIF

- 01 Melaksanakan program akademik yang diiktiraf dengan menggunakan kurikulum yang holistik melalui proses pengajaran dan pembelajaran berasaskan pengalaman
- 02 Melaksanakan penyelidikan tersohor dalam bidang teras Universiti serta menjana harta intelek
- 03 Meningkatkan pengantarabangsaan Universiti melalui jalinan kerjasama strategik yang berkesan dengan Universiti dan organisasi luar negara
- 04 Meningkatkan hubungan dan kerjasama Universiti – Industri yang produktif dan lestari
- 05 Mengurus dan membangun sumber manusia yang mencukupi dan berkualiti
- 06 Menyediakan perkhidmatan dan menghasilkan produk yang memenuhi kehendak pelanggan
- 07 Mempromosikan Universiti sebagai pusat kecemerlangan dan rujukan dalam bidang kejuruteraan dan teknologi
- 08 Menyediakan prasarana dan kemudahan fizikal yang mencukupi selaras dengan budaya keilmuan Universiti

SEJARAH UNIVERSITI

Sejarah bermula pada 16 September 1993 dengan penubuhan Pusat Latihan Staf Politeknik (PLSP), yang bertujuan melahirkan dan melatih tenaga pengajar yang berpengetahuan dan berkemahiran dalam pelbagai bidang kejuruteraan untuk ditempatkan di politeknik-politeknik seluruh negara.

Pada 12 April 1996, PLSP dijenamakan sebagai Institut Teknologi Tun Hussein Onn (ITTHO) dengan mengekalkan fungsinya untuk melatih tenaga pengajar di Politeknik seluruh Malaysia. Pada masa yang sama, ITTHO terus berkembang dengan jumlah pelajar dan program akademiknya ditingkatkan bagi terus memenuhi keperluan tenaga pengajar yang disasarkan.

Pada 27 September 2000, sejarah terpahat apabila ITTHO telah dinaiktaraf sebagai sebuah universiti awam di bawah Akta 30 Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 (AUKU) dengan dikenali sebagai Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn (KUiTTHO).





Untuk terus melebarkan fungsinya dalam arena pendidikan tinggi negara, bermula 1 Februari 2007 KUiTTTHO dijenamakan sekali lagi dengan nama Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM). Hari ini, dengan hampir jumlah pelajar mencecah 17 ribu orang dengan pelbagai peringkat pengajian ditawarkan, UTHM terus meneroka dengan hikmah pelbagai bidang ilmu demi kemakmuran sejagat. Peranan dan fungsinya juga tidak hanya terhad dalam memberi akses pendidikan kepada rakyat Malaysia, malah turut menjadi pilihan pelajar antarabangsa dari pelbagai negara. Meniti usia 25 tahun, pelbagai kejayaan diraih dalam segenap peringkat dan ini membuktikan bahawa UTHM terus melakukan peningkatan berterusan, selari dengan gagasan Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) untuk terus memastikan pendidikan tinggi di Malaysia, *Soaring Upwards!*



CANSELOR



DULI YANG MAHA MULIA
SULTAN IBRAHIM IBNI ALMARHUM SULTAN ISKANDAR
Sultan Yang Dipertuan Bagi Negeri dan Jajahan Takluk Johor Darul Ta'zim

PRO-CANSELOR



DULI YANG AMAT MULIA
TUNKU ISMAIL IBNI SULTAN IBRAHIM
Tunku Mahkota Johor

PRO-CANSELOR



YANG BERBAHAGIA TAN SRI DR. ALI HAMSA
Ketua Setiausaha Negara



LEMBAGA PENGARAH UNIVERSITI

PENGERUSI

YBhg. Tan Sri (Dr.) Ir. Jamilus bin Md Hussin
Presiden / Ketua Pegawai Eksekutif
KLIA Premier Holdings Sdn. Bhd.

AHLI

YBhg. Profesor Dr. Wahid bin Razzaly
Naib Canselor
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

YBhg. Tan Sri Dato' Sri Sufri bin Hj Mohd Zin
Pengerusi Eksekutif
TRC Synergy Berhad

YB Dato' Haji Nooh bin Gadot
Penasihat
Majlis Agama Islam Negeri Johor

YBhg. Datuk Dr. Pang Chau Leong
Wakil Alumni

YBhg. Dato' Zainal Abidin bin Mat Nor
Timbalan Setiausaha Bahagian (Aset)
Bahagian Pengurusan Aset Awam
Kementerian Kewangan Malaysia

YBhg. Datuk Mat Noor bin Nawi
Pengerusi Exim Bank Berhad

YBhg. Dato' Dr. Ir. Haji Abdul Rashid bin Maidin
Pengurus Pusat Bertauliah
Akademi Profesional KOSAS

YBhg. Prof. Dr. Mustafa bin Mat Deris
Profesor
Fakulti Sains Komputer & Teknologi Maklumat
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

YBhg. Prof. Dr. Arham bin Abdullah
Pengarah
Bahagian Hubungan Industri
Jabatan Pendidikan Tinggi
Kementerian Pendidikan Tinggi

Encik Abdul Halim bin Abdul Rahman
Pendaftar
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

AHLI EKSEKUTIF UNIVERSITI



PENGERUSI

Profesor Dr. Wahid bin Razzaly
Naib Canselor
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia



Profesor Dr. Ruzairi bin Abdul Rahim
Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)




Profesor Madya Dr. Asri bin Selamat
Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)



Cik Azizah binti Nasri
Bendahari



Profesor Madya Dr. Wan Fauziah binti Wan Yusoff
Penolong Naib Canselor (Kelestarian Kewangan)



Profesor Madya Dr. Afandi bin Ahmad
Penolong Naib Canselor
(Perancangan Strategik & Perhubungan Korporat)



AHLI



Encik Abdul Halim bin Abdul Rahman
Pendaftar



Puan Norliah binti Yaakub
Penasihat Undang-Undang



AHLI SENAT UNIVERSITI

Profesor Dr. Wahid bin Razzaly
Naib Canselor/Pengerusi

Profesor Dr. Ismail bin Abdul Rahman
Timbalan Naib Canselor
(Akademik & Antarabangsa)

Profesor Dr. Ruzairi bin Abdul Rahim
Timbalan Naib Canselor
(Penyelidikan & Inovasi)

Profesor Madya Dr. Asri bin Selamat
Timbalan Naib Canselor
(Hal Ehwal Pelajar & Alumni)

Profesor Dato' Dr. Abdul Razak bin Hj. Omar
Ketua Kampus UTHM Cawangan Pagoh

Profesor Dr. Ahmad Tarmizi bin Abd Karim
Dekan Pusat Pengajian Siswazah

Profesor Madya Dr. Abdul Halid bin Abdullah
Dekan Fakulti Kejuruteraan Awam & Alam Sekitar

Profesor Dr. Hashim bin Saim
Dekan Fakulti Kejuruteraan Elektrik & Elektronik

Profesor Madya Dr. Shahrudin bin Mahzan@Mohd Zin
Dekan Fakulti Kejuruteraan Mekanikal & Pembuatan

Profesor Madya Dr. Mohd. Lizam bin Mohd. Diah
Dekan Fakulti Pengurusan Teknologi & Perniagaan

Profesor Dr. Wan Rashid bin Wan Ahmad
Dekan Fakulti Pendidikan Teknikal & Vokasional

Profesor Madya Dr. Nazri bin Mohd Nawi
Dekan Fakulti Sains Komputer & Teknologi Maklumat

Profesor Madya Dr. Mohd. Kamarulzaki bin Mustafa
Dekan Fakulti Sains Gunaan & Teknologi

Profesor Madya Dr. Ishak bin Baba
Dekan Fakulti Teknologi Kejuruteraan

Profesor Madya Dr. Mohamad Zaky bin Noh
Dekan Pusat Pengajian Diploma

Profesor Dr. Azme bin Khamis
Dekan Pusat Pembangunan & Latihan Akademik

Profesor Dr. Rosman bin Md. Yusoff
Dekan Pusat Pengajian Umum & Kokurikulum

Profesor Madya Robijah binti Kamarulzaman
Dekan Pusat Pengajian Bahasa

Profesor Ir. Dr. Abdul Aziz bin Abdul Samad
Fakulti Kejuruteraan Awam & Alam Sekitar

Profesor Dr. Mohd. Idrus bin Mohd. Masirin
Fakulti Kejuruteraan Awam & Alam Sekitar

Profesor Dr. Mohammad Faiz Liew bin Abdullah
Fakulti Kejuruteraan Elektrik & Elektronik

Profesor Dr. Mohd. Amri bin Lajis
Fakulti Kejuruteraan Mekanikal & Pembuatan

Encik Abdul Halim bin Abdul Rahman
Pendaftar / Setiausaha

Profesor Dr. Yusri bin Yusof
Fakulti Kejuruteraan Mekanikal & Pembuatan

Cik Azizah binti Nasri
Bendahari

Profesor Dr. Noraini bin Kaprawi
Fakulti Pendidikan Teknikal & Vokasional

Encik Bharun Narosid bin Mat Zin
Ketua Pustakawan

Profesor Sr. Dr. David Martin
Fakulti Pengurusan Teknologi & Perniagaan

Puan Norliah binti Yaakub
Penasihat Undang-Undang

Profesor Dr. Hj. Mustafa bin Mat Deris
Fakulti Sains Komputer & Teknologi Maklumat

**Profesor Emeritus Datin Dr. Maryati binti
Mohamed**
Fakulti Sains Gunaan & Teknologi

Profesor Dr. Khalid bin Hasnan
Fakulti Teknologi Kejuruteraan

**Profesor Madya Dr. Wan Fauziah @ Wan
Fauzi binti Wan Yusoff**
Penolong Naib Canselor (Kelestarian
Kewangan)

Profesor Madya Dr. Afandi bin Ahmad
Penolong Naib Canselor (Perancangan
Strategik & Perhubungan Korporat)

Ir. Shamrul-Mar bin Shamsuddin
Pengarah Pembangunan & Penyenggaraan

Profesor Madya Dr. Farhan bin Md. Fudzee
Pengarah Pusat Teknologi Maklumat

Profesor Madya Dr. Lokman Hakin bin Ismail
Pengarah Pusat Pembangunan &
Pengembangan Pelajar

LAPORAN Pengerusi

Segala puji bagi Allah, Tuhan semesta Alam yang menciptakan kesempurnaan dalam segala segi dan sifat setiap khalifahNya. Dengan rasa rendah hati, saya ingin merakamkan penghargaan dan terima kasih di atas kepercayaan yang diberikan kepada saya selaku Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti Tun Hussein Onn Malaysia untuk tempoh 8 tahun ini. Ternyata ianya merupakan satu pengalaman yang amat berharga dan amat unik, yang tidak boleh dinilai secara material dan lahiriah dan saya amat bersyukur kerana dipilih melalui perjalanan ini.



Kuatnya sebuah bala tentera itu, ditunjangi oleh kuatnya seorang pemimpin dan seluruh gerombolannya. Kuatnya sepohon jati itu, dipaksikan oleh akarnya yang gagah menggenggam bumi dan kuatnya jatidiri khalifah itu berkait rapat dengan paradigma tauhid dan kepercayaannya kepada Sang Pencipta. Pegangan itulah yang menjadi paksi kepada seluruh warga di Universiti ini yang sentiasa meletakkan prinsip tersebut di dalam setiap perancangan dan pelaksanaan serta dizahirkan secara nyata di dalam Visi dan Misinya. Saya percaya segala pencapaian yang dilakarkan oleh Universiti ini bukanlah hasil usaha satu pihak tetapi seluruh pasukannya yang sentiasa mendepani cabaran mendatang tanpa jemu dan gentar. Semua yang tercatat di dalam Laporan Tahunan Tahun 2017 ini merupakan bukti kecemerlangan yang bukan dihasilkan dalam sekelip mata, tetapi dipadukan melalui usaha bersama selama 25 tahun tertubuhnya Universiti ini.

Pada kesempatan ini saya ingin merakamkan penghargaan serta setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Berbahagia Prof. Dr. Wahid bin Razzaly selaku Naib Canselor Universiti Tun Hussein Onn Malaysia serta seluruh barisan kepimpinan tertinggi Universiti, di atas Ulang Tahun Penubuhan Ke-25 UTHM yang akan disambut pada tahun 2018 nanti. Dua puluh lima tahun bukanlah satu tempoh yang singkat namun ianya juga bukanlah satu ukuran kematangan yang boleh dijadikan neraca pengukur sekiranya dibandingkan dengan Universiti lain yang telah berada lebih lama dalam liga ini. Dua puluh lima tahun ini telah dizahirkan dengan pelbagai pencapaian, diserlahkan dengan segenap kemasyhuran dan dibukukan dalam satu perjalanan yang sangat gemilang. Tahniah UTHM.

Akhir kata, tiada satu noktah dalam kita mencatat kejayaan namun ujian yang mendatang bukanlah pengakhiran kepada semua usaha yang telah disinergikan secara bersama. Tahniah di atas pencapaian ini dan selamat maju jaya bagi cabaran masa hadapan. Semoga UTHM lebih gemilang.

TINTA NAIB CANSOLOR

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera,
Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi syukur atas segala nikmat dan rahmat yang dikurniakan olehNya kepada seluruh warga Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM),



tahun 2017 telah berlalu dengan penuh hikmah. Pelbagai catatan kejayaan mewarnai UTHM selain daripada kita seluruhnya terus melakukan proses penambahbaikan kualiti berterusan ke arah memastikan UTHM terus memacu kecemerlangan di landasan yang betul.

Bagi seluruh warga UTHM, saya merafak sembah merakamkan penghargaan kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar, Sultan Yang Dipertuan Bagi Negeri dan Jajahan Takluk Johor Darul Ta'zim selaku Canselor UTHM dan kepada Duli Yang Amat Mulia Tunku Ismail Ibni Sultan Ibrahim, Tunku Mahkota Johor selaku Pro-Canselor UTHM atas peranan yang signifikan memberikan tunjuk ajar dan bimbingan terbaik untuk UTHM kekal relevan, dirujuk dan dihormati. Ucapan terima kasih juga kepada Yang Berbahagia Pro-Canselor, Yang Berhormat Menteri Pendidikan Tinggi, Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor, Yang Berbahagia Pengerusi Lembaga Pengarah dan ahli-ahli, ahli-ahli Senat, kepimpinan dan seluruh warga UTHM atas segala komitmen ke arah merealisasikan misi dan visi UTHM.

Tahun 2017 telah berlalu dengan pelbagai kejayaan dicatatkan menerusi semua lapangan dan peringkat. Usaha melahirkan graduan yang holistik, seimbang dan berminda keusahawanan yang juga seimbang antara ilmu dan akhlaknya terus menjadi agenda utama Universiti. Pelajar diberikan peluang bukan sahaja untuk membina kematangan minda menerusi aktiviti akademik, malah pelbagai kegiatan luar yang menajamkan kemahiran sosial juga terus dilaksanakan.

Aspek-aspek lain yang mendokong peranan UTHM sebagai menara gading kebanggaan masyarakat juga terus diperkasakan menerusi penglibatan aktif ahli akademik meneroka pelbagai bidang demi kemakmuran sejagat. Untuk tujuan itu, pastinya peranan warga UTHM lain secara keseluruhannya begitu besar impaknya dalam membentuk ekosistem kecemerlangan. Budaya muafakat dalam kalangan warga UTHM juga pastinya adalah kunci kepada setiap kejayaan, selain usaha yang berterusan tanpa mengenal erti jemu. Justeru, semoga tahun 2017 yang kita tinggalkan mencatat pelbagai hikmah demi kebaikan semua pihak dan seterusnya hasrat kita untuk menjadikan UTHM sebagai Universiti Teknikal bertaraf dunia akan terus direalisasikan bersama.

PETUNJUK PRESTASI UTAMA 2017

Jadual 1: Petunjuk Prestasi Utama & Pencapaian UTHM untuk Tahun 2017

Petunjuk Prestasi Utama	Penunjuk Kecekapan			Penunjuk Keberkesanan (Keseluruhan) (%)
	Pencapaian Tahun 2016	Sasaran Tahun 2017	Pencapaian Tahun 2017	
Peratus graduan yang mendapat pekerjaan, menjadi usahawan, melanjutkan pengajian, meningkatkan kemahiran atau menunggu penempatan, pada tahun konvokesyen.	75.6%	80%	76.9%	96
Jumlah penerbitan dalam jurnal & prosiding berindeks bagi setiap staf akademik di Universiti.	0.94	1.3	1.68	129
Jumlah sitasi kumulatif bagi setiap staf akademik di Universiti.	9.05	8	10.05	126
Jumlah penjanaan pendapatan sendiri berbanding dengan jumlah perbelanjaan mengurus, yang telah ditetapkan.	18%	15%	15.9%	106
Peratus keciciran pelajar berdasarkan peringkat pengajian di Universiti.				
(i) Sarjana Muda	0.5%	≤ 7%	10%	70
(ii) Sarjana	11.9%	≤15%	16%	94
(iii) PhD	32.3%	≤19%	28%	68
Peratus pelajar yang berjaya menamatkan pengajian dalam masa yang ditetapkan (iGoT) di Universiti.				
(i) Sarjana Muda	93%	80%	70%	88
(ii) Sarjana	58.9%	40%	56%	140
(iii) PhD	28.4%	40%	30%	75
Peratus enrolmen pelajar dalam Pendidikan & Latihan Teknikal & Vokasional (TVET) di IPTA.	-	37%	35.7%	96
EPP 12: Menjuarai sebagai Jenama Pendidikan Malaysia di peringkat antarabangsa.				
(i) Bilangan pelajar antarabangsa	672	700	821	117
(ii) Bilangan pelajar antarabangsa pascasiswazah	472	600	764	127

1

Tadbir Urus Universiti

- 20** Pengenalan
- 21** Lantikan Naib Canselor Baharu
- 22** Lantikan TNC (Akademik & Antarabangsa)
- 22** Lantikan Ketua Kampus UTHM Cawangan Pagoh
- 22** Lantikan Semula Pendaftar UTHM
- 23** Lantikan Bendahari UTHM
- 23** Lantikan Penasihat Undang-Undang UTHM
- 23** Lantikan Ahli LPU UTHM Baharu
- 24** Penstrukturan Organisasi
- 26** Penubuhan & Penjenamaan Semula Fakulti/Pusat
- 27** Kampus UTHM Pagoh

Pengenalan

Tahun 2017 mencatat sejarah tersendiri dalam lanskap kepimpinan di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) apabila beberapa jawatan penting diisi, antaranya jawatan Naib Canselor dan Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa). Selain itu, dengan bermulanya operasi kampus cawangan UTHM di Hub Pendidikan Tinggi Pagoh, lantikan jawatan Ketua Kampus UTHM Cawangan Pagoh juga berlaku. Bermula 1 Ogos 2017, 2 jawatan Penolong Naib Canselor menerusi portfolio Kelestarian Kewangan serta Perancangan Strategik & Perhubungan Korporat juga diwujudkan. Ini juga melengkapkan lantikan bagi mengisi jawatan Bendahari dan Penasihat Undang-Undang, selain lantikan semula bagi jawatan Pendaftar.

Lantikan Naib Canselor Baharu

Yang Berbahagia Profesor Dr. Wahid bin Razzaly telah dilantik ke jawatan Naib Canselor UTHM untuk tempoh 3 tahun, berkuatkuasa mulai 3 Mac 2017 sehingga 2 Mac 2020. Beliau yang sebelum ini telah diberi kepercayaan menjalankan tugas Naib Canselor sejak 16 Oktober 2016, telah diumumkan sebagai penyandang jawatan ini bagi menggantikan Yang Berbahagia Profesor Datuk Dr. Mohd Noh bin Dalimin yang telah tamat tempoh pelantikan pada 15 Oktober 2016, setelah mendapat perkenan Canselor UTHM, Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar. Beliau sebelum ini telah memegang beberapa jawatan utama di UTHM seperti Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa), Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi), Dekan Pusat Pembangunan Akademik dan Dekan Fakulti Pendidikan Teknikal & Vokasional.



Lantikan TNC (Akademik & Antarabangsa)

Profesor Dr. Ismail bin Abdul Rahman telah dilantik sebagai Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa), UTHM berkuatkuasa mulai 1 Oktober 2017 oleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan Tinggi untuk tempoh 3 tahun sehingga 30 September



2020. Lantikan ini adalah bagi mengisi jawatan Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa) UTHM yang sebelum ini disandang oleh Profesor Dr. Wahid bin Razzaly. Beliau yang sebelum ini merupakan Dekan Pusat Pengajian Siswazah juga terdahulu telah menggalas beberapa jawatan penting antaranya sebagai Dekan Pusat Pengajian Diploma, Timbalan Dekan Penyelidikan & Pembangunan di Fakulti Kejuruteraan Awam & Alam Sekitar, Ketua Pejabat Penerbit dan Timbalan Pengarah di Pusat Pengurusan Penyelidikan UTHM.



Lantikan Ketua Kampus UTHM Cawangan Pagoh

Penubuhan UTHM Kampus (Cawangan Pagoh) telah diluluskan berkuatkuasa mulai 1 Januari 2017 melalui Warta Perintah Penubuhan Kampus P.U. (A) 378 bertarikh 14 Disember 2016. Yang Berhormat Menteri Pendidikan Tinggi telah melantik

Dato' Dr. Abdul Razak bin Omar sebagai Ketua Kampus UTHM Cawangan Pagoh untuk tempoh selama 3 tahun, berkuatkuasa mulai 1 Januari 2017 hingga 31 Disember 2019. Terdahulu, Profesor Dato' Dr. Abdul Razak bin Omar telah menjalankan tugas sebagai Penolong Naib Canselor (Hubungan Industri & Masyarakat).

Lantikan Semula Pendaftar UTHM

Encik Abdul Halim bin Abdul Rahman telah dilantik semula sebagai Pendaftar UTHM untuk tempoh 3 tahun berkuatkuasa mulai 22 Mei 2017 hingga 21 Mei 2020. Keputusan ini adalah melalui Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti (LPU) Bil. 1/2017



yang bersidang pada 14 Februari 2017. Untuk rekod, penyambungan lantikan ini adalah untuk kali kedua setelah beliau dilantik sebagai Pendaftar pada 22 Mei 2014 hingga 21 Mei 2017.

Lantikan Bendahari UTHM

Cik Azizah binti Nasri telah dilantik sebagai Bendahari di UTHM untuk tempoh 3 tahun berkuatkuasa mulai 5 Mac 2017 hingga 4 Mac 2020. Keputusan ini telah dibuat melalui Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti (LPU) Bil. 2/2017 yang bersidang pada 11 April 2017.



Lantikan Penasihat Undang-Undang UTHM

Puan Norlia binti Yaakub telah dilantik sebagai Penasihat Undang-Undang UTHM untuk tempoh 3 tahun berkuatkuasa mulai 1 November 2017 hingga 31 Oktober 2020. Keputusan ini telah dibuat melalui Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti (LPU) Khas Bil. 2/2017 yang bersidang pada 27 Oktober 2017.

Lantikan Ahli LPU UTHM Baharu

Pengurus Pusat Bertauliah bagi Akademi Profesional KOSAS, Yang Berbahagia Dato' Dr. Ir. Abdul Rashid bin Maidin telah dilantik sebagai Ahli Lembaga Pengarah Universiti (LPU) UTHM berkuatkuasa pada 15 Jun 2017 sehingga 14 Jun 2020.

Pelantikan untuk tempoh 3 tahun ini dibuat oleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan Tinggi dan lantikan ini adalah mewakili portfolio dari dalam atau luar Universiti yang pada pendapat Menteri Pendidikan Tinggi, mempunyai pengetahuan dan pengalaman yang boleh membantu Lembaga dan juga Universiti dalam bidang yang berkaitan. Dato' Dr. Ir. Abdul Rashid bin Maidin berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Awam dan Ijazah Doktor Falsafah (DBA) dalam bidang Sistem Perumahan, kedua-duanya dari Universiti Teknologi MARA (UiTM). Beliau merupakan seorang yang bergiat aktif dalam pelbagai badan profesional kejuruteraan seperti Lembaga Jurutera Malaysia (BEM), Institut Jurutera Malaysia (IEM), Lembaga Teknologis Malaysia (MBOT) dan Association of Consulting Engineers Malaysia. Beliau turut dilantik menjadi Ahli Lembaga Pengarah kepada beberapa badan profesional yang lain seperti CIDB, CREAM dan IEM.



Penstrukturan Organisasi

Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti (LPU) Bil. 3/2017 yang bersidang pada 18 Julai 2017 telah meluluskan struktur organisasi Universiti serta penyusunan semula jawatan dan struktur Pusat Tanggungjawab (PTj) yang melibatkan hampir sebahagian besar PTj di Universiti. Bagi meningkatkan daya saing dan memastikan UTHM terus maju, 2 portfolio Penolong Naib Canselor iaitu Pembangunan, Pengurusan Fasiliti & ICT, dan Hubungan Industri & Masyarakat telah dijumlahkan. Dua portfolio baharu yang diwujudkan dengan penyandangannya adalah:




Profesor Madya Dr.
Wan Fauziah @ Wan Fauzi binti Wan Yusoff
Penolong Naib Canselor (Kelestarian Kewangan)



Profesor Madya Dr. Afandi bin Ahmad
Penolong Naib Canselor
(Perancangan Strategik & Perhubungan Korporat)

Selain itu, agihan semula PTj mengikut susunan pelaporan juga telah dibuat selain beberapa PTj sedia ada dikemaskini strukturnya dan diperkasakan mengikut keperluan Universiti. Carta organisasi Universiti yang terkini adalah seperti dalam Rajah 1.1.



Rajah 1.1: Carta Organisasi Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

Penubuhan & Penjenamaan Semula Fakulti/Pusat

Pusat Penyelidikan Geomatik Gunaan & Pencegahan Bencana (CAGeD)



Centre of Applied Geomatics and Disaster Prevention

Pusat Penyelidikan Geomatik Gunaan & Pencegahan Bencana atau Centre of Applied Geomatics for Disaster Prevention (CAGeD) diluluskan penubuhannya melalui Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti (LPU) Bil. 5/2017.

Pusat ini berperanan sebagai sebuah pusat penyelidikan dengan bidang tujuhnya adalah kajian teknologi geomatik gunaan bagi memantau, mengesan serta mencegah bencana menerusi aktiviti penyelidikan bencana melalui kerjasama dengan institusi tempatan dan luar negara.

Penjenamaan Semula Fakulti Sains, Teknologi & Pembangunan Insan (FSTPi)

Fakulti Sains, Teknologi & Pembangunan Insan (FSTPi) merupakan sebuah Fakulti yang ditubuhkan bagi mengembangkan program akademik dan penyelidikan di Universiti khusus dalam bidang sains dan teknologi, selain menyokong program kejuruteraan utama di Universiti. Melalui Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti (LPU) Bil. 3/2017




yang bersidang pada 18 Julai 2017, Fakulti Sains, Teknologi & Pembangunan Insan atau dikenali sebagai FSTPi, telah dijenamakan semula kepada Fakulti Sains Gunaan & Teknologi atau Faculty of Applied Sciences & Technology dengan ringkasannya dikenali sebagai FAST. Penjenamaan ini memacu hasrat warga Fakulti untuk memberi gambaran yang lebih jelas terhadap kepakaran dan program akademik yang ditawarkan. Usaha penjenamaan ini diyakini berupaya memberi impak positif dalam usaha meningkatkan kebolehlihatan Fakulti ini bukan sahaja di Malaysia malah di arena global.



Kampus UTHM Pagoh

Kampus UTHM Pagoh telah beroperasi pada September 2017 dengan kapasiti seramai 357 orang staf dan 5,277 orang pelajar dari 3 Fakulti iaitu; Fakulti Teknologi Kejuruteraan (FTK), Fakulti Sains Gunaan & Teknologi (FAST) dan Pusat Pengajian Diploma (PPD).



Kolej Kediaman Pelajar

Kolej Kediaman Pagoh 1
 1,136 (Male) / 465 (Female)

Kolej Kediaman Pagoh 2
 400 (Male) / 1,287 (Female)

Kolej Kediaman Pagoh 3
 868 (Male) / 471 (Female)

Jumlah Pelajar 5,277

Sarjana Muda // 1,572
Sarjana // 785
Doktor Falsafah // 34
Keseluruhan // 2,391
 Fakulti Teknologi Kejuruteraan (FTK)

Sarjana Muda // 785
Sarjana // 120
Doktor Falsafah // 118
Keseluruhan // 1,023
 Fakulti Sains Gunaan dan Teknologi (FAST)

Keseluruhan // 1,863
 Pusat Pengajian Diploma (PPD)



Kemudahan yang terdapat di Kampus UTHM Pagoh dan Hub Pendidikan Tinggi Pagoh adalah seperti bilik kuliah, bilik seminar, dewan kuliah, pusat sumber, surau, stadium, dewan serbaguna, dewan auditorium dan pusat akuatik. Pada tahun 2017, kos perbelanjaan utiliti bagi pengoperasian kampus UTHM Pagoh adalah sebanyak RM 1,452,359.16. Kampus UTHM Pagoh turut memperkenalkan kaedah pengajaran dan pembelajaran yang baharu melalui *teaching factory*. Ini adalah untuk menyediakan kaedah pengajaran dan pembelajaran yang berasaskan kepada *hands on to real experience* yang berkonsepkan industri dalam Universiti kepada pelajar.

Teaching factory merupakan konsep pembelajaran dan pengajaran yang pertama diwujudkan di Malaysia. Perancangan jangka pendek projek ini adalah menyediakan ruang untuk sewaan 3 industri perabot yang menjalankan proses pembuatan produk perabot untuk dieksport. Ini membolehkan pelajar menjadikan *teaching factory* sebagai makmal untuk pengajaran dan pembelajaran mereka.

Bagi jangka masa panjang, *teaching factory* UTHM Pagoh ini dijangka dapat melahirkan usahawan perabot dalam kalangan graduan UTHM di mana mereka sendiri yang akan menjalankan pembuatan produk perabot secara automasi sepenuhnya untuk dieksport. Tambahan dari itu, di *teaching factory* UTHM Pagoh, pelajar akan mempelajari dan mengaplikasikan teknologi terkini dalam perusahaan industri perabot.



2

Pengurusan & Pembangunan Modal Insan

- 30** Pengenalan
- 31** Perjawatan
- 32** Tamat Perkhidmatan
- 32** Kenaikan Pangkat
- 33** Cuti Belajar
- 34** Staf Akademik Berkelulusan PhD
- 34** Kerjasama Sangkutan Industri Bersama JKR
- 35** Anugerah Perkhidmatan Cemerlang
- 35** Pembangunan Modal Insan
- 37** Aktiviti Kumpulan Inovasi & Kreatif

Pengenalan

Populasi yang besar mesti dilihat sebagai aset kepada sesebuah organisasi. Aspek pengurusan dan pembangunan modal insan hari ini menjadi semakin rumit dengan pesatnya perkembangan teknologi. Pelbagai bentuk latihan dan ilmu pengetahuan baharu perlu terus disuntik kepada semua warga organisasi agar mereka terus berdaya saing dan bersama-sama memacu kecemerlangan Universiti.



Perjawatan

Keseluruhan staf UTHM pada tahun 2017 adalah seramai 2,313 orang. Daripada jumlah tersebut sejumlah 1,046 orang adalah staf akademik dan bakinya 1,267 orang merupakan staf pentadbiran. Rajah 2.1 dan Rajah 2.2 masing-masing menunjukkan pecahan jawatan berdasarkan gred dan kumpulan jawatan untuk tahun 2017.

• Pengurusan Tertinggi	4	• Tutor (DA41)	61
• Profesor (VK5)	1	• Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (DG52)	1
• Profesor (VK6)	3	• Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (DG32)	2
• Profesor (VK7)	28	• Pegawai Latihan Vokasional (DV48)	4
• Felo Utama (VK7)	1	• Pegawai Latihan Vokasional (DV44)	49
• Profesor Madya (DS54)	141	• Pegawai Latihan Vokasional (DV43)	3
• Felo Industri Kanan (DS53) ...	2	• Pengajar (DV41)	27
• Profesor Madya (DS53)	14	• Penolong Pegawai Latihan Vokasional (DV29)	10
• Pensyarah Kanan (DS52)	185		
• Felo Industri (DS51)	1		
• Pensyarah (DS51)	251		
• Pensyarah (DS45)	223		
• Guru Bahasa (DG48)	1		
• Guru Bahasa (DG44)	4		
• Guru Bahasa (DG41)	30		


▲ Rajah 2.1: Pecahan Jawatan Staf Akademik Mengikut Gred Jawatan

▼ Rajah 2.2: Pecahan Jawatan Staf Pentadbiran Mengikut Kumpulan Jawatan



Tamat Perkhidmatan

Secara keseluruhan, seramai 56 orang staf telah menamatkan perkhidmatan di UTHM bagi tahun 2017 dan peratusan pecahannya adalah seperti dalam Rajah 2.3. Ini merangkumi 3 orang yang telah meninggal dunia, 13 orang telah bersara dengan masing-masing 7 dan 6 orang bersara wajib dan pilihan.



Rajah 2.3: Peratusan Pecahan Staf Tamat Perkhidmatan di UTHM Tahun 2017

Kenaikan Pangkat

Pada tahun 2017, seramai 121 orang staf daripada pelbagai gred jawatan telah dinaikkan pangkat. Pecahan berdasarkan kumpulan jawatan adalah seperti dalam Jadual 2.1 dan 2.2.

Kumpulan Jawatan	Bil
Profesor VK7	4
Profesor Madya DS54	30
Pensyarah Kanan DS52	26
Pegawai Latihan Vokasional DV52	1
Guru Bahasa DG52	1
Pegawai Latihan Vokasional DV48	3
Pegawai Latihan Vokasional DV44	11
Jumlah Keseluruhan	76

Jadual 2.1: Kenaikan Pangkat Staf Akademik Tahun 2017

Kumpulan Jawatan	Bil
Kumpulan Pengurusan & Profesional	17
Kumpulan Pelaksana	28
Jumlah Keseluruhan	45

Jadual 2.2: Kenaikan Pangkat Staf Pentadbiran Tahun 2017


Cuti Belajar

Keseluruhan staf yang sedang cuti belajar sehingga 31 Disember 2017 adalah seramai 121 orang. Daripada jumlah tersebut sejumlah 81 orang adalah staf akademik, 5 orang merupakan staf bukan akademik dan berbaki 35 orang adalah mereka yang mengikuti Skim Tenaga Akademik Baharu (STAB). Jadual 2.3 dan Rajah 2.4 menunjukkan pecahan staf sedang cuti belajar berdasarkan gred jawatan dan peringkat pengajian masing-masing.

Jadual 2.3: Pecahan Staf Cuti Belajar mengikut Gred Jawatan


Rajah 2.4: Pecahan Staf Cuti Belajar mengikut Peringkat Pengajian

Staf Akademik	
Jawatan	Bil
Profesor Madya	1
Pensyarah Kanan	3
Pensyarah	21
Pengajar Kanan	5
Pengajar	3
Penolong Pengajar	1
Guru Bahasa	2
Tutor	45
Jumlah	81
Bukan Akademik	
Pengurusan & Profesional	5
Sokongan	0
Jumlah	5
Skim Tenaga Akademik Baru (STAB)	
STAB	35
Jumlah Keseluruhan	121



Staf Akademik Berkelulusan PhD


Peratus staf akademik dengan kelayakan PhD sehingga 31 Disember 2017 adalah sebanyak 71%, iaitu 621 orang daripada 874 orang keseluruhan staf akademik. Rajah 2.5 menunjukkan peratus staf akademik dengan dan tanpa PhD.



Rajah 2.5: Peratus Staf Akademik Dengan dan Tanpa PhD

Kerjasama Sangkutan Industri Bersama JKR

Program kerjasama di antara UTHM dan Jabatan Kerja Raya (JKR) telah diluluskan oleh Mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif pada 15 September 2016. Kerjasama ini meletakkan sasaran ke arah peningkatan profesionalisme staf dan sekaligus memenuhi keperluan dan syarat ke arah permohonan sebagai jurutera profesional (PEng). Menerusi kerjasama ini, pihak UTHM telah menghantar seramai 11 orang staf akademik merangkumi bidang kejuruteraan awam, mekanikal dan elektrik bagi menjalani latihan di JKR selama 12 bulan (seperti dalam Rajah 2.6). Staf diberi pendedahan dalam aspek reka bentuk, pengurusan projek dan bidang lain yang berkaitan ke arah proses permohonan kelayakan sebagai jurutera profesional.



Rajah 2.6: Sangkutan Industri bersama Jabatan Kerja Raya

Anugerah Perkhidmatan Cemerlang

Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2016 telah berlangsung pada 11 April 2017. Seramai 179 orang staf pelbagai skim perkhidmatan telah menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2016. Majlis telah disempurnakan oleh Yang Berbahagia Tan Sri (Dr.) Ir. Jamilus bin Md Hussin selaku Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti. Majlis ini juga turut meraikan staf yang telah berkhidmat untuk tempoh 20 dan 10 tahun, masing-masing melalui Anugerah Taat Setia seramai 46 orang dan Anugerah Jasa Bakti seramai 92 orang. Turut menerima anugerah ialah staf yang dipilih melalui Panel Pembangunan Sumber Manusia (PPSM) iaitu seramai 42 orang.



Majlis juga turut meraikan 12 orang pesara UTHM yang telah bersara pada tahun 2016, selain 6 orang penerima Anugerah Cuti Belajar dan seorang penerima Anugerah Pengajaran UTHM.

Pembangunan Modal Insan

Kursus & Latihan

Untuk terus memperkasa modal insan, Pejabat Pendaftar terus komited menyediakan latihan-latihan untuk kemajuan staf bagi merealisasikan misi dan visi Universiti. Latihan-latihan yang dianjurkan bersifat menyeluruh dan bersesuaian dengan keperluan staf dan jawatan. Keperluan latihan staf dikenalpasti melalui konsep *training need analysis* serta *training road map* mengikut skim perkhidmatan.



Untuk tahun 2017, sebanyak 65 kursus yang meliputi beberapa kluster program telah berjaya dilaksanakan, antaranya seperti yang dinyatakan dalam Jadual 2.4, 2.5, 2.6, 2.7, 2.8 dan 2.9.

Jadual 2.4: Program Kepimpinan & Pembangunan Eksekutif

Nama Kursus	Tarikh	Kehadiran
Kursus Pengurusan Kewangan Universiti (Pegawai yang Menguruskan Kewangan)	12 Februari 2017	30
Kursus Asas NLP	16 - 17 April 2017	37
Kursus Pengurusan Penajaan	31 Mei 2017	51

Jadual 2.5: Program Pembangunan Diri & Modal Insan

Nama Kursus	Tarikh	Kehadiran
Kursus Pengurusan Kewangan Universiti (Pegawai yang Menguruskan Kewangan)	12 Februari 2017	30
Kursus Pengurusan Kewangan Universiti (Kerani Kewangan)	13 Februari 2017	45
Kursus Asas Pengurusan Rekod & Fail	27 Februari 2017	53

Jadual 2.6: Program Teknikal & Teknologi Maklumat

Nama Kursus	Tarikh	Kehadiran
Kursus Pengurusan & Penyeliaan Perkhidmatan Pembersihan	28 - 30 Mac 2017	12
Microsoft Powerpoint "Penyediaan Slaid Pembentangan & Poster Berkesan"	26 - 27 Mac 2017	28
Kursus Adobe Photoshop (Pertengahan)	16 - 17 April 2017	38

Jadual 2.7: Program Gaya Hidup Sihat & Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan

Nama Kursus	Tarikh	Kehadiran
Inspirasi Sihat - Gaya Hidup Sihat	14 - 15 Februari 2017	53
Kursus <i>How Obesity Effect The Life Style & Physiological</i>	20 Ogos 2017	46
Kursus Juruaudit Dalam Pematuhan Akta Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan 1994	27 April 2017	16

Jadual 2.8: Program Asas Staf Baru & Wajib Perkhidmatan

Nama Kursus	Tarikh	Kehadiran
Program Transformasi Minda Bilangan 1	19 - 23 Februari 2017	46
Program Transformasi Minda Bilangan 2	13 - 17 Ogos 2017	39
Asas Perkhidmatan Staf	14 - 15 Mac 2017	35
Kursus Kewangan Universiti	22 - 23 Mei 2017	34

Jadual 2.9: Kursus-kursus Komersial Anjuran Pejabat Pendaftar 2017

Nama Kursus	Tarikh	Tempat
Kursus Pengurusan & Penyeliaan Perkhidmatan Pembersihan	28 - 30 Mac 2017	Quality Hotel, Kuala Lumpur
Konvensyen Keselamatan Universiti & Kursus Menangani Perhimpunan Haram	3 - 6 April 2017	PuMAS
Kursus Transformasi Penolong Jurutera JA29	25 - 27 Julai 2017	Hotel Copthorne Cameron Highland
Kursus Pra Persaraan	22 - 23 November 2017	Perpustakaan Tunku Tun Aminah


Untuk rekod, kursus-kursus yang dianjurkan oleh Pejabat Pendaftar turut disertai oleh peserta dari universiti-universiti awam yang lain. Kursus-kursus komersil ini telah dilaksanakan dengan jayanya dan berjaya menjana pendapatan Universiti sebanyak RM 122,100.


Aktiviti Kumpulan Inovasi & Kreatif

Selain daripada kursus dan latihan yang dianjurkan oleh Pejabat Pendaftar, inisiatif dan penglibatan warga UTHM menerusi kumpulan inovasi dan kreatif (KIK) juga semakin mendapat perhatian. Antara aktiviti berkaitan ialah seperti dalam Rajah 2.7.

**Konvensyen Kumpulan
Inovatif & Kreatif (UA) Kali
Ke-13**

1 - 3 Ogos 2017
Universiti Malaysia Perlis
(UniMAP), Perlis


 **BOSS, Fakulti Pendidikan Teknikal & Vokasional**
Tajuk Projek : Kesukaran Penyediaan Rancangan Pengajaran Harian (RPH) dalam Program Latihan


 **MOSFET, Fakulti Kejuruteraan Elektrik & Elektronik, UTHM**
Tajuk Projek: Permohonan Komponen Elektronik Secara *Online*

 **Gangsa (Kategori Pengurusan)**

**Konvensyen Team
Excellence Wilayah Selatan
2017**

15 - 16 Ogos 2017
Hotel Ramada Plaza,
Melaka


 **Q-PPD, Pusat Pengajian Diploma, UTHM**
Tajuk Projek : Kelewatan Kemasukan Markah Pelajar yang Menjalani Latihan Industri oleh Penyelaras Latihan Industri


 **RENAISSANCE, Pusat Kesihatan Universiti, UTHM**
Tajuk Projek: Pengambilan Darah Mengambil Masa yang Lama

 **Emas**

**International Quality &
Productivity Convention 2017
(IQPC 2017)**


27 - 30 November 2017
Hotel Kyriad Bumiminang /
The Axana Hotel, Padang,
Indonesia


 **BOSS, Fakulti Pendidikan Teknikal & Vokasional**
Tajuk Projek : Kesukaran Penyediaan Rancangan Pengajaran Harian (RPH) dalam Program Latihan


 **Platinum**

**Annual Productivity &
Innovation Conference and
Exposition**

14 - 16 November 2017
Genting International
Convention Centre (GICC),
Genting Highland

 **Q-PPD, Pusat Pengajian Diploma, UTHM**
Tajuk Projek : Kelewatan Kemasukan Markah Pelajar yang Menjalani Latihan Industri oleh Penyelaras Latihan Industri

 **RENAISSANCE, Pusat Kesihatan Universiti, UTHM**
Tajuk Projek: Pengambilan Darah Mengambil Masa yang Lama

 **Emas 3 Bintang**

3

Akademik & Antarabangsa

-
- 40 Pengenalan
 - 41 Penawaran Program
 - 44 Enrolmen, Pengambilan & Graduan
 - 48 Majlis Konvokesyen UTHM
 - 48 Majlis Pemakaian Hud Graduan Siswazah
 - 49 Mobiliti Pelajar
 - 49 Latihan Industri Luar Negara
 - 50 Promosi Pendidikan Antarabangsa
 - 50 Promosi dalam Negara
 - 51 Perpustakaan Tunku Tun Aminah

Pengenalan

UTHM merupakan sebuah Universiti Teknikal dengan bidang tujuhnya ialah teknologi hijau dan kejuruteraan persekitaran. Sebagai anggota kepada Universiti Teknikal di Malaysia (MTU), fungsi dan peranan UTHM jelas dalam usaha melahirkan modal insan berkualiti demi manfaat negara. Apabila agenda Pendidikan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) diarusperdanakan, UTHM sebenarnya telah lebih awal memainkan peranannya. Apabila UTHM menganjurkan Asia TVET Experts Forum 2017 pada 17 dan 18 Julai 2017 seperti Foto 3.1, ini telah menjelaskan inisiatif UTHM untuk menyumbang kepada penghasilan graduan TVET berkualiti demi keperluan negara.

Tahun 2017 juga menyaksikan sejarah baharu khususnya dalam lapangan akademik UTHM apabila, 3 Fakulti/ Pusat Pengajian menjadi perintis kepada UTHM Kampus Pagoh di lokasi Hub Pendidikan Tinggi Pagoh (HPTP). Selain daripada Fakulti Sains Gunaan & Teknologi (FAST) dan Pusat Pengajian Diploma (PPD), bidang teknologi




▲ Foto 3.1: Persidangan Asia TVET Experts Forum 2017

kejuruteraan juga dilihat sebagai tunjang di kampus UTHM Pagoh. Ini juga adalah selari dengan usaha UTHM untuk terus melahirkan lebih ramai jurutera teknologi merentasi pelbagai bidang. Ini juga senada dengan hasrat yang dijelaskan dalam Memorandum Jemaah Menteri pada April 2000, apabila idea IPTA Model 2 diketengahkan kepada perhatian Kabinet sebagai pelengkap kepada Universiti sedia ada di Malaysia.

Penawaran Program

Program akademik yang ditawarkan menggunakan kurikulum yang inovatif dan holistik dengan proses pembelajaran dan pengajaran (P&P) berasaskan pengalaman serta pelbagai mod diketengahkan. Ringkasan bilangan program yang ditawarkan oleh UTHM adalah seperti dalam Rajah 3.1. Sehingga Disember 2017, sejumlah 94 program ditawarkan menerusi 10 Fakulti/Pusat Pengajian di pelbagai peringkat. Tahun 2017 menyaksikan 12 program telah melalui proses akreditasi seperti yang dijelaskan dalam Jadual 3.1.



▲ Rajah 3.1: Program Akademik UTHM Tahun 2017

Jadual 3.1: Senarai Program yang telah di Akreditasi Tahun 2017

Nama Program	Badan Profesional	Tarikh Lawatan
Sarjana Muda Sains (Teknologi Makanan) dengan Kepujian		8 Februari 2017
Sarjana Muda Sains (Statistik Industri) dengan Kepujian	Agensi Kelayakan Malaysia (MQA)	22 Februari 2017
Doktor Falsafah Pendidikan		10 April 2017
Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Elektronik (Komunikasi & Komputer) dengan Kepujian		
Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Awam (Pembinaan) dengan Kepujian		
Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Elektrik (Kuasa Elektrik) dengan Kepujian	Majlis Akreditasi Teknologi Kejuruteraan (ETAC)	24 - 25 Oktober 2017
Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Mekanikal (Automotif) dengan Kepujian		
Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Elektronik (Automasi Industri) dengan Kepujian		
Diploma Kejuruteraan Elektrik		
Diploma Kejuruteraan Awam	Dublin Accord	8 - 11 November 2017
Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Awam (Alam Sekitar) dengan Kepujian		
Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Mekanikal (Pembuatan) dengan Kepujian	Sydney Accord	8 - 11 November 2017

Selain daripada 12 program yang telah melalui proses akreditasi, UTHM terus melakarkan kejayaan apabila beberapa program akademik telah berjaya mendapat pengiktirafan penuh oleh badan profesional. Fakulti Kejuruteraan Elektrik & Elektronik (FKEE) melakar sejarah apabila program akademik prasiswazah yang ditawarkan di FKEE iaitu Sarjana Muda Kejuruteraan Elektronik dengan Kepujian (BEJ) berjaya mendapat pengiktirafan penuh



5 tahun untuk graduan bermula tahun 2014 hingga 2018. Pencapaian cemerlang ini dimaklumkan secara rasmi oleh Pendaftar Lembaga Jurutera Malaysia (BEM) menerusi surat yang diterima pada 17 Januari 2017.




Kejayaan ini juga diraih oleh Fakulti Kejuruteraan Awam & Alam Sekitar (FKAAS) menerusi program Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Awam dengan Kepujian (BFF) yang berjaya untuk kali kedua berturut-turut mendapat pengiktirafan penuh oleh BEM.


Ternyata kualiti pendidikan kejuruteraan di UTHM tidak boleh disangkal apabila program Sarjana Muda Kejuruteraan Mekanikal dengan Kepujian (BDD) juga berjaya mendapat pengiktirafan penuh. Selain daripada kejayaan mendapat pengiktirafan, pada tahun 2017 terdapat 2 program baharu yang telah diluluskan penawarannya oleh Jawatankuasa Pendidikan Tinggi (JKPT), Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia iaitu Sarjana Sains (Kimia Bahan) Secara Mod Campuran (FAST) dan Sarjana Muda Sains Senibina (FKAAS) yang telah memulakan pengambilan pelajar sulung mereka pada kemasukan Semester I Sesi 2017/2018.

Enrolmen, Pengambilan & Graduan

Sehingga Disember 2017, seramai 17,534 pelajar mengikuti pelbagai peringkat pengajian di UTHM. Daripada jumlah itu, seramai 687 pelajar merupakan pelajar antarabangsa dari 24 buah negara termasuk Jepun, Amerika Syarikat, China, Maldives serta dari Timur Tengah dan Afrika. Enrolmen pelajar untuk tahun 2017 diringkaskan seperti dalam Rajah 3.2. Selain itu, tahun 2017 juga merekodkan 4,785 pengambilan pelajar telah dibuat masing-masing dengan pecahan seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 3.3. Manakala senarai program akademik yang ditawarkan adalah seperti dalam Jadual 3.2.



◀ Rajah 3.2: Enrolmen Pelajar Tahun 2017



▲ Rajah 3.3: Pecahan Pengambilan Pelajar Tahun 2017

Jadual 3.2: Senarai Program Akademik yang Ditawarkan untuk Tahun 2017

Fakulti/Pusat Pengajian	Nama Program Pengajian
Fakulti Kejuruteraan Awam & Alam Sekitar	<ul style="list-style-type: none"> • Doktor Falsafah Kejuruteraan Awam (PFA) • Sarjana Kejuruteraan Awam secara penyelidikan (KFA) • Sarjana Kejuruteraan Awam secara kerja kursus (MFA) • Sarjana Muda Kejuruteraan Awam dengan Kepujian (BFF) • Sarjana Muda Sains Senibina (BFR)
Fakulti Kejuruteraan Elektrik & Elektronik	<ul style="list-style-type: none"> • Doktor Falsafah Kejuruteraan Elektrik (PEE) • Sarjana Kejuruteraan Elektrik secara kerja kursus (MEE) • Sarjana Kejuruteraan Elektrik secara penyelidikan (KEE) • Sarjana Muda Kejuruteraan Elektrik dengan Kepujian (BEV) • Sarjana Muda Kejuruteraan Elektronik dengan Kepujian (BEJ)
Fakulti Kejuruteraan Mekanikal & Pembuatan	<ul style="list-style-type: none"> • Doktor Falsafah Kejuruteraan Mekanikal (PDM) • Sarjana Kejuruteraan Mekanikal secara kerja kursus (MDM) • Sarjana Kejuruteraan Mekanikal secara penyelidikan (KDM) • Sarjana Kejuruteraan Bahan secara mod campuran (MDB) • Sarjana Kejuruteraan Pembuatan secara mod campuran (MDP) • Sarjana Muda Kejuruteraan Mekanikal dengan Kepujian (BDD) • Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Aeronautik (Penerbangan Profesional) dengan Kepujian (BDC) • Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Aeronautik (Penyelenggaraan Pesawat Terbang) dengan Kepujian (BDM)
Fakulti Pengurusan Teknologi & Perniagaan	<ul style="list-style-type: none"> • Doktor Falsafah Pengurusan Teknologi secara penyelidikan (PPP) • Doktor Falsafah Pengurusan Harta Tanah & Fasiliti (PPF) • Sarjana Sains Pengurusan Teknologi secara penyelidikan (KPP/ MPP) • Sarjana Sains Pengurusan Harta Tanah & Fasiliti secara penyelidikan (MPF/ KPF) • Sarjana Sains Pengurusan Teknologi Pembinaan secara kerja kursus (MPC) • Sarjana Pentadbiran Perniagaan (MBA) secara kerja kursus • Sarjana Muda Pengurusan Teknologi dengan Kepujian (BPA) • Sarjana Muda Pengurusan Teknologi (Pengeluaran & Operasi) dengan Kepujian (BPB) • Sarjana Muda Pengurusan Teknologi (Pembinaan) dengan Kepujian (BPC) • Sarjana Muda Pengurusan Harta Tanah dengan Kepujian (BPD) • Sarjana Muda Pengurusan Teknologi (Reka Bentuk & Pembuatan Perabot) dengan Kepujian (BPP)
Fakulti Pendidikan Teknikal & Vokasional	<ul style="list-style-type: none"> • Doktor Falsafah Pendidikan secara penyelidikan (PBP) • Sarjana Pendidikan Teknik & Vokasional secara kerja kursus (MBV) • Sarjana Pendidikan Teknik & Vokasional secara penyelidikan (KBV) • Sarjana Pendidikan Teknikal (Kejuruteraan Awam) secara kerja kursus (MBC) • Sarjana Pendidikan Teknikal (Kejuruteraan Elektrik) secara kerja kursus (MBE)

Jadual 3.2: Senarai Program Akademik yang Ditawarkan untuk Tahun 2017 (Sambungan)


Fakulti/Pusat Pengajian	Nama Program Pengajian
Fakulti Pendidikan Teknikal & Vokasional	<ul style="list-style-type: none"> • Sarjana Pendidikan Teknikal (Kejuruteraan Mekanikal) secara kerja kursus (MBM) • Sarjana Pendidikan Teknikal (Rekabentuk Instruksional & Teknologi) (MBT) • Sarjana Muda Pendidikan Vokasional (Elektrik & Elektronik) dengan Kepujian (BBE) • Sarjana Muda Pendidikan Vokasional (Katering) dengan Kepujian (BBC) • Sarjana Muda Pendidikan Vokasional (Binaan Bangunan) dengan Kepujian (BBB) • Sarjana Muda Pendidikan Vokasional (Penyejukbekuan & Penyamanan Udara) dengan Kepujian (BBG) • Sarjana Muda Pendidikan Vokasional (Kimpalan & Fabrikasi Logam) dengan Kepujian (BBD) • Sarjana Muda Pendidikan Vokasional (Pemesinan Am) dengan Kepujian (BBA) • Sarjana Muda Pendidikan Vokasional (Multimedia Kreatif) dengan Kepujian (BBF)
Fakulti Sains Komputer & Teknologi Maklumat	<ul style="list-style-type: none"> • Doktor Falsafah Teknologi Maklumat (PIT) • Sarjana Teknologi Maklumat secara penyelidikan (MIT/ KIT) • Sarjana Sains Komputer (Keselamatan Maklumat) secara mod campuran (CII) • Sarjana Sains Komputer (Kejuruteraan Perisian) secara mod campuran (CIE) • Sarjana Sains Komputer (Teknologi Web) secara mod campuran (CIW) • Sarjana Sains Komputer (Pengkomputeran Lembut) secara mod campuran (CIS) • Sarjana Muda Teknologi Maklumat • Sarjana Muda Sains Komputer (Pengkomputeran Multimedia) dengan Kepujian • Sarjana Muda Sains Komputer (Kejuruteraan Perisian) dengan Kepujian • Sarjana Muda Sains Komputer (Keselamatan Maklumat) dengan Kepujian • Sarjana Muda Sains Komputer (Teknologi Web) dengan Kepujian
Fakulti Sains Gunaan & Teknologi	<ul style="list-style-type: none"> • Doktor Falsafah Sains secara penyelidikan (PWZ) • Sarjana Sains (Kimia Bahan) secara mod campuran • Sarjana Sains secara penyelidikan (KWZ) • Sarjana Sains Matematik Gunaan secara kerja kursus (MWA) • Sarjana Sains Statistik Industri secara kerja kursus (MWQ) • Sarjana Muda Sains (Matematik Teknologi) dengan Kepujian (BWA) • Sarjana Muda Sains (Fizik Gunaan) dengan Kepujian (BWC) • Sarjana Muda Sains (Teknologi Makanan) dengan Kepujian (BWD) • Sarjana Muda Sains (Statistik Industri) dengan Kepujian (BWQ) • Sarjana Muda Sains (Kepelbagaian Biologi & Pemuliharaan) dengan Kepujian (BWW)
Fakulti Teknologi Kejuruteraan	<ul style="list-style-type: none"> • Doktor Falsafah Teknologi Kejuruteraan secara penyelidikan • Sarjana Teknologi Kejuruteraan secara penyelidikan (KNT) • Sarjana Sains Kejuruteraan Pengangkutan Rel secara mod campuran (CGR) • Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Awam (Alam Sekitar) dengan Kepujian (BNA)

Jadual 3.2: Senarai Program Akademik yang Ditawarkan untuk Tahun 2017 (Sambungan)

Fakulti/Pusat Pengajian	Nama Program Pengajian
Fakulti Teknologi Kejuruteraan	<ul style="list-style-type: none"> • Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Awam (Perkhidmatan Bangunan) dengan Kepujian (BNB) • Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Awam (Pembinaan) dengan Kepujian (BNC) • Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Kimia (Bioteknologi) dengan Kepujian (BNN) • Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Elektronik (Automasi Industri) dengan Kepujian (BND) • Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Elektrik (Kuasa Elektrik) dengan Kepujian (BNE) • Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Elektronik (Komunikasi dan Komputer) dengan Kepujian (BNF) • Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Mekanikal (Automotif) dengan Kepujian (BNG) • Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Mekanikal (Tekstil Industri) dengan Kepujian (BNH) • Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Mekanikal (Pembungkusan Industri) dengan Kepujian (BNK) • Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Mekanikal (Loji) dengan Kepujian (BNL) • Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Mekanikal (Pembuatan) dengan Kepujian (BNM)
Pusat Pengajian Diploma	<ul style="list-style-type: none"> • Diploma Teknologi Maklumat (DAT) • Diploma Sains Gunaan (DAU) • Diploma Kejuruteraan Awam (DAA) • Diploma Kejuruteraan Elektrik (DAE) • Diploma Kejuruteraan Mekanikal (DAM) • Diploma Teknologi Kejuruteraan Kimia (DAK)

Untuk rekod, jumlah keseluruhan graduan pada tahun 2017 adalah 4,272 orang, masing-masing dengan pecahan 590 graduan diploma, 3,260 graduan sarjana muda, 341 graduan sarjana dan bakinya 81 adalah graduan doktor falsafah. Rajah 3.4 menunjukkan taburan graduan pada tahun 2017 berdasarkan Fakulti/Pusat Pengajian.

▼ Rajah 3.4: Graduan 2017 berdasarkan Fakulti/Pusat Pengajian



Majlis Konvokesyen UTHM

Majlis Konvokesyen Kali Ke-17 UTHM telah berlangsung pada 14, 15 dan 16 Oktober 2017 bertempat di Dewan Sultan Ibrahim (DSI). Menerusi 6 sidang yang berlangsung, seramai 4,272 orang graduan telah berjaya dianugerahkan ijazah masing-masing. Majlis juga turut menganugerahkan Anugerah Ijazah Kehormat Doktor Falsafah dalam bidang Kejuruteraan Elektrik kepada pakar *Internet of Thing* (IoT) negara, Dr Mazlan Bin Abbas. Seramai 32 orang graduan UTHM menerima pelbagai anugerah antaranya ialah Anugerah Pelajaran DiRaja (Pingat Jaya Cemerlang) seperti di dalam Foto 3.2.

Majlis Pemakaian Hud Graduan Siswazah


Majlis Pemakaian Hud Graduan Siswazah merupakan majlis khas yang dianjurkan bagi meraikan graduan siswazah penyelidikan bersama penyelia masing-masing. Majlis yang telah berlangsung pada 13 Oktober 2017 seperti Foto 3.3 meraikan seramai 422 graduan siswazah dengan 81 graduan doktor falsafah dan 341 graduan sarjana. Dalam majlis ini Fakulti Kejuruteraan Mekanikal dan Pembuatan (FKMP) telah dinobatkan sebagai *Best Faculty Award for Research 2017* dan pelbagai anugerah telah disampaikan kepada graduan sepanjang majlis ini.



Foto 3.2: Penerima Anugerah Di-Raja (Pingat Jaya Cemerlang) bersama Canselor
 Foto 3.3: Majlis Pemakaian Hud

Program Mobiliti Pelajar

Untuk terus memperluas pengalaman pendidikan serta meningkatkan kefahaman para pelajar berkaitan isu dan perspektif global, program mobiliti berkredit dan tidak berkredit dilaksanakan sama ada di dalam mahupun luar negara. Menerusi program seperti ini juga, usaha pemasaran Universiti dapat dilakukan menerusi penglibatan duta kecil (para pelajar) yang terlibat. Untuk tahun 2017, program mobiliti berkredit secara *inbound* dan *outbound* mencatatkan bilangan 39 dan 84 orang pelajar telah terlibat, merangkumi pelajar tempatan dan dari institusi luar negara (seperti dalam Rajah 3.5).



▲ Rajah 3.5: Butiran Keterlibatan Pelajar bagi Mobiliti Berkredit Berdasarkan Fakulti

Latihan Industri Luar Negara

Latihan industri (LI) juga merupakan elemen penting bagi memberikan pendedahan suasana kerja kepada para pelajar. Selain daripada para pelajar melaksanakan LI di dalam negara, terdapat juga para pelajar yang memanfaatkan peluang menjalani LI di luar negara (menerusi program mobiliti berkredit). Pada tahun 2017, UTHM telah menghantar seramai 10 orang pelajar (*outbound*) ke Himin Solar Co. Ltd. China, manakala UTHM juga turut menerima seramai 6 orang pelajar dari Universitas Muhammadiyah Surakarta,



▲ Foto 3.4: Pelajar ke Universitas Muhammadiyah Surakarta, Indonesia

Indonesia (seperti di dalam Foto 3.4) untuk menjalani LI mereka di Malaysia. Selain itu, terdapat juga 5 orang pelajar ke Nagaoka University of Technology (NUT), Jepun, manakala seorang pelajar ke Universitas Brawijaya, Indonesia.

Promosi Pendidikan Antarabangsa

Pejabat Antarabangsa dengan kerjasama Fakulti telah mengadakan 16 program promosi dan pemasaran pendidikan antarabangsa di 9 negara serata dunia seperti yang disenaraikan menerusi Rajah 3.6. Program seperti ini bertujuan untuk memperluas dan memperkukuh jaringan kerjasama antarabangsa UTHM selain mengadakan siri promosi pendidikan di luar negara. Negara-negara yang telah dilawati dalam kalangan negara ASEAN seperti Indonesia, Vietnam, Cambodia dan Thailand, manakala untuk negara Asia Timur pula seperti China, Jepun dan Korea Selatan, selain beberapa negara-negara Timur Tengah seperti Turki dan Oman serta Amerika Syarikat. Pemilihan negara-negara untuk dilawati ini adalah berdasarkan potensi untuk mendapatkan pelajar antarabangsa dari negara tersebut selain jumlah alumni antarabangsa UTHM yang tinggi di negara tersebut.

Promosi dalam Negara

Dalam usaha memperkukuh jenama UTHM dan sekaligus melakukan promosi, pelbagai aktiviti telah dilaksanakan di pelbagai lokasi dengan pelbagai kumpulan bakal pelajar disasarkan, antaranya ialah lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM), matrikulasi dan juga diploma. Selain daripada itu, pihak UTHM juga telah menerima 93 lawatan dari pihak sekolah bersama-sama guru kaunseling yang bertujuan memberikan info berkaitan dengan program-program akademik yang ditawarkan oleh pihak UTHM. Senarai penuh aktiviti promosi dalam negara adalah seperti dalam Rajah 3.7. Pada tahun 2017 juga, UTHM telah terpilih sebagai salah satu lokasi bagi penganjuran Karnival Pendidikan Tinggi Negara (KPTN) Zon Selatan yang telah dilaksanakan di Padang Kawad UTHM pada 25 dan 26 Februari 2017. Untuk KPTN di UTHM ini 113 agensi telah mengambil bahagian merangkumi 20 buah Universiti Awam (UA), 41 agensi kerajaan dan bakinya merupakan institusi pengajian tinggi swasta (IPTS). Program yang telah berlangsung selama 2 hari ini telah berjaya menarik pengunjung seramai 30,293 orang khususnya di zon selatan yang terdiri daripada pelajar sekolah, para guru dan juga ibu bapa. Majlis perasmian telah disempurnakan oleh Yang Berbahagia Tan Sri Ir. (Dr) Jamilus Md Hussin, Pengerusi Lembaga Pengarah UTHM di samping hadir bersama Yang Berbahagia Datin Paduka Ir. Dr. Siti Hamisah Tapsir, Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi, Jabatan Pendidikan Tinggi KPT dan Yang Berbahagia Dato' Kamel Mohamad, Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan) KPT.



▲ Rajah 3.6: Program Jerayawara 2017



▲ Rajah 3.7 : Promosi dalam negara 2017

Perpustakaan Tunku Tun Aminah (PTTA)

Inisiatif PTTA pada tahun 2017 ke arah memperkukuhkan fungsi sebagai pusat sumber ilmu Universiti dalam mendepani cabaran Revolusi Industri 4.0 termasuklah memperkukuhkan pembangunan koleksi digital dan memperkasa koleksi repositori institusi. Antara aktiviti yang telah dilaksanakan adalah seperti mengimbas dan memuat naik bahan ke dalam sistem seperti di Rajah 3.8. Dalam memperkasa koleksi repositori institusi, terdapat 2 program yang dibuat dalam meningkatkan koleksi antaranya program perkongsian pintar dengan pihak Fakulti dan bengkel inputan koleksi repositori institusi.



Jurnal terbitan UTHM
740 Artikel Jurnal



Keratan akhbar mengenai UTHM
354 Bahan



Gambar majlis/aktiviti universiti
1,404 Bahan




Kertas soalan peperiksaan
1,001 Set kertas Soalan



Video terbitan UTHM
10 Program

▲ Rajah 3.8: Aktiviti PTTA



4

Penyelidikan & Inovasi

- | | | | |
|-----------|---|-----------|---|
| 54 | Pengenalan | 66 | Perundingan Melalui ICC |
| 56 | Bidang Tujah | 69 | Pengkomersilan Hasil Penyelidikan & Inovasi |
| 56 | Pusat Kecemerlangan (CoE) | 69 | Pencapaian dalam Penyelidikan & Inovasi |
| 57 | Pusat Penyelidikan (CoR) | 70 | Persidangan |
| 58 | Kumpulan Fokus | 71 | Analisa Penerbitan & Sitasi |
| 60 | Geran Penyelidikan | 73 | Penarafan dalam Malaysia Research Assessment (MyRA) |
| 61 | Kerjasama Dalam & Luar Negara | 73 | Penarafan Universiti dalam QS Stars Rating |
| 62 | Geran Penyelidikan Pascasiswazah | 74 | Rumusan Pencapaian |
| 62 | Perlindungan Harta Intelek UTHM | | |
| 63 | Perundingan Menerusi UTHM Commercial Sdn Bhd (UCSB) | | |

Pengenalan

Aspek penyelidikan dan inovasi terus diperkasakan dengan pelbagai penyusunan strategi dan penambahbaikan terus dilakukan. Pelbagai kejayaan dan peningkatan berterusan juga berjaya dicapai hasil kerjasama semua pihak di pelbagai peringkat. Proses penilaian MyRa yang dilaksanakan bertempat di Hotel Everly Putrajaya pada 26 Oktober 2017 telah membawa kejayaan di mana UTHM telah berjaya merangkul penarafan 4 bintang dalam tahun 2017 bagi sesi penilaian MyRA 2016. Tahun 2017 juga telah menyaksikan struktur pengurusan penyelidikan disusun semula bagi mempertingkatkan daya saing penyelidikan di UTHM dengan penaiktarafan MyExpert dan Sistem Maklumat Penerbitan Universiti (SMPU) bagi memastikan penggunaan sistem berkenaan adalah selari dengan keperluan dan pengurusan penyelidikan dan penyelidik itu sendiri.

Struktur pengurusan inovasi, perundingan dan pengkomersilan di UTHM turut dikemaskini ke arah pengurusan yang mantap dan berdaya saing ke arah penambahbaikan proses kerja perundingan, pengujian dan pengkomersilan di UTHM secara keseluruhannya. Usaha penyelidik UTHM untuk terus memartabatkan penyelidikan dan inovasi dapat dilihat dengan penyertaan dan kejayaan dalam pelbagai pameran dan pertandingan sama ada di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Ini termasuk menyertai Seoul International Invention Fair (SIIF) 2017, Ekspo Penyelidikan & Rekacipta Institut Pengajian Tinggi Antarabangsa (PECIPTA) 2017, Malaysia Technology Expo (MTE) 2017 dan International Invention Innovation & Technology Exhibition (ITEX) 2017.



Bidang Tujahan

Sepuluh bidang tujuhan di UTHM merentasi pelbagai Fakulti menerusi pusat kecemerlangan (CoE), pusat penyelidikan (CoR) dan kumpulan fokus (FG). Senarai 10 bidang tersebut adalah meliputi bidang-bidang seperti:



Pusat Kecemerlangan (CoE)

Terdapat 6 entiti yang bergerak sebagai pusat kecemerlangan (CoE) di bawah pengurusan Institut Integrasi Kejuruteraan (I2E). Penyelarasan semua CoE di bawah I2E adalah bertujuan untuk terus menyusun strategi terbaik ke pemeraksanaan semua CoE menuju ke arah penarafan sebagai HiCoE oleh pihak Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT). Senarai dan butiran semua CoE adalah seperti dalam Rajah 4.1.

2012

- Pusat Penyelidikan Tanah Lembut
- Pusat Penyelidikan Shamsuddin - Mikroelektronik & Nano - Teknologi
- Pusat Penyelidikan Elektromagnet Gunaan
- Pusat Pembuatan & Bahan Termaju


2017

- Pusat Kecemerlangan Pendidikan & Latihan Teknikal & Vokasional (PLTV)
- Pusat Kecemerlangan Industri - Rel (ICoE - Rel)

▲ Rajah 4.1: Pusat Kecemerlangan CoE di UTHM

Pusat Penyelidikan (CoR)

Selain daripada semua CoE memainkan peranan dalam memacu kecemerlangan penyelidikan, penerbitan, inovasi, perundingan dan pengkomersilan, terdapat pusat penyelidikan berdaftar yang ditadbir urus oleh Fakulti masing-masing seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 4.2.



▲ Rajah 4.2: Pusat Penyelidikan (CoR) di UTHM

Kumpulan Fokus

Selain CoE dan CoR, Universiti turut mempunyai 79 buah kumpulan fokus (FG) di bawah Fakulti masing-masing seperti Jadual 4.1. Penubuhan kumpulan fokus ini dapat memantapkan aktiviti penyelidikan secara individu dan kumpulan dalam memperkasakan UTHM ke peringkat antarabangsa.

Jadual 4.1: Butiran Kumpulan Fokus Penyelidikan (FG)

Fakulti/Pusat Pengajian	Kumpulan Fokus Penyelidikan (FG)
Fakulti Kejuruteraan Awam & Alam Sekitar (FKAAS)	<ul style="list-style-type: none"> • Advance Construction Material & Masonry • Repair, Rehabilitation & Strengthening of Structures • Advance Technology & Smart Building • Sustainable Construction Management
Fakulti Kejuruteraan Elektrik & Elektronik (FKEE)	<ul style="list-style-type: none"> • Power & Renewable Energy Team • Optical Communication & Network • Advanced Mechatronic Research Group • Embedded Computing Systems • Biomedical Engineering Modelling & Simulation Research Group • Nano Simulation Research Group • Internet of Things (IoT)
Fakulti Kejuruteraan Mekanikal & Pembuatan (FKMP)	<ul style="list-style-type: none"> • Energy Technologies Research Group • Automotive Research Group • Industrial & Indoor Environment Research Group • Flow Analysis, Simulation & Turbulence Research Group • Combustion Research Group • Bioactive Material • Nano Structure & Surface Modification • Functional Composite Structure • Structural Integrity & Monitoring Research Group • Advanced Dynamic Control Research Group • Noise & Vibration Analysis Research Group • Industrial & System Engineering • Engineering Design Research Group • Advanced Forming Research Group • Additive Manufacturing Research Group • Crashworthiness & Collisions Research Group • Sports & Engineering Advance Research • Aircraft System & Design Research • Aerodynamics & Propulsion Research

Jadual 4.1: Butiran Kumpulan Fokus Penyelidikan (FG) (Sambungan)

Fakulti/Pusat Pengajian	Kumpulan Fokus Penyelidikan (FG)
Fakulti Pendidikan Teknikal & Vokasional (FPTV)	<ul style="list-style-type: none"> • Cognitive Science
Fakulti Teknologi Kejuruteraan (FTK)	<ul style="list-style-type: none"> • Green Environmental Technology • Sustainable Green Building Technology & Management • Automation & Control Technology • Electrical Energy & Power Systems • Telecommunications • Biotechnology • Biodiesel • Safety & Health • Manufacturing Process, System & Materials
Fakulti Sains Gunaan & Teknologi (FAST)	<ul style="list-style-type: none"> • Computational Fluid Dynamics • Fuzzy Modelling & Analysis • Statistical Modelling & Analysis • Mathematical Modelling & Analysis • Computational Operational Research • Opto Fiber Laser Technology • Solid State Material Processing • Surface Science • Applied Chemistry • Environmental Radiation Monitoring & Protection • Herbal Science, Technology & Medicine • Microbial Biotechnology & Bioprocess
Fakulti Sains Komputer & Teknologi Maklumat (FSKTM)	<ul style="list-style-type: none"> • Information Security Special Interest • Sensor & Internet of Things • Software Engineering • Multimedia
Fakulti Pengurusan Teknologi & Perniagaan (FPTP)	<ul style="list-style-type: none"> • Services & Operations Management • Manufacturing Technology Management • Construction Management Innovation • Sustainable Infrastructure Management • Human Habitat Management • Virtual Construction • Technology & Innovation Management • Sustainable Urban Development • Resilient Built Environment • Spatial Economics

Jadual 4.1: Butiran Kumpulan Fokus Penyelidikan (FG) (Sambungan)


Fakulti/Pusat Pengajian	Kumpulan Fokus Penyelidikan (FG)
Pusat Pengajian Bahasa (PPB)	<ul style="list-style-type: none"> • Problem Based Learning • English for Specific Purposes • Language & Culture • Language Teaching & Learning • Translation • Motivation & Communication • Workplace Communication • Social Media & Mobile Learning • Creativity & Learning • Language Pragmatics
Pusat Pengajian Umum & Kokurikulum (PPUK)	<ul style="list-style-type: none"> • Social Cohesion • Integrity & Good Governance • Civilization & Culture

Geran Penyelidikan

Pada tahun 2017, keseluruhan geran penyelidikan yang diterima oleh UTHM adalah berjumlah RM 13,085,275.37. Rajah 4.3 menunjukkan jumlah terimaan geran penyelidikan berdasarkan sumber sama ada secara tunai & *in-kind*. Menerusi geran ini, sebanyak 340 projek penyelidikan telah dibiayai dan ini bukan sahaja melahirkan pelbagai dapatan kajian malah turut berjaya melahirkan modal insan dalam bidang-bidang berkaitan. Rajah 4.4 pula menyenaraikan pencapaian perolehan geran berdasarkan Fakulti/Pusat Pengajian yang menyaksikan Fakulti Pendidikan Teknikal & Vokasional (FPTV) mendahului Fakulti/Pusat Pengajian lain di UTHM.



▲ Rajah 4.3: Bilangan dan Peruntukan Geran Penyelidikan mengikut Sumber (Tunai dan *In-Kind*)



▲ Rajah 4.4: Jumlah Terimaan Geran Penyelidikan Mengikut Fakulti/Pusat Pengajian

Kerjasama Dalam & Luar Negara

Kerjasama antara Universiti dan industri adalah antara elemen penting bagi memastikan penyelidikan yang dilakukan selari dengan keperluan masalah di industri. Selain itu, hubungan strategik antara Universiti dan industri juga bukan sahaja memberi impak positif kepada staf tetapi juga memberi peluang kepada para pelajar terlibat dalam kajian bersama pihak industri. Untuk tahun 2017, 8 agensi direkodkan dalam kerjasama penyelidikan menerusi pelbagai Fakulti/Pusat Pengajian dan bidang. Manakala, terdapat 6 agensi dari luar negara dari pelbagai negara melaksanakan penyelidikan bersama dengan penyelidik UTHM.

Kerjasama Penyelidikan Bersama Industri / Agensi Dalam Negara

Preston Shipyard Sdn. Bhd.
Prof. Madya Dr. Mohd Zainizan Sahdan

Syarikat Ck Murni Sdn. Bhd.
Prof. Madya Dr. Halid Abdullah

Nabu Research Academy Sdn. Bhd.
Dr. Nurazuwa Mohd Noor

Living Micro Corporation Sdn. Bhd.
Prof. Madya Dr. Zawawi Daud

Universiti Teknologi Petronas
Prof. Madya Dr. Anika Mohd Rus

Collaborative Research in Engineering, Science and Technology (CREST)
Prof. Madya Dr. Nafarizal Nayan

PTReach International (M) Sdn. Bhd.
Prof. Madya Dr. Mas Fawzi Mohd Ali

Gates It Solutions
Prof. Madya Dr. Shahreen Kassim

Kerjasama Penyelidikan Bersama Industri Luar Negara

The Sumitomo Foundation, Jepun
Dr. Mohd Razali Mohd Tomari

Engineering and Physical Sciences Research Council, United Kingdom
Dr. Noralfishah Sulaiman

University of Salford Manchester, United Kingdom
Dr. Noralfishah Sulaiman


King Khalid University, Arab Saudi
Prof. Madya Dr. Rozaida Ghazali

Universitas Riau Kepulauan (UNRIKA), Indonesia
Prof. Madya Dr. Abd. Rahman Ahmad

Government of Maldives, Maldives
Prof. Dr. Ahmad Esa
Prof. Madya Mohamad Hisyam Mohd Hashim

Geran Penyelidikan Pascasiswazah


Penghasilan modal insan merentasi pelbagai bidang pengajian juga merupakan indikator kepada kejayaan sesebuah projek penyelidikan. Untuk tujuan itu, selain daripada geran yang diperuntukkan oleh agensi kerajaan, swasta atau badan lain yang berkaitan, UTHM turut komited menjayakan agenda ini menerusi pembiayaan pelajar pascasiswazah (sarjana dan doktor falsafah). Rajah 4.5 menunjukkan senarai agihan geran yang telah diagihkan kepada setiap Fakulti dengan jumlah keseluruhan 708 geran.




▲ Rajah 4.5: Bilangan Pembiayaan Geran Penyelidikan Pascasiswazah mengikut Fakulti

Perlindungan Harta Intelek UTHM

Sehingga 31 Disember 2017, secara kumulatifnya UTHM telah berjaya memiliki 411 harta intelek yang telah berjaya dilindungi. Manakala, pecahan keseluruhan harta intelek yang dimiliki ini perinciannya adalah seperti dalam Jadual 4.2. Untuk tahun 2017 sahaja, jumlah keseluruhan harta intelek yang berjaya dilindungi oleh UTHM pada tahun 2017 adalah sebanyak 156 harta intelek dengan rekod tertinggi adalah bagi kategori Hakcipta (*Copyright*) seperti yang disenaraikan dalam Rajah 4.6.



▲ Jadual 4.2: Harta Intelek UTHM sehingga Tahun 2017



▲ Rajah 4.6: Perlindungan Harta Intelek pada Tahun 2017

Perundingan Menerusi UTHM Commercial Sdn Bhd (UCSB)

Sehingga 31 Disember 2017, pihak UCSB telah menguruskan sebanyak 33 projek perundingan yang berjumlah RM 1, 492, 469.40 (termasuk caj 6% GST) dan senarai keseluruhan adalah seperti dalam Jadual 4.3. Untuk rekod, projek perundingan tertinggi adalah berjumlah RM 703,315.09 menerusi projek Instrumen Bersepadu TVET.

Jadual 4.3: Perundingan melalui UCSB bagi Tahun 2017

Projek	Klien	Nilai (RM)
Provision of Electromagnetic Compatibility Study for Project Radar Security Surveillance System (RS3)	Petronas Global Technical Solution Sdn. Bhd.	74,200.00
Projek Pengurus Tenaga Elektrik bagi Loji Rawatan Air	Air Kelantan Sdn. Bhd.	2,000.00
Consultation for Test & Management	Multi-code Electronics Industries (M) Bhd.	2,120.00
Kajian Fisibiliti Pasar Tani Kekal (PTK) di Parit Raja, Batu Pahat, Johor	Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA)	19,990.00
Kajian Polisi Technical & Vocational Education & Training (TVET)	Universiti Tun Hussein Onn Malaysia	145,500.00
Consultation for Test & Management	Multi-code Electronics Industries (M) Bhd.	1,060.00
Consultation Work On-Site Sheilding Effectiveness Measurement	RF Station Sdn. Bhd.	21,200.00
Perkhidmatan Saintifik & Penyelidikan - Cadangan Penyediaan Garis Panduan Mesin Penapis Air	Kementerian Kesihatan Malaysia	19,080.00
Pembinaan Telaga Tiub, Tangki Air Menara & Pemasangan Paip Utama Temangan, Machang, Kelantan	WMN Dunia Runding	15,000.00
Projek Penyelidikan: Forensik Sosio - Elektoral, Persekitaran & Pembangunan 2017-2018	Universiti Kebangsaan Malaysia	30,000.00
Lebuhraya Pan Borneo Sabah – Jalan Pintas WP 22 Lahad Datu Ke Kg. Sandau, Lahad Datu, Sabah	Gus Konsult – IBK Jurutera Perunding	51,894.00
Perkhidmatan Perundingan Keberintangan Elektrik di Kawasan Rapid, Pengerang, Johor	Cahaya Engineering Works	1,749.00
Infrastruktur & Kemudahan Awam bagi Pembangunan Kompleks Petroleum Bersepadu Pengerang	Southern Diggers Enterprise Sdn. Bhd.	23,638.00

Jadual 4.3: Perundingan melalui UCSB bagi Tahun 2017 (Sambungan)

Projek	Klien	Nilai (RM)
Kajian Analisa Keperluan Latihan	Permodalan Darul Ta'zim Sdn. Bhd.	30,000.00
Perkhidmatan Menjalankan Kajian Hidraulik & Permodelan Komputer bagi Kerja Naik Taraf Jambatan Sungai Belenggu, Pahang	Myarch Sdn. Bhd.	8,541.54
Projek Pengurus Tenaga Elektrik bagi Loji Rawatan Air	Air Kelantan Sdn. Bhd.	2,000.00
Kajian Indeks Kesejahteraan Keluarga Negeri Johor 2017	Yayasan Pembangunan Keluarga Darul Ta'zim	20,000.00
Consultation for Test & Measurement	Multi-code Electronic Industries (M) Bhd.	1,590.00
Penilaian CHRA	UTHM	9,540.00
EMC Site Measurements & Study Report	OGRE Pte. Ltd.	61,371.17
Kajian Struktur & Jenis Bahan (Rekabentuk Sistem Rawatan dalam Mesin Penapis Air) untuk Kegunaan di Rumah	Kementerian Kesihatan Malaysia	15,900.00
Consultation for Test & Measurement	Sharp Manufacturing Corporation (M) Sdn. Bhd.	17,808.00
Consultation for Test & Measurement	Sharp Manufacturing Corporation (M) Sdn. Bhd.	20,776.00
Perundingan Air Mineral	Razmaju Sdn. Bhd.	5,500.00
Projek Instrumen Bersepadu TVET	UTHM	703,315.09
Consultancy Services for the Electromagnetic Compatibility & Electromagnetic Interference	Sapura Business Systems Sdn. Bhd.	44,282.00
Consultation for Test & Management	Multi-code Electronics Industries (M) Bhd.	530.00
Profesional or Industrial Attachment (UTHM's Staff Placement)	Sapura Business Systems Sdn. Bhd.	3,000.00
Consultation for Test & Management	Multi-code Electronics Industries (M) Bhd.	795.00

Jadual 4.3: Perundingan melalui UCSB bagi Tahun 2017 (Sambungan)

Projek	Klien	Nilai (RM)
Kajian Pelan Transformasi Pegawai Tadbir Negeri Johor	Permodalan Darul Ta'zim	49,989.60
Analysis Cause of Building Crack at Residential Area Surrounding Project Pangsapuri Pertam Jaya	Jun Cheng Construction Sdn. Bhd.	5,300.00
Penyelidikan Keretakan Lantai di IKEA, Tebrau	Zacklim Flat Floor Specialist Sdn. Bhd.	8,480.00
Consultation for Test & Management	Kayaku Safety Systems Malaysia Sdn. Bhd.	76,320.00

Perundingan Melalui ICC

Pada tahun 2017, Pusat Inovasi & Pengkomersilan (ICC) telah berjaya mengurus projek perundingan sendiri yang berjumlah RM 712, 807.81 (termasuk 6% GST) secara keseluruhannya dengan 28 projek perundingan seperti dalam Jadual 4.4. Menerusi rekod ini juga, projek perundingan bagi Pembangunan Sistem Pemantauan Pengurusan Sisa Pepejal Pembinaan dan Perobohan Secara Berperingkat-peringkat 60%, 20% dan 20% (Bahagian 2) dengan jumlah sebanyak RM219,780.00 mencatatkan rekod pembiayaan perundingan tertinggi.

Jadual 4.4: Perundingan melalui UCSB bagi Tahun 2017

Projek	Klien	Nilai (RM)
Perkhidmatan Perundingan Bagi Program Pemantapan Asas P&P	Sofa Education Group (SEG)	2,000.00
Perkhidmatan Perundingan GPR (Ground Penetrating Radar) di Kawasan Plaza Tol Bukit Gambir, Tangkak, Johor	Exenergy Sdn. Bhd.	3,000.00
Consultation on Failure Analysis on Different Thickness of Stent Strut Configuration	Kita Ryo Trading	1,000.00
Perkhidmatan Perundingan Pembaikan Cerun & Kerja-kerja Berkaitan di Kolej Profesional MARA, Indera Mahkota, Kuantan, Pahang	Kumpulan IKRAM Sdn. Bhd.	6,500.00

Jadual 4.4: Perundingan melalui UCSB bagi Tahun 2017 (Sambungan)

Projek	Klien	Nilai (RM)
Projek Perundingan: Asas Dandang Stim-Boilerman	Johor Biotechnology & Biodiversity Corporation	20,000.00
Consultation on Additional Noise Exposure Monitoring	Asiaflex Products Sdn. Bhd.	3,975.00
Consultation on Geotechnical Investigation on Slope Failure at Jalan Ledang, Taman Duta, 50480, Kuala Lumpur	Kumpulan IKRAM Sdn. Bhd.	17,000.00
Perkhidmatan Perundingan Potensi Airbumi Sebagai Bekalan Air dengan Menggunakan Kaedah Keberintangan Elektrik di Kawasan Pulau Lang Tengah Terengganu	Impian MNI Sdn. Bhd.	15,900.00
Consultation on Energy Manager: Phase 1	CCM Chemicals Sdn. Bhd.	1,908.00
Perundingan Kajian Pemantauan Habitat & Ekologi Selepas Projek Ban Pemecah Ombak di Taman Negara Johor, Tanjung Piai: Bahagian 1 (Bayaran 50%)	Perbadanan Taman Negara Johor (PTNJ)	75,000.00
Perundingan Kajian Pemantauan Habitat & Ekologi Selepas Projek Ban Pemecah Ombak di Taman Negara Johor, Tanjung Piai: Bahagian 2 (Bayaran 50%)	Perbadanan Taman Negara Johor (PTNJ)	75,000.00
Consultation on Ceramic Mold Making by using CAD/CAM & CNC Machine	Claytan Industries (M) Sdn. Bhd.	4,324.80
Perundingan bagi Pembangunan Sistem Pemantauan Pengurusan Sisa Pepejal Pembinaan & Perobohan Secara Berperingkat-peringkat 60%, 20% & 20%: Bahagian 1 (Bayaran 20%)	Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal & Pembersihan Awam (SWCorp)	87,912.00
Perundingan bagi Pembangunan Sistem Pemantauan Pengurusan Sisa Pepejal Pembinaan & Perobohan Secara Berperingkat-peringkat 60%, 20% & 20%: Bahagian 2 (Bayaran 50%)	Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal & Pembersihan Awam (SWCorp)	219,780.00
Perundingan bagi Pembangunan Sistem Pemantauan Pengurusan Sisa Pepejal Pembinaan & Perobohan Secara Berperingkat-peringkat 60%, 20% & 20%: Bahagian 3 (Bayaran 30%)	Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal & Pembersihan Awam (SWCorp)	131,868.00

Jadual 4.4: Perundingan melalui UCSB bagi Tahun 2017 (Sambungan)

Projek	Klien	Nilai (RM)
Consultation on Energy Manager: Phase 2	CCM Chemicals Sdn. Bhd.	1,908.00
Consultation on Innovative Gabions: Geotechnical Performance Analysis & Advance Technological Management Strategy	United Glory Industry Sdn. Bhd.	3,180.00
Consultation on Energy Manager: Phase 3	CCM Chemicals Sdn. Bhd.	1,908.00
Consultation on Versatile Soft Soil Binder: Geotechnical Performance Analysis & Advance Technological Strategy Development	MTS Fibromat Sdn. Bhd.	6,360.00
Consultation on Energy Manager: Phase 4	CCM Chemicals Sdn. Bhd.	1,908.00
Consultation on Energy Manager: Phase 5	CCM Chemicals Sdn. Bhd.	1,908.00
Consultation on System Assurance Professional Attached On-Site Consulting: Phase 1	Sapura Secured Technologies (M) Sdn. Bhd. / Sapura-EVD Consortium	3,500.00
Consultation on Energy Manager: Phase 6	CCM Chemicals Sdn. Bhd.	1,908.00
Consultation on Conducting Initial Employee Noise Exposure Monitoring at Seng Wood Custom Furniture & Design	Seng Wood Custom Furniture & Design	2,120.00
Consultation on Initial Employee Noise Exposure Monitoring at A-Control & Instrumentation Sdn. Bhd.	A-Control & Instrumentation Sdn. Bhd.	2,385.00
Consultation on Conducting Initial Employee Noise Exposure Monitoring at G&K Food Industries Sdn. Bhd.	G&K Food Industries Sdn. Bhd.	1,855.00
Consultation Service on Load Flow Analysis for Kuantan Petronas Plant	Mohaz Engineering & Technology (M) Sdn. Bhd.	15,000.00
Consultation on Development of Jaundice Meter: Phase 1	Recove Group Sdn. Bhd.	3,700.00

Pengkomersilan Hasil Penyelidikan & Inovasi

Pada tahun 2017, jumlah pendapatan hasil dari pengkomersilan penyelidikan di UTHM adalah berjumlah RM 30,270.00. Produk yang menghasilkan pendapatan tertinggi adalah Aquamonitor dan Compressed Natural Gas, masing-masing sebanyak RM 10,000.00 dan senarai penuh hasil pengkomersilan adalah seperti dalam Rajah 4.7.



Rajah 4.7: Pendapatan Pengkomersilan Penyelidikan 2017

Pencapaian dalam Penyelidikan & Inovasi

Pelbagai kejayaan dan pengiktirafan telah diraih oleh UTHM pada sepanjang tahun 2017, merangkumi pertandingan di pelbagai peringkat seperti yang dicatatkan menerusi Rajah 4.8. Tahun 2017 juga turut membuktikan kecemerlangan penyelidik dari UTHM menerusi Malaysia Technology Expo (MTE) 2017 dengan kejayaan Anugerah Khas yang diterima oleh Dr. Nickholas Anting Anak Guntor (Fakulti Kejuruteraan Awam dan Alam Sekitar) dengan Anugerah Best Inventor dan Best of the Best.

	1st Place (Gold)	2nd Place (Silver)	3rd Place (Bronze)
ITEX 17 MALAYSIA	5	4	1
Pecipta '17	1	3	6
Malaysia Technology Expo 2017 (MTE)	3	3	4
SIIF 2017 Seoul International Invention Fair 2017	2	1	2



Rajah 4.8: Pengiktirafan Penyelidikan

Persidangan

Untuk terus memacu kecemerlangan dalam aspek penyelidikan selain daripada boleh menjana pendapatan, usaha melaksanakan pelbagai persidangan giat dijalankan oleh pelbagai Fakulti di UTHM. Untuk tahun 2017 sahaja, Jadual 4.5 merekodkan 12 persidangan yang telah dianjurkan merentasi pelbagai bidang.

Jadual 4.5: Persidangan pada Tahun 2017

Persidangan	Anjuran	Tarikh
International Engineering Research & Innovation Summit 2017 (IRIS 2017)	UCSB	6 - 7 Mei
8 th International Conference on Mechanical & Manufacturing Engineering 2017 (ICME 2017)	FKMP	22 - 23 Julai
Mesyuarat Berkaitan Cadangan Mengadakan Persidangan Antarabangsa Pengkomputeran Dinamik Bendalir dalam Penyelidikan & Industri Ke-2 (CFDRI 2017)	FKMP	3 - 4 Ogos
International Conference on Electrical & Electronics Engineering 2017 (IC3E 2017)	FKEE	14 - 15 Ogos
Persidangan Antarabangsa Kelestarian INSAN Ke-4 2017 (INSAN 2017)	PPUK	15 - 16 Ogos
6 th International Conference on Technology Management, Business & Entrepreneurship 2017 (ICTMBE 2017)	FPTP	23 - 24 Ogos
Global Congress on Construction, Material & Structural Engineering 2017 (GCoMSE 2017)	UCSB	28 - 29 Ogos
Seminar Pendidikan Negeri Johor (SPJ 2017)	FPTV	12 - 13 September
1 st International Conference on Social Transformation & Regional Development (ICoSTRD 2017)	TRANSFORM	18 - 19 Oktober
3 rd International Conference on Application of Science & Mathematics 2017 (SCIEMATHIC 2017)	FAST	25 - 26 Oktober
7 th International Conference on Global Optimization & Its Applications 2017 (ICoGOIA 2017)	FPTP	25 - 26 November
International Conference on Civil & Environmental Engineering for Sustainability 2017 (IConCEES 2017)	FKAAS	4 - 5 Disember




Foto 4.1:

1. International Conference on Electrical & Electronics Engineering 2017 (IC3E 2017)
2. Seminar Pendidikan Negeri Johor (SPJ 2017)
3. 6th International Conference on Technology Management, Business & Entrepreneurship 2017 (ICTMBE 2017)
4. Global Congress on Construction, Material & Structural Engineering 2017 (GCoMSE 2017)

Analisa Penerbitan & Sitasi

Pada tahun 2017, UTHM telah menunjukkan peningkatan yang memberangsangkan dalam aspek kuantiti penerbitan. Ini terbukti apabila UTHM mendahului rangkaian universiti teknikal lain (MTUN) seperti dalam Rajah 4.9.




Rajah 4.9: Penerbitan MTUN bagi Penghasilan Penerbitan Pada Tahun 2017
 Sumber: SCOPUS, 31 Disember 2017

Jadual 4.6 menunjukkan perbandingan hasil penerbitan berdasarkan jenis penerbitan untuk tahun 2016 dan 2017. Peningkatan paling ketara adalah dalam prosiding SCOPUS iaitu sebanyak 1,029 kertas persidangan. Manakala, penerbitan jurnal SCOPUS dan jurnal tidak berindeks SCOPUS pada tahun 2017 menunjukkan peningkatan kepada 555 artikel dan 218 artikel. Dalam pada itu, penerbitan buku penyelidikan dan bab dalam buku penyelidikan juga menunjukkan peningkatan yang memberangsangkan iaitu meningkat kepada 38 dan 268, masing-masing bagi penerbitan buku dan bab dalam buku.

	2016	2017
Jurnal SCOPUS	552	555
Prosiding SCOPUS	370	1029
Jurnal Tidak Berindeks SCOPUS	171	218
Prosiding Tidak Berindeks SCOPUS	24	121
Buku Penyelidikan	24	38
Bab dalam Buku Penyelidikan	72	268
Kertas Polisi	0	4

▲ Jadual 4.6: Penerbitan MTUN bagi Penghasilan Penerbitan pada tahun 2016 dan 2017
 Sumber: SCOPUS dan Sistem Maklumat Penerbitan Universiti (SMPU), 31 Disember 2017

Selain daripada aspek kuantiti penerbitan yang memberangsangkan, kualiti penerbitan juga terus diberi perhatian. Selaras dengan peningkatan penerbitan, sitasi juga dilihat meningkat pada setiap tahun. Berdasarkan glosari QS Stars Rating dan MyRA, jumlah sitasi dari tahun 2013 hingga 2017 adalah seperti dalam Rajah 4.10. Pada tahun 2017, jumlah sitasi bagi QS Stars Rating dalam tempoh 6 tahun terakhir bagi semua penerbitan berindeks SCOPUS telah meningkat kepada 15,318. Manakala, jumlah sitasi bagi MyRA dalam tempoh 5 tahun terakhir bagi 5 tahun penerbitan meningkat kepada 7,070 pada tahun 2017.



▲ Rajah 4.10: Jumlah Sitasi Mengikut Takrifan QS Stars Rating & MyRA
 Sumber: SCOPUS, 31 Disember 2017

Penarafan dalam Malaysia Research Assessment (MyRA)

Sistem Taksiran Penyelidikan Malaysia atau lebih sinonim dalam kalangan warga Universiti sebagai MyRA, merupakan sistem yang dibangunkan oleh Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) untuk menilai kapasiti Universiti khusus dalam aspek kecemerlangan penyelidikan dan MyRA dilihat sebagai instrumen untuk mentaksir keupayaan penyelidikan pada peringkat institusi. Pengukuran kecemerlangan ini dilaksanakan dengan menilai jarak sesebuah Universiti dari profil (tanda aras) yang ditakrifkan sebagai cemerlang bagi sebuah Universiti Penyelidikan di Malaysia. Sesi penilaian berpusat kali ini telah dijalankan dengan jayanya di Hotel Everly, Putrajaya seperti di dalam Foto 4.2. Keputusan yang diterima telah melakar kejayaan Universiti dengan penarafan 4 bintang yang diperolehi. Rajah 4.11 menunjukkan rekod penarafan MyRA Universiti sejak tahun 2014.



▲ Foto 4.2: Sesi Penilaian Berpusat MyRA di Everly Hotel, Putrajaya

Rajah 4.11: Penarafan Bintang MyRA UTHM 2014-2016 ▶

MYRA 2016



Jumlah Insentif

-

MYRA 2015



Jumlah Insentif

RM1,732,830.38

MYRA 2014



Jumlah Insentif

RM1,727,960.70

Penarafan Universiti dalam QS Stars Rating

Menerusi QS Stars Rating, aspek penyelidikan di UTHM telah berjaya menunjukkan peningkatan ketara daripada 1 bintang pada 2014 kepada 3 bintang pada 2017. Terdapat 4 kriteria yang diukur merangkumi seperti Rajah 4.12.



Reputasi akademik



Artikel setiap fakulti



Sitasi setiap artikel




Kepakaran akademik prolifik

▲ Rajah 4.12: Kriteria QS Stars Rating Aspek Penyelidikan

Secara keseluruhannya, UTHM menerusi kriteria reputasi akademik, telah berjaya mendapat markah penuh iaitu sebanyak 40 markah. Sitasi setiap artikel pula adalah 7 daripada 40 markah. Dalam kategori artikel setiap Fakulti pula, UTHM berjaya mendapat 14 daripada 40 markah yang diperuntukkan. Namun begitu, tiada markah diperolehi untuk sub-kategori kepakaran akademik prolifik.

Rumusan Pencapaian

Pelbagai kejayaan dan pencapaian yang signifikan telah berjaya diraih dan dicatatkan pada sepanjang tahun 2017 berkaitan penyelidikan dan inovasi seperti yang dirumuskan dalam Rajah 4.13.



▲ Rajah 4.13: Rumusan Penarafan Penyelidikan & Inovasi UTHM Tahun 2017

5

Hal Ehwal Pelajar & Alumni

- 76 Pengenalan
- 77 Pembangunan & Pengembangan Pelajar
- 78 Keusahawanan Pelajar
- 79 Kolej Kediaman Pelajar
- 79 Aktiviti Pelajar
- 82 Kemajuan & Hubungan Alumni



Pengenalan

Pembangunan pelajar yang holistik diberikan perhatian serius oleh pihak UTHM ke arah memastikan para pelajar dapat dipersiapkan dengan kemahiran insaniah (KI) yang berkesan bagi menghadapi cabaran yang semakin kompleks. Tahun 2017 menyaksikan pelbagai kejayaan diraih oleh para pelajar di pelbagai peringkat, sama ada kebangsaan mahupun antarabangsa menerusi pelbagai acara.



Pembangunan & Pengembangan Pelajar

Bimbingan Pelajar

Bagi memastikan pelajar diberikan bimbingan bagi membolehkan mereka mempersiapkan diri menjalani kehidupan kampus, pelbagai program telah dianjurkan antaranya ialah *Program Starting School* seperti dalam Foto 5.1, bimbingan akademik dan kaunseling pelajar seperti dalam Foto 5.2. Program seperti ini khusus kepada pelajar baharu yang bertujuan memberikan bimbingan dalam mempersiapkan diri sebaiknya bagi menghadapi cabaran di Universiti. Program ini mendedahkan pelajar dengan pelbagai tips bagi membina ketahanan diri di Universiti dan dikendalikan oleh Pusat Pembangunan & Pengembangan Pelajar (P3P), dengan barisan pemudahcara terdiri daripada staf akademik.

Bimbingan Kerjaya Pelajar

Ke arah menyediakan para pelajar mendepani cabaran dunia pekerjaan yang memerlukan pelbagai kemahiran, Universiti menerusi Jabatan Kerjaya, P3P telah melaksanakan pelbagai program yang bermanfaat untuk para pelajar. Antara pecahan aktiviti yang telah dijalankan merangkumi temuduga kerjaya, mobiliti *outbound* (tidak ber kredit), karnival kerjaya, intervensi kebolehpasaran graduan dan *personal grooming* seperti Foto 5.3 dan 5.4. Tahun 2017 sahaja merekodkan sebanyak 28 program telah dilaksanakan dan membawa manfaat kepada hampir 2,741 orang pelajar dengan penglibatan 201 orang staf.



Foto 5.1: Program Permulaan Graduan (*Starting School*)

Foto 5.2: Program Jom-Jumpa Kaunselor

Foto 5.3: Program Gamification 3K (Kendiri, Kreativiti & Kepimpinan)

Foto 5.4: Program Lawatan Karnival Kerjaya UTM 2017

Keusahawanan Pelajar

Keusahawanan Pelajar di Kampus

Selari dengan hasrat untuk melahirkan mahasiswa yang bukan sahaja seimbang malah berminda keusahawanan, komitmen Universiti menerusi pelbagai peringkat dalam menyokong pembudayaan keusahawanan pelajar di kampus berada di landasan yang tepat. Pelbagai pihak telah terlibat secara langsung dengan pelajar seperti Kolej Kediaman dan Fakulti yang memainkan peranan sangat positif selain daripada peranan utama yang dimainkan oleh Pusat Perniagaan & Keusahawanan (CBER), UTHM. Tahun 2017 mencatatkan hampir 7,307 orang pelajar telah terlibat dalam program-program keusahawanan seperti Foto 5.5 dan 5.6.



Foto 5.5: Program
Siswapreneur@Tech2Biz
UTHM Fasa 1



Foto 5.6: Jualan Keusahawanan
Karnival Pendidikan Tinggi Malaysia
(Usahawan Pelajar)

Alumni UTHM sebagai Usahawan

Selain daripada usaha berterusan yang dijalankan bagi memberikan sokongan kepada para pelajar, ekosistem kampus yang berbudaya keusahawanan juga giat dijayakan merentasi UTHM. Buktinya, pada tahun 2017 telah berjaya merekodkan seramai 248 orang pelajar menjalankan pelbagai perniagaan dengan pelbagai jenis milikan dan perkhidmatan. Hal ini juga turut didorong kejayaan Alumni UTHM dalam bidang keusahawanan dan sehingga tahun 2017, 101 graduan telah direkodkan menjalankan perniagaan dalam tempoh 6 bulan selepas tamat pengajian. Kejayaan ini memberikan mesej bahawa budaya keusahawanan berkembang secara positif dan memberi impak positif kepada para pelajar.

Kolej Kediaman Pelajar

Kemudahan Penginapan Pelajar

Selain daripada aspek pembangunan dan pencapaian akademik, peranan kolej kediaman dalam menyediakan penginapan pelajar tidak dapat dinafikan. Dengan 6 kolej kediaman di kampus UTHM Parit Raja dan 3 kolej kediaman yang memulakan operasi di kampus UTHM Pagoh, seramai 11,343 orang pelajar telah berjaya ditempatkan. Perincian penempatan pelajar bagi kedua-dua lokasi kampus adalah seperti dalam Jadual 5.1.

Jadual 5.1: Butiran Penempatan Pelajar di Kolej Kediaman UTHM

Kolej Kediaman Kampus Parit Raja

Tun Syed Nasir	Taman Universiti
♂ 426	♂ 61
♀ 190	♀ 88
Tun Dr. Ismail	Perwira
♂ 512	♂ 1,217
♀ 512	♀ 775
Tun Fatimah	Bestari
♂ 496	♂ 756
♀ 496	♀ 1,170

Kolej Kediaman Kampus Pagoh

Pagoh 1	Pagoh 2	Pagoh 3
♂ 1,136	♂ 400	♂ 868
♀ 465	♀ 1,287	♀ 471

♂ Lelaki - **5,872**
 ♀ Perempuan - **5,454** 👨‍👩‍👧 Keluarga - **17**

Aktiviti Pelajar

Anugerah Kolej Kediaman (AKK) 2017

Anugerah Kolej Kediaman (AKK) 2017 telah diadakan pada 6 Disember 2017 bagi mengiktiraf dan menghargai komitmen serta prestasi cemerlang kepimpinan kolej kediaman dalam menganjurkan pelbagai program pembangunan pelajar. Kolej Kediaman Perwira telah berjaya mengungguli 4 daripada 14 anugerah yang dipertandingkan iaitu

Anugerah Kolej Kediaman Terbaik, Anugerah Program Berimpak Tinggi - Larian Ikrar Derma Organ (LIDO) 2017, Anugerah WOW Factor Kolej Kediaman dan Anugerah Program Terbaik (Kebajikan & Pengaduan Awam) - Berikan Mereka Peluang Kedua. Kolej Kediaman Perwira dinobatkan sebagai Kolej Kediaman Terbaik 2017 kali ke-4 berturut-turut dan berjaya membawa pulang hadiah wang tunai berjumlah RM500, piala pusingan dan sijil penghargaan seperti yang dirakamkan dalam Foto 5.7.



Foto 5.7: Kejayaan Kolej Kediaman Perwira dalam AKK 2017

Projek Fertigasi Cili

Program *Chilli Young Entrepreneurship* telah dirasmikan oleh Yang Berbahagia Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Profesor Madya Dr. Asri bin Selamat seperti dalam Foto 5.8. Melalui program ini yang bermulanya pada tahun 2016, manfaat telah dicapai khususnya pelajar Sabil Al-Hikmah iaitu pelajar yang kurang berkemampuan tetapi mampu menjana ekonomi dalam menyahut seruan kerajaan untuk mengembangkan teknologi pertanian di negara ini.



▲ Foto 5.8: Perasmian oleh YBhg. Timbalan Naib Canselor (HEPA) UTHM

Anugerah Kecemerlangan Sukan UTHM 2015/2016

Majlis Anugerah Kecemerlangan Sukan UTHM 2015/2016 telah berlangsung pada 27 November 2017 bertempat di Dewan Tunku Mahkota Ismail, UTHM telah dirasmikan oleh Yang Berbahagia Prof. Dr. Wahid bin Razally, Naib Canselor UTHM. Majlis ini turut dihadiri oleh SAC Dato' Hj. Azman Ayub, Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Johor yang merupakan penaja bagi Pasukan Mendayung UTHM. Mohd Zulfadli bin Rozali dari sukan mendayung telah dinobatkan sebagai olahragawan bagi tahun 2015 dan 2016 sekaligus memenangi gelaran itu buat kali yang keenam. Fatin Syahirah binti Mohamed Yatim juga menerusi sukan mendayung telah dinobatkan sebagai olahragawati bagi tahun 2015, manakala Nurul Hamira Yusma binti Mohd Yusri melalui sukan futsal bagi tahun 2016. Penerima anugerah adalah seperti dalam Foto 5.9.



▲ Foto 5.9: Para Pemenang dalam Anugerah Kecemerlangan Sukan UTHM 2015/2016

Program Projek Mural Hari Sukarelawan Sedunia SK Renchong Pagoh

Seramai 15 orang wakil pelajar dan staf daripada Kolej Kediaman Pagoh 3 menayakan Projek Mural seperti dalam Foto 5.10 yang bertemakan TN50 dan 1 Malaysia. Projek turut melibatkan pelajar-pelajar dari Kolej Kediaman Pagoh 1, Pagoh 2, FTK, FAST dan PPD. Projek seperti ini memberikan input positif dan menanamkan sifat kecintaan pada negara



Foto 5.10: Projek Mural Pelajar UTHM di SK Renchong Pagoh

selain menjadikan seorang pelajar yang bukan sahaja hebat dalam pencapaian akademik dan kokurikulum, malah cemerlang dalam aspek kemasyarakatan dan kesukarelawan.

Kejohanan Pencak Silat Antarabangsa Piala Timbalan Perdana Menteri Edisi 8



Foto 5.11: Pasukan yang menyertai Kejohanan Pencak Silat

Kejohanan Pencak Silat Antarabangsa Piala Timbalan Perdana Menteri Edisi 8, 2017 pada 2 hingga 7 Mei 2017 ini telah mendapat sambutan yang amat membanggakan apabila telah berjaya menarik sejumlah 54 pasukan dari dalam dan luar negara dan berlangsung di UTHM, Batu Pahat, Johor. Kejohanan yang sudah memasuki edisi ke-8 ini disertai 860 peserta seperti dalam Foto 5.11 dengan 41 pasukan tempatan dan 13 pasukan luar negara.

Malaysia Indoor Rowing Championship 2017

Bagi acara *National Lightweight Men's Individual 2000m*, UTHM telah merangkul 1 emas, 1 perak dan 1 gangsa. Bagi acara *National Men's Individual 2000m* pula, UTHM telah berjaya dengan 1 emas dan 1 gangsa. Bagi acara *National Women's Individual 2000m*, UTHM telah merangkul 1 emas dan 1 gangsa manakala bagi acara *National Mix Relay* iaitu acara gabungan *relay* antara lelaki dan perempuan, UTHM telah memperolehi 1 perak.



Foto 5.12: Peserta Malaysia Indoor Rowing Championship 2017


Kemajuan & Hubungan Alumni

Alumni Tahun 2017

Bilangan Alumni UTHM adalah 35,013 orang sehingga 31 Disember 2017 dan pihak Pusat Kemajuan & Hubungan Alumni (CARE) telah berjaya mengemaskini status seramai 26,595 alumni daripada jumlah keseluruhan alumni.


Alumni Mengikut Sektor Pekerjaan

Rajah 5.1 menunjukkan Alumni UTHM mengikut sektor pekerjaan berdasarkan kepada alumni yang telah membuat pengemaskinian maklumat dan alumni yang berjaya dikesan sehingga 31 Disember 2017.




Kajian Pengesanan Graduan KPT

Rajah 5.2 adalah menunjukkan statistik bilangan graduan UTHM pada tahun 2017 iaitu seramai 4,272 graduan. Rajah 5.3 adalah menunjukkan pecahan mengikut status pekerjaan daripada jumlah keseluruhan graduan yang telah menjawab kajian ini iaitu 51.26% graduan telah mendapat pekerjaan manakala graduan yang belum bekerja ialah 23.46%.



▲ Rajah 5.2: Kadar Respons graduan, UTHM 2017


▼ Rajah 5.3: Status Pekerjaan Alumni, UTHM 2017



- Bekerja
- Melanjutkan Pelajaran
- Meningkatkan Kemahiran
- Menunggu Penempatan Pekerjaan
- Belum Bekerja

Kajian Pengesanan Graduan Konvokesyen 2016

Rajah 5.4 merupakan data bagi *Graduate Employability (GE)* graduan UTHM pada konvokesyen tahun 2016 mengikut Fakulti. Peratus GE UTHM secara keseluruhan semasa konvokesyen 2016 yang dikeluarkan oleh KPT adalah 75.59%. Walau bagaimanapun, selepas membuat pengemaskinian maklumat status pekerjaan mereka sehingga 31 Disember 2017, GE UTHM telah meningkat kepada 92.61%.



▲ Rajah 5.4: Peratusan GE mengikut Fakulti

Majlis Malam Apresiasi Alumni Industri UTHM

Bagi menghargai pihak industri yang banyak memberi peluang pekerjaan kepada graduan universiti, telah diadakan Majlis Malam Apresiasi Alumni Industri UTHM seperti dalam Foto 5.13 yang berlangsung pada 19 Mei 2017 di Bangi Golf Resort. Program yang julung kali dianjurkan ini telah mewujudkan hubungan positif kerana telah

berjaya mencatatkan kehadiran memberangsangkan daripada 160 industri bersama-sama alumni yang bekerja dalam industri tersebut selain memperoleh tajaan dan sumbangan ikhlas berupa wang tunai dan barangan daripada alumni dan badan korporat berjumlah RM20,000.00.



▲ Foto 5.13: Majlis Malam Apresiasi Alumni Industri UTHM

Majlis Malam Jalinan Kasih Alumni Sempena Konvokesyen Ke-17 UTHM

Majlis Jalinan Kasih Alumni Sempena Konvokesyen Ke-17 UTHM telah berlangsung pada 13 Oktober lalu di Dewan Terbuka UTHM seperti dalam Foto 5.14 dengan menyaksikan kehadiran kira-kira seramai 250 Alumni UTHM.

Majlis ini telah berjaya mengumpulkan alumni-alumni yang bekerja di dalam pelbagai sektor antaranya seperti industri, kerajaan dan juga usahawan. Keistimewaan Majlis Jalinan Kasih Alumni pada tahun ini adalah tetamu alumni berpeluang untuk beramah mesra dengan lebih dekat bersama pengurusan tertinggi UTHM antaranya mantan Naib Canselor iaitu, Profesor Dato' Dr. Ismail bin Bakar dan Profesor Datuk Dr. Mohd Noh bin Dalimin, Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar & Alumni (HEPA), Prof. Madya Dr. Asri bin Selamat, Ahli Lembaga Pengarah Universiti (LPU) Datuk Pang Chau Leong yang juga merupakan alumni UTHM. Pada malam tersebut juga telah berlangsungnya Gimik Pelancaran Buku Pelan Strategik Alumni 2016-2025 yang telah siap disusun atur serta dikemaskini oleh CARE hasil dari sumbangan idea dan kepakaran oleh alumni-alumni UTHM.



▲ Foto 5.15: Foto Alumni VIP Bersama Canselor UTHM

Jemputan 20 Alumni VIP Sempena Konvokesyen Ke-17

Seramai 20 alumni jemputan khas VIP turut diundang untuk bersama-sama dalam Majlis Konvokesyen UTHM kali ke-17 yang berlangsung dari 14 hingga 16 Oktober 2017 di Dewan Sultan Ibrahim (DSI) UTHM. Jemputan khas alumni VIP kali ini membawa memori teristimewa buat mereka apabila dapat turut serta bergambar secara berkumpulan bersama-sama Canselor UTHM, Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar serta pengurusan tertinggi UTHM yang terdiri dari Pro-Canselor yang juga Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Ali bin Hamsa, Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti (LPU) Yang Berbahagia Tan Sri (Dr.) Ir. Jamilus bin Md Hussin dan Naib Canselor, Yang Berbahagia Profesor Dr. Wahid bin Razzaly selepas selesai sesi pagi sidang pertama seperti dalam Foto 5.15.

▲ Foto 5.14: Majlis Malam Jalinan Kasih Alumni Sempena Konvokesyen Ke-17 UTHM

6

Pembangunan, Pengurusan Fasiliti & ICT

- 86 Pengenalan
- 87 Pembangunan Fasiliti
- 88 Pengurusan Fasiliti
- 92 Pusat Teknologi Maklumat



Pengenalan

Aspek pembangunan, pengurusan fasiliti dan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) adalah ekosistem fizikal yang memberi kesan langsung kepada kecemerlangan Universiti. Pelbagai penekanan dan tumpuan mesti diberikan agar operasi Universiti berjalan dengan lancar dan seterusnya membolehkan misi dan visi berjaya dicapai.

Pembangunan Fasiliti

Inisiatif Kampus Pintar

Kampus pintar UTHM merupakan komitmen yang kukuh untuk meletakkan UTHM selaku pemacu Universiti kampus pintar di negara ini. Seajar dengan itu, UTHM berhasrat untuk melaksanakan penggunaan teknologi yang efisien dan efektif di UTHM bagi mewujudkan persekitaran pengajaran dan pembelajaran serta kehidupan kampus yang lebih baik. Sehubungan dengan itu, Pusat Teknologi Maklumat (PTM) telah memainkan peranan penting bagi menyokong Universiti dalam mewujudkan kampus pintar melalui sistem rangkaian dan aplikasi yang sentiasa ditambah baik dari masa ke semasa. Pendekatan jangka pendek PTM yang telah dilaksanakan adalah menyediakan persekitaran rangkaian secara menyeluruh di UTHM, menyediakan aplikasi yang lebih efektif bagi menyokong pengurusan akademik, penyelidikan, penerbitan, pentadbiran dan kewangan yang efisien serta memperkenalkan persekitaran *paperless*. Malahan, PTM telah menyediakan pelan jangka panjang ke arah usaha kampus pintar dengan menyediakan persekitaran rangkaian Gbps sehingga *end point*, pelaksanaan internet berkelajuan 10Gbps, menyediakan persekitaran rangkaian dan aplikasi yang selamat dan mesra *bring your own device* (BYOD), memantapkan kelestarian

keselamatan kampus melalui penggunaan *closed-circuit television* (CCTV) dan memperkenalkan kaedah komunikasi secara digital melalui *voice over internet protocol* (VoIP). Justeru itu, perancangan dalam meletakkan UTHM sebagai kampus pintar memerlukan perancangan yang teliti dan melibatkan keseluruhan PTJ di UTHM.

Kampus Tanjung Laboh




Selain daripada UTHM Parit Raja dan UTHM Pagoh, terdapat sebuah lagi kampus UTHM di Tanjung Laboh yang telah memulakan operasi dengan pelancaran Pusat Minda Emas (PuMAS) oleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan Tinggi pada 25 Ogos 2016. Pada masa kini, UTHM Tanjung Laboh hanya menempatkan PuMAS, iaitu kemudahan latihan dan bengkel yang dimanfaatkan oleh pihak UTHM serta turut dibuka untuk sewaan kepada pihak luar.


Berpandukan kepada Blueprint UTHM 2015 - 2025, Pusat Teknologi Aeronautik merupakan perancangan kukuh oleh UTHM dalam melahirkan sumber tenaga yang kompeten bagi industri aeroangkasa dalam dan luar negara selaras dengan Pelan Tindakan Industri Aeroangkasa 2030. Pusat ini ditempatkan di Tanjung Laboh, Batu Pahat dengan keluasan 290 ekar yang akan dibangunkan pada tahun 2018 sehingga beroperasi sepenuhnya pada tahun 2024. UTHM fokus dalam memastikan pusat ini mencapai objektif dengan memperuntukkan RM 30.9 juta dalam konteks penambahbaikan bangunan sedia ada dan pembinaan bangunan akademik. Bangunan akademik direncanakan bagi mewujudkan Fakulti Kejuruteraan Aeronautik dan sekaligus sebagai pusat bagi latihan penyenggaraan pesawat dan latihan penerbangan.

Pengurusan Fasiliti

Laporan Utiliti Elektrik

Jumlah bacaan tenaga elektrik tertinggi adalah pada bulan Mei sebanyak 2,826,637 kWh dengan bil pembayaran kepada TNB sejumlah RM 1.2 juta. Penjimatan berlaku bermula pada bulan Jun dan seterusnya sehingga bacaan terendah adalah sebanyak 2,044,741 kWh dengan bil pembayaran berjumlah RM950,727.71 pada bulan Ogos. Maklumat penggunaan elektrik dan pembayaran tenaga elektrik adalah seperti Rajah 6.1 dan 6.2. Tahun 2017 menunjukkan warga UTHM berjaya mengamalkan budaya penjimatan berbanding tahun sebelumnya.





Pengurangan penggunaan tenaga elektrik (kWh) bagi tahun 2017 sehingga Disember adalah sebanyak 6.28% bersamaan 1,909,803 kWh berbanding tempoh yang sama tahun 2016 seperti dalam Jadual 6.1. Manakala dari segi bil penjimatan sehingga Disember 2017 adalah 4.89% atau RM642,365.57 seperti dalam Jadual 6.2. Pengurangan ini berjaya dicapai disebabkan oleh perubahan tempoh operasi Perpustakaan Tunku Tun Aminah (PTTA), iaitu PTTA tidak beroperasi pada hujung minggu. Selain itu penambahbaikan jadual waktu kuliah dengan kuliah pada luar waktu kerja diselaraskan menggunakan ruang kuliah bersistem hawa dingin jenis unit pisah. Tindakan lain juga adalah dengan penambahan pemantauan dan penyelenggaraan berterusan ke atas perkakasan sistem agihan bekalan voltan tinggi dan rendah serta ke atas nilai kehendak maksima (MD) di bangunan-bangunan Fakulti sekaligus mengawal nilai MD keseluruhan kampus induk. Jadual 6.3 menunjukkan jumlah kos penggunaan bagi beban elektrik mengikut bangunan di kampus UTHM Parit Raja bagi tahun 2017.

<p>Purata penjimatan penggunaan elektrik (sehingga Disember 2017) 159,150 kWh / bulan</p> <p>Jumlah penjimatan terkumpul penggunaan (sehingga Disember 2017) 1,909,803 kWh 6.28%</p> <p>Jumlah penggunaan terkumpul (sehingga Disember 2017) 28,511,548 kWh</p>	<p>Purata penjimatan penggunaan elektrik (sehingga Disember 2017) RM53,530.46/bulan</p> <p>Jumlah penjimatan terkumpul penggunaan (sehingga Disember 2017) RM642,365.57 4.89%</p> <p>Jumlah penggunaan terkumpul (sehingga Disember 2017) RM12,488,640.75</p>
--	--

Jadual 6.1: Pengurangan Penggunaan Tenaga Elektrik (kWh) Bagi Tahun 2017


Jadual 6.2: Penjimatan Penggunaan Elektrik Sehingga Disember 2017

Jadual 6.3: : Jumlah Kos Penggunaan Elektrik Mengikut Bangunan di Kampus Induk UTHM Tahun 2017 (RM)

Bulan/ Lokasi	PTTA	FKAAS	FPTV	FSKTM	FKEE (G1)	FKMP (G2)	FFTP
Januari	108,328.80	62,165.32	99,199.21	29,458.36	18,292.35	55,771.82	11,537.10
Februari	101,051.28	58,800.00	95,292.39	34,405.39	14,395.84	53,002.21	14,014.54
Mac	124,917.69	66,377.86	115,314.72	39,190.19	24,209.51	69,016.58	25,288.66
April	123,866.02	59,317.25	105,826.21	39,297.77	23,293.51	72,596.50	21,776.63
Mei	122,924.30	70,068.23	112,134.53	44,661.55	27,009.97	69,517.04	27,372.08
Jun	99,138.61	57,475.32	86,754.81	26,875.85	22,395.55	46,457.32	15,262.84
Julai	101,415.43	68,798.93	109,074.13	35,194.27	24,205.88	51,148.33	17,373.39
Ogos	86,653.75	67,690.67	102,478.34	34,478.44	21,920.04	47,324.74	18,407.50
September	93,292.97	55,125.05	87,908.18	36,063.77	21,700.72	51,975.66	22,294.75
Oktober	116,818.94	66,826.36	104,851.73	43,451.02	22,656.23	58,494.63	27,424.82
November	118,320.92	69,754.64	110,838.17	40,269.14	26,078.90	35,864.69	26,774.76
Disember	105,556.16	61,755.76	97,381.44	37,136.56	24,610.10	63,900.14	24,495.15
Jumlah Kos Sehingga Disember (RM)	1,302,284.87	701,981.07	1,127,854.65	411,023.95	252,476.25	619,297.84	240,505.12


Laporan Utiliti Telefon

Rajah 6.3 melaporkan perbandingan penggunaan bil telefon bagi tahun 2016 dan 2017. Penjimatan bil pada tahun 2017 berbanding tahun 2016 adalah sebanyak RM31,130.14 bersamaan dengan 12% penjimatan.




Statistik Aduan Kerosakan Elektrik

Berdasarkan statistik aduan menerusi Rajah 6.4 dan laporan yang dijana oleh sistem aduan kerosakan atas talian, sebanyak 2,532 tiket aduan daripada jumlah keseluruhan 2,570 tiket aduan iaitu hampir 98.5% telah diselesaikan sekaligus mencapai KPI yang ditetapkan.



Laporan Utiliti Air

Laporan perbandingan utiliti penggunaan air pada tahun 2016 dan 2017 adalah seperti Rajah 6.5. Jumlah penggunaan air bagi tahun 2017 adalah rendah berbanding tahun sebelumnya dengan penjimatan hampir 34%.



Pusat Teknologi Maklumat

Pembangunan Sistem & Infrastruktur IT Universiti

Pusat Teknologi Maklumat dipertanggungjawabkan untuk membangunkan aplikasi baru membantu misi dan visi Universiti. Selari dengan itu, Pusat Teknologi Maklumat telah berjaya membangunkan 8 sistem baharu secara *inhouse* dengan menggunakan kepakaran sedia ada. Sistem yang telah dibangunkan memberi impak yang lebih efektif kepada proses tadbir urus Universiti di Pejabat, Pusat dan Fakulti. Sistem baharu yang telah dibangunkan adalah seperti berikut:



Sistem Laporan Kemajuan Pascasiswazah

Sistem yang dibangunkan untuk kegunaan Pusat Pengajian Siswazah bagi melaksanakan proses pengisian, penghantaran dan penilaian laporan kemajuan pelajar pascasiswazah pada setiap semester. Terbahagi kepada 2 bahagian iaitu pelajar dan staf. Sistem ini bermula pada sesi 2017/2018 Semester I.



Sistem Permohonan Imbuhan Penerbitan

Sistem permohonan imbuhan penerbitan merupakan sistem yang dibangunkan untuk Pusat Pengurusan Penyelidikan dalam membantu pengurusan permohonan imbuhan penerbitan jurnal dan prosiding. Sistem ini mula digunakan pada bulan Jun 2017.



Sistem IDEAS

Sistem IDEAS merupakan sistem yang dibangunkan untuk memberi ruang kepada staf dan pelajar UTHM melontarkan dan berkongsi sebarang idea bagi tujuan pembangunan kelestarian kampus. Sistem ini telah digunakan mulai Ogos 2017.



Sistem Pengiraan Beban Pensyarah V2.0

Sistem pengiraan beban pensyarah dibangunkan untuk membantu pihak CAD dalam pengiraan beban pensyarah. Sistem ini merangkumi 3 komponen utama iaitu pengajaran dan penyeliaan, penyelidikan dan pentadbiran. Mula digunakan pada sesi 2017/2018 Semester I.



Sistem Pelan Penggantian Staf Bukan Akademik - Tapisan Pertama

Sistem yang dibangunkan untuk Pejabat Pendaftar membantu dalam penyenaian staf yang layak untuk disenaraikan dalam pelan penggantian.



Sistem Permohonan Pelekat Barang Elektrik (Kolej Kediaman)

Sistem yang dibangunkan untuk kolej kediaman bagi memudahkan pelajar membuat permohonan pelekat bagi barang elektrik yang terpilih untuk dibawa ke kolej kediaman.



Sistem e-Claim - FASA 1

Sistem e-Claim merupakan sistem dibangunkan untuk Pejabat Bendahari bagi memudahkan proses permohonan tuntutan perjalanan oleh staf dan pengiraan tuntutan perjalanan. Sistem tersebut telah mula digunakan pada bulan November 2017.



Sistem OBE - Paparan Pelajar

Sistem yang dibangunkan untuk CAD bagi memudahkan capaian oleh pelajar terhadap pencapaian pelajar sepanjang tempoh pengajian mengikut CLO dan PLO yang telah ditetapkan.

Penambahbaikan yang dilaksanakan oleh PTM pula melibatkan 21 sistem sedia dengan sistem yang terlibat antaranya ialah e-Community, e-KAPS, e-Travel dan sebagainya.



7

Hubungan Komuniti & Jaringan Industri

- 96 Pengenalan
- 97 Projek Universiti - Komuniti
- 100 Ringkasan Pencapaian
- 101 Rumusan Hubungan Universiti Komuniti
- 101 Hubungan Universiti - Industri



Pengenalan

Pada tahun 2017, UTHM telah menganjurkan hampir 43 program komuniti yang melibatkan semua Pusat Tanggungjawab (PTj). Program komuniti ini direkodkan di dalam Sistem Pangkalan Data Khidmat Masyarakat bagi tujuan audit MyRA, Setara dan QS Stars Rating. Program yang dijalankan oleh PTj melibatkan 7 kluster seperti yang telah ditetapkan oleh Pejabat Hubungan Universiti dan Masyarakat (PHUM).

Projek Universiti - Komuniti

Jadual 7.1 menunjukkan senarai program utama pada tahun 2017. Program ini dipilih berdasarkan penglibatan komuniti yang sangat memberangsangkan dan mendapat tajaan menerusi pelbagai agensi.

Jadual 7.1: Senarai Program Wow Factor bagi tahun 2017

Aktiviti	PTJ	Bidang Tujah / kluster	Penganjur & Kerjasama	Impak
<i>Blue Kids Fun Zone (Autism)</i>	FKMP	Pembangunan Modal Insan (PMI)	<ul style="list-style-type: none"> • UTHM • Pusat Kecemerlangan Paralimpik 	Kesukanan Paralimpik (Sukarelawan)
Penerapan Konsep Kejuruteraan & Teknologi Pemakanan untuk Pengusaha Industri Pemakanan	FTK	Komuniti Terpilih (KT) Pengembangan & Komuniti (PK)	<ul style="list-style-type: none"> • UTHM • NBOS 	Ekonomi IKS (Projek bernilai RM 170 ribu)
<i>Professor at School</i>	FKEE	Promosi Universiti & Kepakaran (PUK)	<ul style="list-style-type: none"> • UTHM • Komuniti • Sekolah 	Kepakaran Profesor kepada komuniti
<i>Science, Technology, Engineering & Mathematics Festival (STEM Festival)</i>	FAST	Inovasi dan Rekaipta (IR)	<ul style="list-style-type: none"> • UTHM • Komuniti Pagoh 	Pendidikan STEM kepada komuniti
<i>Community in River (COIR), Sungai Mengkibol, Kluang, Johor</i>	MPRC FKAAS	Kesejahteraan Komuniti (KK)	<ul style="list-style-type: none"> • UTHM • Jabatan Pengairan & Saliran • Pertubuhan Anak Muda Daerah Kluang 	Ilmu baharu - Pemuliharaan sungai (Lebih 200 orang peserta)
<i>Let's Clean Go Green</i> Kompartmen 79, Hutan Simpan Sungai Johor, Johor	MPRC FKAAS	Kesejahteraan Komuniti (KK)	<ul style="list-style-type: none"> • UTHM • Lim & Lim Plantations 	Ilmu baharu - Pemuliharaan hutan (Lebih 90 orang peserta)

Blue Kids Fun Zone (Autism)

Program ini dijalankan pada 9 April 2017 bertempat di Pusat Kecemerlangan Sukan Paralimpik, Kampung Pandan Kuala Lumpur. Tujuan utama program adalah untuk mendedahkan golongan muda profesional dalam mengenalpasti masalah budaya sosial dan pembelajaran yang berkaitan dengan autisme dan kecacatan perkembangan. Selain itu, ini dapat meningkatkan tahap kesedaran tentang autisme di kalangan ibu bapa, guru, pelajar dan komuniti setempat. Program ini juga menawarkan jangkauan dan aktiviti kesedaran berasaskan komuniti dengan matlamat untuk meningkatkan kesedaran awal dan memulakan kesepaduan persahabatan, di samping menawarkan interaksi dan persahabatan antara pelajar normal dan pelajar autisme di dalam dan luar kelas seperti Foto 7.1.



▲ Foto 7.1: Program *Blue Kids Fun Zone*



▲ Foto 7.2: Program *Professor at School* di Sekolah Menengah Kebangsaan (P) Temenggong Ibrahim, Batu Pahat

Program *Professor at School*

Pada 11 Oktober 2017 telah berlangsung program *Professor at School* di Sekolah Menengah Kebangsaan (P) Temenggong Ibrahim, Batu Pahat (TIGS Batu Pahat) anjuran Majlis Profesor Negara (MPN) dan FKEE, UTHM. Perkongsian ceramah yang disampaikan adalah bertajuk *Mystery of Lightning* oleh Profesor Dr. Hussein bin Ahmad dari Fakulti Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik, UTHM. Tiga aktiviti telah dijalankan di dalam program ini iaitu ceramah berkenaan dengan fenomena kilat, demonstrasi penjanaan kilat menggunakan *tesla coil* dan pengiraan matematik oleh pelajar-pelajar. Sebanyak 80 orang pelajar sekolah telah terlibat dalam program ini seperti Foto 7.2. Respon pelajar setelah tamat program ini secara keseluruhannya sangat gembira dengan ilmu baharu yang mereka pelajari dan mereka sangat berminat untuk sertai program yang seumpama ini di masa akan datang.

Festival STEM

Majlis perasmian Festival STEM 2017 ini telah dirasmikan oleh Profesor Madya Dr. Mohd Kamarul Zaki bin Mustafa, Dekan Fakulti Sains Gunaan & Teknologi (FAST) UTHM seperti Foto 7.3.

Program ini melibatkan penyertaan 2 buah sekolah

menengah dan 6 buah sekolah rendah di sekitar daerah Muar. Antara aktiviti yang dijalankan adalah *Treasure Hunt*, teka silang kata, *Guess The Medicine*, pameran serangga, *bowling*, *Fast and Furious*, *Evolution of Barter* dan simulasi penerbangan. Program ini diharapkan dapat memberikan satu pandangan dan persepsi baru kepada pelajar dan masyarakat iaitu Sains, Teknologi, Kejuruteraan & Matematik (STEM) adalah mudah dan amat menarik untuk dipelajari.



▲ Foto 7.3: STEM Festival 2017

Community in River (COIR) di Sungai Mengkibol, Kluang Johor

Pada 23 Oktober 2017, satu program telah diadakan di Sungai Mengkibol, Kluang iaitu *Community in River* (COIR). Program ini dirasmikan oleh Yang Berhormat Datuk Haji Ayub bin Rahmat seperti dalam Foto 7.4.



▲ Foto 7.4: Majlis Perasmian Program *Community in River* (COIR)



▲ Foto 7.5: Aktiviti COIR

Program hasil kerjasama Jabatan Pengairan & Saliran dan Majlis Pemuda Daerah Kluang ini bertujuan untuk mengeratkan hubungan antara kerajaan, agensi, anak muda dan komuniti yang tinggal berdekatan sungai. Program ini dijalankan dengan menggunakan kaedah gotong-royong dan beberapa aktiviti kesedaran diadakan bagi menyelesaikan isu pencemaran sungai dan kawasan sekitarnya seperti Foto 7.5. Diharapkan dari program ini dapat menyedarkan serta memupuk semangat kepentingan memulihara kebersihan sungai dalam kalangan komuniti.

Let's Clean Go Green

Pada 9 November 2017, program *Let's Clean Go Green* telah diadakan di Kompartmen 79, Hutan Simpan Sungai Johor. Program hasil anjuran Pejabat Hutan Daerah Johor Selatan dengan kerjasama Lim & Lim Plantations dan UTHM ini bertujuan untuk mengetahui kepentingan memulihara hutan dengan kaedah menanam semula pokok agar generasi akan datang dapat menikmati keindahan yang sama. Program ini dijalankan dengan menggunakan kaedah gotong-royong menanam pokok di kawasan yang telah dirancang seperti dalam Foto 7.6. Sebelum aktiviti penanaman dijalankan, ketua program telah memberi penerangan mengenai penanaman 670 batang pokok terdiri daripada 5 jenis kumpulan yang berbeza iaitu pokok Rhu, Kelat Jambu, Kembang Semangkuk, Bintagu Laut dan Merawan.




▲ Foto 7.6: Program *Let's Clean Go Green*

Kemudian dengan menaiki traktor selama 40 minit ke kawasan penanaman, aktiviti dimulakan sehingga kesemua pokok berjaya ditanam meskipun cuaca panas terik pada hari berkenaan. Diharapkan dari program ini dapat menggalakkan aktiviti penanaman pokok serta memupuk semangat kepentingan memulihara hutan di kalangan komuniti.

Ringkasan Pencapaian

Rajah 7.1 mempamerkan analisa program penglibatan komuniti bagi tahun 2017 bagi setiap kluster. Berdasarkan analisa tersebut, peratusan tertinggi bagi program kemasyarakatan bagi tahun 2017 adalah di bawah kluster Kesejahteraan Komuniti (KK) dengan peratusan sebanyak 37%. Ia diikuti dengan Program Pembangunan Modal Insan (PMI) dan Program Pengembangan dan Komuniti (PK) dengan masing-masing sebanyak 18%. Pada tahun 2017, UTHM telah menganjurkan program yang melibatkan komuniti sekolah kluster (SK) bagi Program Kecemerlangan Sekolah Kluster 2017 seperti Program STEM, Motivasi dan Program Inovasi dan Rekaipita (IR) dengan peratusan sebanyak 2%.




Rumusan Hubungan Universiti - Komuniti

Tahun 2017 menyaksikan kebanyakan Pusat Tanggungjawab di Universiti memberi fokus utama di dalam kluster kesejahteraan komuniti di samping program-program yang lain. Perkara ini membuktikan bahawa UTHM juga merupakan Pusat Sehati Komuniti dalam mentransformasi komuniti setempat di kawasan setempat.

Hubungan Universiti - Industri

Senarai MoU dan MoA

Rajah 7.2 menunjukkan pecahan hubungan kerjasama UTHM dengan beberapa agensi sama ada di dalam atau luar negara. Jumlah keseluruhan adalah sebanyak 44 memorandum kerjasama dengan pecahan 30 Memorandum Persefahaman (MoU) dan selebihnya adalah Memorandum Perjanjian (MoA). Senarai MoA seperti Jadual 7.2



mempamerkan kebanyakan persefahaman adalah melibatkan penyelidikan dan perundingan. Namun terdapat perjanjian yang melibatkan bidang kerjasama akademik seperti Malaysian Aviation Training Academy (MATA), Malaysian Software Testing dan universiti luar negara. Foto 7.7 menyaksikan Majlis Menandatangani MoA & Penyerahan Endowmen oleh Miaow - Miaow Food Products Sdn. Bhd.



Foto 7.7: Majlis Menandatangani MoA & Penyerahan Endowmen oleh Miaow - Miaow Food Products Sdn. Bhd.

Jadual 7.2: Senarai MoA 2017

Organisasi	Bidang Kerjasama	Tempoh Perjanjian	Pusat/ Fakulti
Malaysian Aviation Training Academy (MATA)	Akademik	6/5/2017 - Tiada Tempoh	FKMP
Miaow - Miaow Food Products Sdn. Bhd.	Penyelidikan	3/7/2017 - 3/7/2020	FPTP
Malaysian Software Testing Board kali ke-2	Akademik	29/6/2017 - 29/06/2018	FSKTM
Recove Group Sdn. Bhd.	Penyelidikan / Perundingan	22/11/2017 - 22/11/2018	FKEE
Universiti Malaya (Kong Zi Institute)	Akademik	30/11/2017 - 30/11/2020	PPB
Commteq (M) Sdn. Bhd.	Penyelidikan / Perundingan	21/12/2017 - 21/12/2020	FKMP
PT Reach International (M) Sdn. Bhd.	Penyelidikan / Perundingan	27/12/2017 - 27/12/2020	FKMP
Universitas Riau Kepulauan Batam	Penyelidikan / Perundingan	18/10/2017 - 18/10/2020	TFOM
Universitas YARSI, Indonesia	Akademik / Penyelidikan / Perundingan	17/8/2017 - 17/8/2020	FAST
Delectus Global Ventures Sdn. Bhd.	Penyelidikan / Perundingan	20/11/2017 - 20/11/2020	FKMP
Universitas Gadjah Mada	Akademik / Penyelidikan / Perundingan	20/10/2017 - 20/10/2022	FAST
Nagoya Institute of Technology, Japan	Penyelidikan / Perundingan	08/5/2017 - 08/5/2022	FKEE
Prince of Songkla University	Penyelidikan / Perundingan	24/10/2017 - 24/10/2020	FKMP
Prince of Songkla University on Double Degree In Postgraduate	Akademik	22/11/2017 - 22/11/2021	FKMP

Sebanyak 30 MoU telah dimeterai antara UTHM dengan beberapa organisasi dan bidang kerjasama seperti yang dinyatakan dalam Jadual 7.3. Foto 7.8 menyaksikan Majlis Menandatangani MoA, MoU dan Letter of Intent (LoI) bersempena majlis penutupan Asia TVET Experts Forum (ATEF) 2017.

Jadual 7.3: Memorandum Persefahaman (MOU)

Organisasi	Tempoh	Pusat/ Fakulti
Universiti Sultan Zainal Abidin (UNISZA)	10/4/2017 - 10/4/2020	FSKTM
Ain Furnishing	21/4/2017 - 21/4/2020	FPTP
Homestead Wood Industries Sdn. Bhd.	21/4/2017 - 21/4/2020	FPTP
Puncak Bumi Utama Sdn. Bhd.	21/4/2017 - 21/4/2020	FPTP
SHARP Manufacturing Corporation (M) Sdn. Bhd.	6/5/2017 - 6/5/2020	FKEE
HPMT Industries Sdn. Bhd.	9/5/2017 - 9/5/2020	FKMP
WTW Training House	14/5/2017 - 14/5/2020	PAB
Celcom Axiata Berhad	6/6/2017 - 6/6/2020	PC
Majlis Agama Islam Negeri Johor - Dana Wakaf	6/6/2017 - Tiada Tempoh	PC
Malaysia Rail Link Sdn. Bhd.	14/6/2017 - 14/6/2022	FTK
China Communications Construction Company (M) Sdn. Bhd.	14/6/2017 - 14/6/2022	FTK
NAZA Academy	18/7/2017 - 18/7/2020	FPTV
TWI - ABM Training & Certification Sdn. Bhd.	18/7/2017 - 18/7/2018	FPTV
Sentoria Themeparks & Resorts Sdn. Bhd.	18/7/2017 - 18/7/2020	FPTV
Pihak Berkuasa Tempatan Pengerang	29/10/2017 - 29/10/2019	PPI
Pelabuhan Tanjung Pelepas Sdn. Bhd.	27/11/2017 - 27/11/2020	FKMP
Board of Engineers Malaysia	28/2/2017 - 28/2/2022	FKEE

Jadual 7.4: Memorandum Persefahaman (MOU) (Sambungan)

Organisasi	Tempoh	Pusat/ Fakulti
Tunku Laksamana Johor Canser Foundation	21/12/2017 – 20/12/2020	PPUK
Universiti Teknologi Brunei	27/7/2017 - 27/7/2020	FSKTM
Concord University College of Fujian Normal University	18/7/2017 -18/7/2020	PAB
Osnabruck University of Applied Sciences	24/8/2017 - 24/8/2020	FKMP
Universitas Pendidikan Indonesia	18/7/2017 - 18/7/2020	FPTV
Labtech International, Batam Indonesia	18/10/2017 - 18/10/2020	FPTV
Universitas Negeri Padang	18/7/2017 - 18/7/2020	FPTV
Universitas Negeri Malang	18/7/2017 - 18/7/2020	FPTV
Universitas Brawijaya	2/10/2017 - 2/10/2020	FKEE
Akademi Teknik Telekomunikasi Sandhy Putra Jakarta	23/11/2017 - 23/11/2020	FKEE
Shizuoka University	22/8/2017 - 22/8/2022	FKEE
Tokyo City University	26/11/2017 - 26/11/2020	FPTP
Korea University of Technology & Education	20/7/2017 - 20/7/2020	FPTV



Foto 7.8: Sekitar Asia TVET Experts Forum (ATEF) 2017



Pencapaian UTHM 2017

- 106** Pengenalan
- 107** Pengiktirafan & Penarafan UTHM
- 108** Pencapaian Penyelidikan & Pengkomersilan
- 109** Pencapaian Pelajar UTHM

Pengenalan

Secara umumnya, pencapaian UTHM meliputi keseluruhan aspek sama ada di peringkat dalam negara mahupun di luar negara. Strategi dan gerak kerja yang telah dilaksanakan menghasilkan nilai impak positif dan pencapaian yang membanggakan.

Pengiktirafan & Penarafan UTHM

UTHM telah berjaya memperoleh penarafan secara keseluruhan 4 bintang menerusi QS Stars Rating dengan 7 komponen yang dinilai merangkumi kategori *Teaching, Employability, Facilities, Social Responsibility* dan *Inclusiveness* yang diberikan penarafan 5 bintang. Pencapaian 3 bintang adalah kategori *Research* dan *Internationalization*. UTHM juga tersenarai dalam QS University Rankings: Asia 2017 di kedudukan 301-350. Manakala, bagi QS World University Rankings 2017 by Subject disenaraikan untuk 3 kategori iaitu *Engineering Mechanical* (kedudukan 251-300), *Engineering Electrical and Electronic* (kedudukan 351-400), dan *Engineering and Technology* (kedudukan 451-500).



Aspek pengurusan kewangan memperlihatkan UTHM telah dianugerahkan 5 bintang dalam penarafan Indeks Akauntabiliti (AI) oleh Jabatan Audit Negara. UTHM dilantik oleh Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) sebagai Universiti peneraju untuk Pusat Kecemerlangan Industri-Rel (ICoE-Rel) di peringkat kebangsaan menerusi geran bernilai RM 1 juta oleh KPT seperti dalam Foto 8.1 dan 8.2.



Foto 8.1: Majlis Penyerahan Cek bernilai RM 1 juta dari pihak KPT kepada I-CoE
 Foto 8.2: Tinjauan YBhg. Pengarah Pendidikan Tinggi lokasi Stesen High Speed Rail

Pencapaian Penyelidikan & Pengkomersilan

Pencapaian dalam penyelidikan dan pengkomersilan UTHM memperlihatkan produk Fuel Gain Kit (FGKit) yang menggunakan teknologi suntikan bahan api elektronik (EFI) untuk enjin motosikal, ke arah memenuhi Piawai EURO 5. Produk ini merupakan sebuah pencapaian dalam membantu pengguna motosikal menyelesaikan masalah kos penggunaan bahan api dan pencemaran asap dari enjin. Produk ini berada dalam fasa akhir pengkomersilan.

Selain itu, pencapaian dalam penyelidikan dan inovasi oleh para penyelidik UTHM turut menunjukkan momentum yang cemerlang. UTHM telah berjaya mengungguli Malaysia Technology Expo (MTE 2017) dengan Anugerah Khas dan Anugerah *Best of the Best* selain meraih 3 pingat emas, 3 pingat perak dan 4 pingat gangsa (seperti dalam Foto 8.3 dan 8.4). Penglibatan UTHM dalam Persidangan dan Ekspo Antarabangsa Ciptaan Institusi Pengajian Tinggi (PECIPTA) 2017 membawa kepada kejayaan 1 pingat emas, 3 pingat perak dan 6 pingat gangsa. Manakala, penglibatan UTHM dalam Seoul International Invention Fair (SIIF) 2017 menghasilkan 2 pingat emas, 1 pingat perak dan 3 pingat gangsa.



Foto 8.3: Penyelidik UTHM Berjaya Memenangi Anugerah di MTE 2017



Foto 8.4: Penyelidik UTHM Menerima Anugerah Utama di MTE 2017

Pencapaian Pelajar UTHM



▲ Foto 8.5: Hong Kong Indoor Rowing Championship

Pelbagai pencapaian berjaya dicapai oleh pelajar UTHM di peringkat kebangsaan mahupun antarabangsa. Keunggulan dalam sukan mendayung diteruskan apabila pasukan UTHM Barracuda berjaya meraih pingat emas *Men University Relay* dan pingat perak *Men Open 500m* di pertandingan Hong Kong Indoor Rowing Championship seperti dalam Foto 8.5.

Kejayaan turut diraih menerusi Inter-University Sports Carnival (MASUM) 2017 sebagai juara keseluruhan sebanyak 7 kali antara 2009 hingga 2017 dengan 2 pingat emas dicapai dalam kategori *Men Single Scull* dan *Men Four* seperti dalam Foto 8.6. Dua orang pelajar UTHM juga masing-masing telah terpilih untuk mengikuti program *Huawei Seeds for the Future*



▲ Foto 8.6: Inter-University Sports Carnival (MASUM) 2017

anjuran KPT dan Huawei Technologies (Malaysia), serta 2017 ASEAN China Youth Winter Camp di China. Selain itu, 3 pelajar UTHM juga berjaya dalam IEEE Final Year Project (FYP) Competition sebagai johan bagi trek *Signal and Image Processing Analysis*, manakala turut menjadi naib johan dan tempat ketiga bagi trek *Power and Energy*. Menerusi Innovate Malaysia Design Competition (IMDC) 2017, pasukan UTHM adalah antara Universiti paling banyak terpilih ke pusingan akhir dan berjaya meraih naib johan untuk 3 trek iaitu *National Instrument (NI)*, *Motorola Solutions* dan *Microsoft*, serta tempat ketiga bagi trek *ViTrox* dan *Keysight*.

Pelajar UTHM juga telah dinobatkan sebagai Juara Pertandingan Intersivari Young Motivator Competition 2017 (I-MAC 2017) anjuran bersama UTHM dengan kerjasama Jawatankuasa Pembimbing Rakan Siswa Kebangsaan dan Majlis Kaunseling Kerjaya Universiti Awam (MAKUMA) seperti Foto 8.7. Pelajar UTHM turut melakar sejarah dalam bidang muzik apabila Kumpulan Rytma Melody Sembreg Buskers UTHM berjaya merangkul Johan dan Anugerah Persembahan Terbaik di Music Festival and Busking Challenge anjuran Majlis Kebudayaan Universiti Awam Malaysia (MAKUM).



▲ Foto 8.7: Johan Intersivari Young Motivator Competition

Pasukan Latihan Pegawai Simpanan (PALAPES) UTHM memenangi Anugerah Detachment Terbaik Keseluruhan dan Kadet Terbaik Keseluruhan dalam Istiadat Pentauliahan DiRaja Pegawai Kadet PALAPES Universiti Awam Kali Ke-36 (seperti dalam Foto 8.8). Manakala, sejumlah 1,316 graduan kejuruteraan awam, elektrik, elektronik dan mekanikal telah didaftarkan secara pukal sebagai jurutera siswazah di LJM dan ini menjadikan UTHM sebagai universiti awam paling ramai graduan mendaftarkan diri.

▲ Foto 8.8: Anugerah Detachment Terbaik Keseluruhan dan Kadet Terbaik Keseluruhan dalam Istiadat Pentauliahan DiRaja Pegawai Kadet PALAPES Universiti Awam Kali Ke-36



Laporan Kewangan Bagi Tahun 2017

- 112 Pengenalan
- 113 Pendapatan Mengurus
- 114 Perbelanjaan Mengurus
- 115 Pendapatan Pembangunan
- 116 Perbelanjaan Pembangunan
- 118 Geran Tertunda

“ DENGAN HIKMAH KIT



Pengenalan

Pengurusan kewangan secara lestari dan mampan dilihat sangat penting pada masa kini bagi memastikan sesebuah organisasi beroperasi dengan lancar dan sejahtera. Sehubungan dengan itu, UTHM begitu komited dalam mengurus pendapatan bagi memastikan segala perancangan dan matlamat yang dirangka tercapai sepanjang tahun. Malahan, UTHM tekad dan berusaha untuk terus mempertingkatkan penjanaaan pendapatan bagi menampung perbelanjaan operasi yang semakin tinggi nilainya.

Pendapatan Mengurus


Bagi tahun 2017 jumlah pendapatan mengurus UTHM adalah sebanyak RM301,341,160 berbanding dengan RM288,901,081 pada tahun 2016 iaitu peningkatan sebanyak RM12,440,079 (4.3%). Pemberian kerajaan yang diterima bagi tahun 2017 adalah sebanyak RM236,657,000 berbanding RM229,665,949 pada tahun 2016, peningkatan sebanyak RM6,991,051 (3.0%). Sumber dalaman UTHM bagi tahun 2017 adalah sebanyak RM64,684,160 berbanding dengan RM59,235,132 pada tahun 2016 iaitu peningkatan sebanyak RM5,449,028 (9.2%). Butiran dan peratusan jumlah pendapatan mengurus bagi tahun 2017 dan 2016 dapat dilihat dalam Jadual 9.1 manakala pecahan pendapatan mengurus bagi tahun 2017 ditunjukkan dalam Rajah 9.1.

Jadual 9.1 : Perbandingan Pendapatan Mengurus

Sumber Pendapatan	Tahun 2017		Tahun 2016	
	RM '000	%	RM '000	%
Pemberian Kerajaan	236,657	78.5	229,666	79.5
Sumber Dalaman	64,684	21.5	59,235	20.5
Jumlah	301,341	100.0	288,901	100.0

Perincian Sumber Dalaman Adalah Seperti Berikut:


Yuran Pengajian	38,957	60.2	34,193	57.7
Pendapatan daripada Pelaburan	23,399	36.2	23,130	39.0
Sewaan, Jualan Barang & Perkhidmatan	950	1.5	742	1.2
Denda	718	1.1	760	1.3
Bayaran Balik	660	1.0	410	0.7
Jumlah Sumber Dalaman	64,684	100.0	59,235	100.0



▲ Rajah 9.1: Pecahan Pendapatan Mengurus 2017

Perbelanjaan Mengurus


Jumlah keseluruhan perbelanjaan mengurus UTHM pada tahun 2017 adalah sebanyak RM296,314,654 berbanding dengan RM258,184,660 pada tahun 2016, meningkat sebanyak RM38,129,994 (14.8%). Pecahan perbelanjaan adalah disumbangkan oleh pembayaran emolumen sebanyak RM169,620,800 (57.2%), perkhidmatan dan bekalan berjumlah RM106,298,539 (35.9%), pemberian dan kenaikan bayaran tetap sebanyak RM6,934,235 (2.4%) dan perbelanjaan lain berjumlah RM13,461,080 (4.5%). Peningkatan perbelanjaan bagi tahun 2017 adalah mengambilkira perpindahan operasi di Kampus Pagoh bagi 3 buah Fakulti dan sebuah pejabat pentadbiran mulai bulan September 2017. Pecahan perbelanjaan mengurus dapat dilihat dalam Rajah 9.2. Jadual 9.2 pula menunjukkan perbandingan perbelanjaan mengurus bagi tahun 2017 dan 2016. Perbandingan antara pendapatan dan perbelanjaan mengurus bagi tempoh 5 tahun dari tahun 2013 sehingga 2017 pula ditunjukkan dalam Rajah 9.3.



▲ Rajah 9.2: Pecahan Perbelanjaan Mengurus 2017

Jadual 9.2 : Perbandingan Perbelanjaan Mengurus

Perbelanjaan	Tahun 2017		Tahun 2016	
	RM '000	%	RM '000	%
Emolumen	169,621	57.2	159,736	61.9
Perkhidmatan & Bekalan	106,299	35.9	80,610	31.2
Pemberian & Kenaan Tetap	6,934	2.4	6,475	2.5
Perbelanjaan Lain	13,461	4.5	11,364	4.4
Jumlah	296,315	100.0	258,185	100.0



▲ Rajah 9.3: Perbandingan Pendapatan & Perbelanjaan Mengurus Bagi Tahun 2013 - 2017

Pendapatan Pembangunan

Bagi tahun 2017, jumlah geran pembangunan UTHM yang diterima adalah sebanyak RM28,100,000 berbanding RM50,400,000 pada tahun 2016, penurunan sebanyak RM22,300,000 (44.2%). UTHM juga menerima geran pembangunan PFI pada tahun 2017 sebanyak RM70,645,413 iaitu bagi menampung bayaran *Availability Charges* dan perbelanjaan penyelenggaraan projek PFI Hab Pendidikan Tinggi Pagoh, menjadikan keseluruhan geran pembangunan yang diterima adalah sebanyak RM98,745,413. Butiran dan peratusan jumlah geran pembangunan bagi tahun 2017 dan 2016 dapat dilihat dalam Jadual 9.3.

Jadual 9.3 : Perbandingan Pendapatan Pembangunan

Sumber	Tahun 2017		Tahun 2016	
	RM '000	%	RM '000	%
Geran Pembangunan Asal	28,100	28.5	42,000	83.3
Geran Pembangunan Tambahan	-	-	8,400	16.7
Geran Pembangunan PFI (Hub Pendidikan Tinggi Pagoh)	70,645	71.5	-	-
Jumlah	98,745	100.0	50,400	100.0

Perbelanjaan Pembangunan


Perbelanjaan pembangunan direalisasi pada tahun 2017 ialah sebanyak RM49,987,114 berbanding dengan RM47,400,843 pada tahun 2016, peningkatan sebanyak RM2,586,271 (5.5%). Mulai tahun 2017, perbelanjaan pembangunan PFI direalisasi berjumlah RM33,113,974, menjadikan jumlah keseluruhan perbelanjaan pembangunan direalisasi sebanyak RM83,101,088. Dari segi jumlah perbelanjaan tunai sebenar, sebanyak RM67,198,973 telah dibelanjakan pada tahun 2017 berbanding RM35,561,812 pada tahun 2016, peningkatan sebanyak RM31,637,161 (89.0%). Perbandingan perbelanjaan pembangunan direalisasi bagi tahun 2017 dan 2016 adalah seperti di dalam Jadual 9.4. Perbandingan pecahan perbelanjaan tunai mengikut projek bagi tahun 2017 dan 2016 adalah seperti Jadual 9.5, manakala perbandingan pendapatan dan perbelanjaan pembangunan dari tahun 2013 sehingga 2017 dapat dilihat dalam Rajah 9.4.

Jadual 9.4: Perbandingan Perbelanjaan Pembangunan Direalisasi

Perbelanjaan	Tahun 2017		Tahun 2016	
	RM '000	%	RM '000	%
Belanja Susutnilai	52,989	63.8	46,273	97.6
Perbelanjaan Operasi Tidak Dipermodalkan	3,011	3.6	1,128	2.4
Penyelenggaraan & Faedah Atas Bayaran <i>Availability Charges</i> (PFI)	27,101	32.6	-	-
Jumlah	83,101	100.0	47,401	100.0

Jadual 9.5: Perbandingan Pecahan Perbelanjaan Tunai Mengikut Projek

Perbelanjaan Tunai Sebenar Mengikut Projek	Tahun 2017		Tahun 2016	
	RM '000	%	RM '000	%
Peralatan Bangunan Mint-SRC & JRC (FKAAS)	1,201	1.8	210	0.6
Pembelian Peralatan	10,703	15.9	5,345	15.0
Projek Tebatan Banjir	685	1.0	5,820	16.4
Pembinaan Bangunan Akademia FKEE	24,959	37.1	19,957	56.1
Projek Infrastruktur	101	0.2	4,230	11.9
Pembinaan Bangunan Gunasama Kegiatan Pelajar & Kafeteria Pusat	352	0.5	-	-
Pembinaan Bangunan Kerjasama ORICC & PPS	864	1.3	-	-
Pembangunan Hab Pendidikan Tinggi Pagoh	28,334	42.2	-	-
Jumlah	67,199	100.0	35,562	100.0



▲ Rajah 9.4: Perbandingan Pendapatan & Perbelanjaan Tunai Pembangunan Bagi Tahun 2013 – 2017

Geran Tertunda

Berdasarkan kepada piawaian MPERS Seksyen 24.4(c), geran yang belum memenuhi tujuan dan syarat pemberian geran tersebut perlu dikelaskan sebagai geran tertunda yang merupakan liabiliti jangka panjang kepada Universiti. Jumlah geran tertunda UTHM pada tahun 2017 adalah sebanyak RM1,042,368,036 berbanding RM1,034,908,500 pada tahun 2016, peningkatan sebanyak RM7,459,536 (0.7%). Jumlah geran tertunda ini merupakan liabiliti jangka panjang yang masih belum dibayar atau direalisasikan. Jadual 9.6 menunjukkan perbandingan geran tertunda bagi tahun 2017 dan 2016.

Jadual 9.6: Perbandingan Geran Tertunda

Geran Tertunda	Tahun 2017	Tahun 2016
	RM '000	RM '000
Geran Pembangunan	968,074	990,221
Geran PFI	37,531	-
Geran Penyelidikan	20,063	29,585
Tabung & Amanah	16,700	15,103
Jumlah	1,042,368	1,034,909



**LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017**

**KETUA AUDIT NEGARA
MALAYSIA**



**LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017**

Laporan Mengenai Penyata Kewangan

Pendapat

Penyata Kewangan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia dan Kumpulan telah diaudit oleh wakil saya yang merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2017 dan Penyata Pendapatan Komprehensif, Penyata Perubahan Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut, ringkasan polisi perakaunan yang signifikan dan nota kepada penyata kewangan seperti dinyatakan pada muka surat 1 hingga 31.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia dan Kumpulan pada 31 Disember 2017 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia dan Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 (Akta 30).

Asas Kepada Pendapat

Saya telah melaksanakan pengauditan berdasarkan Akta Audit 1957 dan *The International Standards of Supreme Audit Institutions*. Tanggungjawab saya dihuraikan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam laporan ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperoleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat saya.

Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain

Saya adalah bebas daripada Universiti Tun Hussein Onn Malaysia dan Kumpulan serta telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan *The International Standards of Supreme Audit Institutions*.

Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit Mengenainya

Lembaga Pengarah Universiti Tun Hussein Onn Malaysia bertanggungjawab terhadap maklumat lain dalam Laporan Tahunan. Pendapat saya terhadap penyata kewangan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia dan Kumpulan tidak meliputi maklumat lain selain daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit mengenainya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

Tanggungjawab Lembaga Pengarah Terhadap Penyata Kewangan

Lembaga Pengarah bertanggungjawab terhadap penyediaan penyata kewangan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia dan Kumpulan yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia dan Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 (Akta 30). Lembaga Pengarah juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan penyata kewangan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia dan Kumpulan yang bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan.

Semasa penyediaan penyata kewangan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia dan Kumpulan, Lembaga Pengarah bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia dan Kumpulan untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkannya jika berkaitan serta menggunakannya sebagai asas perakaunan.

Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan

Objektif saya adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada penyata kewangan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia dan Kumpulan secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, dan mengeluarkan Laporan Juruaudit yang merangkumi pendapat saya. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut *The International Standards of Supreme Audit Institutions* akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada fraud atau kesilapan dan dianggap ketara sama ada secara individu atau agregat sekiranya boleh dijangkakan dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut *The International Standards of Supreme Audit Institutions*, saya menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Saya juga:

- a. Mengenal pasti dan menilai risiko salah nyata ketara dalam penyata kewangan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia dan Kumpulan, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit terhadap risiko berkenaan serta mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas kepada pendapat saya. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata ketara akibat daripada fraud adalah lebih tinggi daripada kesilapan kerana fraud mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, gambaran yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman.
- b. Memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Universiti Tun Hussein Onn Malaysia dan Kumpulan.
- c. Menilai kesesuaian dasar perakaunan yang diguna pakai dan kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan oleh Lembaga Pengarah.
- d. Membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Lembaga Pengarah dan berdasarkan bukti audit yang diperoleh, sama ada wujudnya ketidakpastian ketara yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia atau Kumpulan sebagai satu usaha berterusan. Jika saya membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, saya perlu melaporkan dalam Laporan Juruaudit terhadap pendedahan yang berkaitan dalam penyata kewangan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia dan Kumpulan atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat saya akan diubah. Kesimpulan saya dibuat berdasarkan bukti audit yang diperoleh sehingga tarikh Laporan Juruaudit.
- e. Menilai sama ada keseluruhan persembahan termasuk pendedahan penyata kewangan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia dan Kumpulan memberi gambaran yang saksama.
- f. Mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian berkaitan maklumat kewangan entiti dan aktiviti perniagaan dalam Kumpulan untuk memberikan pendapat terhadap Penyata Kewangan Kumpulan. Saya bertanggungjawab untuk hala tuju, pengawasan dan pelaksanaan pengauditan kumpulan. Saya hanya bertanggungjawab terhadap pendapat saya.

Saya telah berkomunikasi dengan Lembaga Pengarah, antaranya mengenai skop dan tempoh pengauditan yang dirancang serta penemuan audit yang signifikan termasuk kelemahan kawalan dalaman yang dikenal pasti semasa pengauditan.

Laporan Mengenai Keperluan Perundangan dan Peraturan Lain

Berdasarkan keperluan Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 (Akta 30), saya juga melaporkan perkara berikut:

- a. Pada pendapat saya, rekod perakaunan dan rekod lain yang dikehendaki Akta untuk disimpan oleh Universiti Tun Hussein Onn Malaysia dan subsidiarinya yang mana kami telah bertindak sebagai juruaudit telah disimpan dengan sempurna menurut peruntukan Akta.
- b. Saya telah mempertimbangkan akaun dan Laporan Juruaudit bagi semua subsidiari yang tidak diaudit oleh saya seperti yang dinyatakan dalam Nota 5 kepada penyata kewangan yang telah dimasukkan dalam akaun disatukan.
- c. Saya berpuas hati bahawa akaun subsidiari yang disatukan dengan Penyata Kewangan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia dalam bentuk dan kandungan yang sesuai dan teratur bagi tujuan penyediaan penyata kewangan Kumpulan dan saya juga telah menerima maklumat dan penjelasan yang memuaskan sebagaimana yang dikehendaki bagi tujuan tersebut.
- d. Laporan Juruaudit ke atas akaun subsidiari tidak mengandungi sebarang teguran atau pemerhatian yang boleh menjejaskan penyata kewangan.

Hal-hal Lain

Laporan ini dibuat untuk Lembaga Pengarah dan bukan untuk tujuan lain. Saya tidak bertanggungjawab terhadap pihak lain bagi kandungan laporan ini.



(LIM SOK KIANG)

b.p. KETUA AUDIT NEGARA
MALAYSIA

PUTRAJAYA
12 JUN 2018



UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA
PENYATA Pengerusi dan seorang Ahli Lembaga Pengarah

Kami, **TAN SRI DATO' SRI SUFRI BIN HJ MOHD ZIN** dan **PROFESSOR Ts. DR. WAHID BIN RAZZALY**, yang merupakan Pengerusi dan salah seorang Ahli Lembaga Pengarah UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat Lembaga Pengarah, Penyata Kewangan yang mengandungi Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Pendapatan Komprehensif, Penyata Perubahan Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai yang berikut ini berserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya, adalah disediakan untuk menunjukkan pandangan yang benar dan saksama berkenaan kedudukan kewangan UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA dan KUMPULAN pada 31 Disember 2017 dan hasil kendaliannya serta perubahan kedudukan kewangannya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

Bagi pihak Lembaga Pengarah,



TAN SRI DATO' SRI SUFRI BIN HJ MOHD ZIN

Pengerusi



PROFESSOR Ts. DR. WAHID BIN RAZZALY

Naib Canselor

Batu Pahat, Johor

Bertarikh : **12 JUN 2018**



UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA
PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA YANG BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS
PENGURUSAN KEWANGAN

Saya, **AZIZAH BINTI NASRI (K/P No: 700827-01-5612)**, pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA dengan ikhlasnya mengakui bahawa Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Pendapatan Komprehensif, Penyata Perubahan Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai dalam kedudukan kewangan yang berikut ini berserta dengan nota-nota di dalamnya, mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya adalah betul dan saya membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ianya itu adalah benar dan atas kehendak-kehendak Akta Akuan Berkanun 1960.

Sebenarnya dan sesungguhnya)
diakui oleh penama di atas,)
di Batu Pahat dalam Negeri Johor)
pada)



.....
AZIZAH BINTI NASRI
Bendahari

10 JUN 2018

Di hadapan saya,



No. K4, Jalan Emas,
Kg. Kerangan Dato' Onn,
83000 Batu Pahat Johor.

UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA

PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN PADA 31 DISEMBER 2017

	NOTA	KUMPULAN		UTHM	
		2017 RM	2016 RM Seperti Dinyatakan Semula	2017 RM	2016 RM Seperti Dinyatakan Semula
ASET BUKAN SEMASA					
Hartanah, Loji & Peralatan	3	1,301,050,599	1,025,953,411	1,300,085,716	1,024,553,229
Pelaburan Hartanah	4	7,225,140	7,225,140	-	-
Pelaburan Dalam Syarikat Subsidiari	5	-	-	4,000,000	4,000,000
Aset Cukai Tertunda	6	248,000	248,000	-	-
		<u>1,308,523,739</u>	<u>1,033,426,551</u>	<u>1,304,085,716</u>	<u>1,028,553,229</u>
ASET SEMASA					
Inventori	7	2,974	4,108	-	-
Penghutang	8	29,079,509	30,407,880	27,996,088	28,934,821
Cagaran dan Hasil Akan Diterima	9	5,160,241	1,799,756	5,160,241	1,948,054
Deposit, Baki Bank dan Tunai	10	687,334,167	658,236,246	684,519,251	655,831,140
		<u>721,576,891</u>	<u>690,447,991</u>	<u>717,675,580</u>	<u>686,714,015</u>
JUMLAH ASET		<u>2,030,100,630</u>	<u>1,723,874,542</u>	<u>2,021,761,296</u>	<u>1,715,267,244</u>
EKUITI					
Kumpulan Wang Mengurus	11	327,603,945	326,328,016	327,603,945	326,328,016
Kumpulan Wang Tambahan	12	52,141,839	52,997,200	52,141,839	52,997,200
Kumpulan Wang Hartanah, Loji dan Peralatan	13	132,220,397	137,024,983	132,220,397	137,024,983
Kumpulan Wang Penyelidikan	14	9,147,535	-	9,147,535	-
Tabung dan Akaun Amanah	15	121,315,806	123,860,879	121,315,806	123,860,879
Keuntungan Terkumpul Syarikat Subsidiari	16	625,464	844,146	-	-
		<u>643,054,986</u>	<u>641,055,224</u>	<u>642,429,522</u>	<u>640,211,078</u>
LIABILITI JANGKA PANJANG					
Pinjaman	17	2,578,138	2,953,258	-	-
Pemiutang Pajakan Kewangan	18	297,033,524	732,660	296,676,330	-
Geran Tertunda	19	1,042,368,036	1,034,908,500	1,042,368,036	1,034,908,500
Manfaat Pekerja	20	12,886,859	11,803,561	12,886,859	11,803,561
Pendapatan Tertunda	21	16,486,549	15,774,830	16,486,549	15,774,830
		<u>1,371,353,106</u>	<u>1,066,172,809</u>	<u>1,368,417,774</u>	<u>1,062,486,891</u>
LIABILITI SEMASA					
Pemiutang		5,421,034	8,235,176	4,950,931	8,035,486
Pemiutang Pelbagai	22	4,759,133	5,546,469	2,677,972	4,200,922
Pinjaman	17	425,946	407,337	-	-
Bank Overdraf	23	482,821	587,771	-	-
Pemiutang Pajakan Kewangan Jangka Pendek	18	3,135,192	356,583	2,761,965	-
Manfaat Pekerja	20	523,132	332,867	523,132	332,867
Peruntukan Cukai		945,280	1,180,306	-	-
		<u>15,692,538</u>	<u>16,646,509</u>	<u>10,914,000</u>	<u>12,569,275</u>
JUMLAH EKUITI DAN LIABILITI		<u>2,030,100,630</u>	<u>1,723,874,542</u>	<u>2,021,761,296</u>	<u>1,715,267,244</u>

Nota-nota yang dilampirkan adalah sebahagian daripada Penyata Kewangan ini.

UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA

PENYATA PENDAPATAN KOMPREHENSIF BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017

	NOTA	KUMPULAN		UTHM	
		2017 RM	2016 RM	2017 RM	2016 RM
HASIL					
Pendapatan Geran	24	245,664,280	253,654,100	245,664,280	253,654,100
Geran Tertunda Direalisasi	24	99,122,657	62,264,173	99,122,657	62,264,173
Yuran Pengajian		38,956,914	34,192,761	38,956,914	34,192,761
Pelbagai Pendapatan	25	31,677,641	30,010,598	25,727,246	25,042,371
Geran Aset Dilunas		492,360	492,360	492,360	492,360
JUMLAH HASIL		415,913,852	380,613,992	409,963,457	375,645,765
PERBELANJAAN					
Emolumen					
Gaji dan Upahan		116,538,494	107,952,718	115,535,047	107,109,847
Elaun-Elaun Tetap		33,009,850	31,525,113	32,957,771	31,460,839
Sumbangan Berkanun Untuk Kakitangan		19,989,408	18,549,889	19,840,184	18,391,024
Elaun Lebih Masa Kakitangan		1,284,514	1,092,936	1,283,321	1,091,962
Faedah-Faedah Kewangan Yang Lain		2,822,895	1,798,780	2,818,654	1,682,084
		173,645,161	160,919,436	172,434,977	159,735,756
Perkhidmatan dan Bekalan					
Perbelanjaan Perjalanan dan Sara Hidup		4,569,831	4,477,846	3,577,517	3,986,045
Pengangkutan Barang-Barang		3,312,969	85,558	3,312,969	85,558
Perhubungan dan Utiliti		18,069,309	17,576,400	18,025,154	17,529,201
Sewaan		22,612,546	17,259,431	23,203,374	17,922,917
Bekalan Bahan Mentah dan Alat Ganti		2,121,795	2,123,177	2,121,795	2,123,177
Bekalan dan Bahan-Bahan Lain		18,807,039	9,601,164	18,770,300	9,570,481
Penyelenggaraan dan Pembaikan Kecil		31,020,654	25,501,959	30,953,804	25,485,035
Penyelenggaraan Projek PFI		4,504,118	-	4,504,118	-
Perkhidmatan Iktisas dan Hospitaliti		31,561,076	26,482,533	31,728,940	25,367,717
		136,579,337	103,108,068	136,197,971	102,070,131
Pemberian dan Bayaran Tetap					
Perbelanjaan Cuti Belajar		2,851,154	2,819,285	2,851,154	2,818,642
Pemberian Dalam Negeri		1,931,379	1,899,275	1,912,921	1,980,832
Ganjaran		347,296	164,697	347,296	164,697
Gantian Cuti Rehat		1,822,864	1,486,100	1,822,864	1,511,265
		6,952,693	6,369,357	6,934,235	6,475,436
Susutnilai	3	65,965,278	60,195,094	65,526,974	59,745,106
Perbelanjaan Lain					
Bayaran-Bayaran Lain		6,855,626	2,999,111	2,848,899	894,321
Belanja Hapuskira		80,864	5,185	60,961	5,185
Belanja Hutang Ragu		1,144,576	1,963	1,144,576	1,963
Faedah Atas Bayaran Availability Charges		22,596,420	-	22,596,420	-
		30,677,486	3,006,259	26,650,856	901,469
JUMLAH PERBELANJAAN		413,819,955	333,598,213	407,745,013	328,927,898
LEBIHAN PENDAPATAN SEBELUM CUKAI	26	2,093,897	47,015,780	2,218,444	46,717,867
CUKAI	27	(94,136)	(144,200)	-	-
LEBIHAN PENDAPATAN SELEPAS CUKAI		1,999,761	46,871,579	2,218,444	46,717,867

Nota-nota yang dilampirkan adalah sebahagian daripada Penyata Kewangan ini.

UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA

PENYATA PERUBAHAN EKUITI BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017

KUMPULAN

	Kumpulan Wang Mengurus RM	Kumpulan Wang Tambahan RM	Kumpulan Wang Penyelidikan RM	Kumpulan Wang Hartanah, Loji dan Peralatan RM	Tabung dan Akaun Amanah RM	Keuntungan Terkumpul Syarikat Subsidiari RM	Jumlah RM
Pada 1 Januari 2016 <i>- Seperti Dinyatakan Sebelum</i>	303,954,136	35,888,732	-	140,655,540	119,944,195	763,436	601,206,039
Pelarasan Tahun Lepas	(7,022,393)	-	-	-	-	-	(7,022,393)
Pada 1 Januari 2016 <i>- Seperti Dinyatakan Semula</i>	296,931,743	35,888,732	-	140,655,540	119,944,195	763,436	594,183,646
Lebih Bersih Bagi Tahun Pindahan	31,208,783 (1,812,510)	15,509,086 1,599,383	- -	- (3,630,557)	- 3,916,684	153,710 (73,000)	46,871,579 -
Pada 31 Disember 2016	326,328,016	52,997,201	-	137,024,983	123,860,879	844,146	641,055,225
Lebih Bersih Bagi Tahun Pindahan Antara Kumpulan Wang	5,709,388 (4,433,459)	(2,454,744) 1,599,383	(845,678) 9,993,213	- (4,804,586)	- (2,545,073)	(409,204) 190,522	1,999,761 -
Pada 31 Disember 2017	327,603,945	52,141,839	9,147,535	132,220,397	121,315,806	625,464	643,054,986

UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA

PENYATA PERUBAHAN EKUITI BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017

UTHM

	Kumpulan Wang Mengurus RM	Kumpulan Wang Tambahhan RM	Kumpulan Wang Penyelidikan RM	Kumpulan Wang Hartanah, Loji dan Peralatan RM	Tabung dan Akaun Amanah RM	Jumlah RM
Pada 1 Januari 2016 - Seperti Dinyatakan Sebelum	303,954,136	35,888,732	-	140,655,540	119,944,195	600,442,603
Pelarasan Tahun Lepas	(7,022,393)	-	-	-	-	(7,022,393)
Pada 1 Januari 2016 - Seperti Dinyatakan Semula	296,931,743	35,888,732	-	140,655,540	119,944,195	593,420,210
Lebihan Bersih Bagi Tahun Pindahan	31,208,783 (1,812,510)	15,509,085 1,599,383	- -	- (3,630,557)	- 3,916,684	46,717,868 73,000
Pada 31 Disember 2016	326,328,016	52,997,201	-	137,024,983	123,860,879	640,211,078
Lebihan Bersih Bagi Tahun Pindahan Antara Kumpulan Wang	5,518,866 (4,242,937)	(2,454,744) 1,599,383	(845,678) 9,993,213	- (4,804,586)	- (2,545,073)	2,218,444 -
Pada 31 Disember 2017	327,603,945	52,141,839	9,147,535	132,220,397	121,315,806	642,429,522

UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA

**PENYATA ALIRAN TUNAI
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017**

	KUMPULAN		UTHM	
	2017 RM	2016 RM	2017 RM	2016 RM
ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI OPERASI				
Lebih Tahun Semasa	2,093,897	47,015,779	2,218,444	46,717,867
Pelarasan Untuk:				
Susutnilai Hartanah, Loji dan Peralatan	65,965,278	59,992,829	65,526,974	59,542,841
Pelunasan Geran	(99,122,657)	-	(99,122,657)	-
Peruntukan Manfaat Pekerja	1,645,635	960,914	1,645,635	960,914
Peruntukan Hutang Ragu	1,172,547	-	1,172,547	-
Hasil Faedah	(23,485,297)	(23,179,036)	(23,399,299)	(23,130,540)
Faedah Dikenakan	22,820,052	-	22,596,420	-
Pelarasan Tahun Lepas	-	357,973	-	357,973
(Kerugian)/Pendapatan dari kendalian sebelum perubahan kepada modal kerja	(28,910,545)	85,148,459	(29,361,936)	84,449,055
Perubahan dalam:				
Inventori	1,134	2,635	-	-
Penghutang	(723,824)	(13,130,230)	(965,473)	(12,877,470)
Pemiutang	(3,796,536)	7,028,898	(4,197,735)	7,351,809
Tunai Bersih (Digunakan)/Dijana Dalam Aktiviti Operasi	(33,429,771)	79,049,762	(34,525,144)	78,923,394
Faedah Diterima	23,485,297	23,369,603	23,399,299	23,130,540
Bayaran Cukai Pendapatan	(456,587)	(565,419)	-	-
Terimaan Balik Cukai	144,175	-	-	-
Bayaran Gantian Cuti Rehat	(372,072)	-	(372,072)	-
Tunai Bersih (Digunakan)/Dijana Dalam Aktiviti Operasi	(10,628,958)	101,853,946	(11,497,917)	102,053,934
ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI PELABURAN				
Pertambahan Modal	-	-	-	(1,500,000)
Pembelian Hartanah, Loji dan Peralatan	(42,875,571)	(15,284,607)	(35,966,088)	(15,058,795)
Pelupusan Hartanah, Loji dan Peralatan	4,400	(2,775)	1,000	(2,775)
Bayaran Faedah	(22,820,052)	-	(22,596,420)	-
Tunai Bersih Digunakan Dalam Aktiviti Pelaburan	(65,691,223)	(15,287,382)	(58,561,508)	(16,561,570)
ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI PEMBIAYAAN				
Bayaran Dividen Oleh UTHM Holdings	-	(23,000)	-	-
Terimaan Geran Tertunda Pembangunan dan Penyelidikan	105,287,325	-	105,287,325	-
Terimaan Geran Tertunda Amanah	6,299,848	-	6,299,848	-
Bayaran Balik Pinjaman dan Sewa Beli	(715,333)	(470,230)	-	-
Bayaran Balik Perkhidmatan Aset Konsesi	(1,233,528)	-	(8,136,606)	-
Tambahan Dalam Pelbagai Tabung	-	3,916,684	-	3,916,684
Perbelanjaan Tabung dan Wang Amanah	(4,703,031)	(11,224,048)	(4,703,031)	(11,224,048)
Kurangan Geran Tertunda Kumpulan Wang	-	(17,608,875)	-	(17,608,875)
Tunai Bersih (Digunakan)/Dijana Dalam Aktiviti Pembiayaan	104,935,281	(25,409,469)	98,747,536	(24,916,239)
PENAMBAHAN BERSIH DALAM ALIRAN TUNAI DAN PERSAMAAN TUNAI	28,615,100	61,157,095	28,688,111	60,576,125
TUNAI DAN PERSAMAAN TUNAI PADA AWAL TAHUN	658,236,246	597,079,151	655,831,140	595,255,015
TUNAI DAN PERSAMAAN TUNAI PADA AKHIR TAHUN	686,851,346	658,236,246	684,519,251	655,831,140
TUNAI DAN PERSAMAAN TUNAI				
Deposit dibank dan syarikat kewangan berlesen	647,481,223	591,643,222	647,000,000	591,500,000
Baki bank dan tunai	39,852,944	66,593,024	37,519,251	64,331,140
Bank Overdraf	(482,821)	-	-	-
	686,851,346	658,236,246	684,519,251	655,831,140

UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN- 31 DISEMBER 2017

1. MAKLUMAT UMUM

a. Penubuhan

Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn (KUiTTHO) pada asalnya merupakan sebuah Politeknik yang terletak di Parit Raja, Batu Pahat, Johor. Pada 16 September 1993, Politeknik ini secara rasminya telah ditukarkan menjadi Pusat Latihan Staf Politeknik (PLSP). Pusat ini telah ditukar kepada Institut Teknologi Tun Hussein Onn (ITTHO) pada 12 April 1996. Pada 30 September 2000, ITTHO telah dinaik taraf kepada sebuah Kolej Universiti yang dikenali sebagai Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn (KUiTTHO) di bawah Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971.

b. Pertukaran Nama

Pada 1 Februari 2007, KUiTTHO telah dinaik taraf kepada sebuah Universiti yang dikenali sebagai UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA (UTHM) di bawah subseksyen 6(1) Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 (Akta 30).

c. Aktiviti Utama

UTHM adalah sebuah Universiti yang mengkhusus dalam bidang Sains, Teknologi dan Kejuruteraan. Aktiviti syarikat subsidiari pula mengkhusus dalam bidang pengkomersilan hasil R & D, perundingan, pengujian dan penyewaan bangunan.

d. Kelulusan Penyata Kewangan

Penyata Kewangan Universiti Disatukan bagi tahun berakhir 31 Disember 2017 telah dibentang dan diluluskan oleh Lembaga Pengarah Universiti pada 12 Jun 2018.

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING

a. Asas Perakaunan

Penyata Kewangan UTHM telah disediakan mengikut asas kos sejarah kecuali dinyatakan sebaliknya dan mengikut piawaian-piawaian yang diluluskan.

Mulai tahun kewangan berakhir 31 Disember 2016, UTHM telah menggunakan piawaian perakaunan *Malaysian Private Entities Reporting Standard* (MPERS) menggantikan piawaian *Private Entities Reporting Standard* (PERS) menerusi kelulusan oleh Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti Bil. 5/2016.

b. Asas Penyatuan

Mulai tahun 2004, akaun Kumpulan meliputi semua Kumpulan Wang Universiti dan syarikat subsidiari yang disediakan pada setiap akhir tahun kewangan.

Semua urusan di antara Kumpulan telah dihapuskan semasa penyatuan dan akaun yang disatukan mengambilkira urusan luar sahaja. Kaedah untuk menyatukan akaun Universiti dengan akaun syarikat subsidiari ialah dengan menggunakan kaedah ekuiti.

c. Pelaburan

Pelaburan saham tidak disebut harga, pelaburan dalam subsidiari-subsidiari dan lain-lain pelaburan jangka panjang dinyatakan pada kos ditolak kerugian rosot nilai. Semasa pelupusan pelaburan, perbezaan antara hasil pelupusan bersih dan nilai dibawa diiktiraf dalam penyata pendapatan.

Peruntukan akan dibuat apabila terdapat penurunan nilai yang kekal dalam pelaburan tersebut.

d. Inventori

Inventori dinyatakan pada harga terendah diantara kos (ditentukan pada asas masuk dahulu, keluar dahulu) dan nilai boleh realis bersih. Nilai boleh realis bersih merupakan harga jualan anggaran ditolak semua kos anggaran siap dan kos pengangkutan dan pemasaran yang perlu ditanggung untuk melakukan jualan.

e. Pelaburan Hartanah

Kumpulan UTHM mengiktiraf tanah, bangunan (termasuk tingkat bangunan), atau kedua-dua tanah dan bangunan termasuk hartanah dalam pembinaan, sebagai pelaburan hartanah jika ia berada dalam objektif model perniagaan kumpulan untuk memegang harta untuk pengharga modal, pendapatan sewa kedua-duanya. Pelaburan hartanah direkodkan pada kos awal pengiktirafan. Kos pelaburan hartanah terdiri daripada harga belian ditambah dengan semua kos yang terlibat secara langsung untuk membawa hartanah tersebut ke lokasi dan syarat yang dimaksudkan untuk digunakan sebagai pelaburan hartanah. Kos hartanah pelaburan sendiri terdiri daripada semua kos pembinaan langsung dan tidak langsung tetapi tidak termasuk keuntungan dalaman.

Untuk tujuan pengukuran berikutnya, butiran peralatan yang dilekatkan secara fizikal ke bangunan, seperti lif, sistem elektrik dan sistem penghawa dingin, dianggap sebagai sebahagian daripada hartanah. Kumpulan UTHM menggunakan nilai saksama (*fair value*) untuk mengukur pelaburan hartanah selepas pengiktirafan awal sekiranya nilai saksama boleh diukur dengan pasti tanpa kos atau usaha yang tidak wajar. Nilai saksama ditentukan dengan merujuk kepada harga pasaran disebut harga, jika boleh diperhatikan. Perubahan nilai saksama untuk pelaburan hartanah diiktiraf dalam Penyata Pendapatan Komprehensif bagi tempoh dimana ianya dikenalpasti. Pelaburan hartanah yang lain diukur pada kos ditolak dengan susutnilai terkumpul dan kerugian rosotnilai.

f. Pengiktirafan Pendapatan

- i. Pemberian kerajaan untuk belanja mengurus diiktiraf berasaskan akruan dan dinyatakan dalam Penyata Pendapatan Komprehensif.
- ii. Pemberian Kerajaan untuk belanja pembangunan diiktiraf sebagai Geran Tertunda dan akan dilunaskan mengikut belanja susutnilai projek yang telah disiapkan dan aset yang dibeli serta belanja operasi yang tidak dimodalkan.
- iii. Pemberian untuk projek-projek penyelidikan jangka pendek dan jangka panjang diakaunkan sebagai Geran Tertunda Penyelidikan dan dilunaskan mengikut belanja susutnilai aset dan belanja terus lain.
- iv. Geran yang diterima dalam bentuk aset diakaunkan sebagai pendapatan tertunda dan diiktiraf sebagai pendapatan sepanjang tempoh hayat aset tersebut.
- v. Pendapatan daripada yuran pengajian pelajar akan diakaunkan dan diiktiraf sebagai hasil mengikut setiap semester pengajian.
- vi. Pendapatan Faedah dan Dividen

Pendapatan faedah meliputi hasil faedah daripada pelaburan dalam simpanan tetap dan faedah pinjaman yang diiktiraf sebagai hasil dan dinyatakan dalam Penyata Pendapatan Komprehensif berasaskan kaedah akruan.

- vii. Pendapatan sewaan diiktiraf berdasarkan asas akruan dengan menggunakan dasar garis lurus sepanjang tempoh penyewaan.

viii. Pelbagai Pendapatan

Hasil jualan dan perkhidmatan diiktiraf semasa jualan dan perkhidmatan diberikan kepada pelanggan.

g. Hartanah, Loji dan Peralatan

- i. Hartanah, Loji dan Peralatan dinyatakan pada kos setelah ditolak susutnilai terkumpul kecuali bagi tanah milik bebas. Pembelian harta modal yang berharga RM3,000 dan ke atas bagi setiap unit manakala pembaikan bangunan yang kosnya melebihi RM 50,000 akan dipermodalkan.
- ii. Pembelian buku yang bernilai RM3,000 dan ke atas bagi sebuah buku atau satu set adalah dikategorikan sebagai harta modal atau aset tetap mulai tahun kewangan 2009.
- iii. Semua pembelian perabot adalah dikategorikan sebagai belanja tidak luak atau inventori sahaja tanpa mengira nilai belian dan tidak lagi dipermodalkan sebagai aset mulai tahun 2009.

h. Susutnilai

Susutnilai Hartanah, Loji dan Peralatan dikira mengikut kaedah garis lurus berdasarkan jangkaan hayat aset berkenaan dan dikenakan kepada kumpulan wang masing-masing. Tanah milik bebas adalah tidak disusutnilaikan.

Kadar susutnilai tahunan yang digunakan adalah seperti berikut :-

Bangunan	2%
Kemudahan/Infrastruktur	10%
Kenderaan	20%
Alat-Alat Kelengkapan	25%
Alat-Alat Yang Didermakan	25%
Alat-alat Penyelidikan	25%
Komputer	25% - 33.3%

Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti Bil 1/2016 telah meluluskan perubahan pada kadar susutnilai tahunan yang digunakan bagi peralatan komputer daripada 25% (4 tahun) kepada 33.3% (3 tahun). Bagi tujuan pengiraan susutnilai, hanya perolehan komputer bagi tahun 2015 akan menggunakan kadar susutnilai baru tersebut.

i. Projek Dalam Kemajuan

Kerja-kerja dalam kemajuan meliputi projek pembinaan bangunan dan infrastruktur yang sedang didirikan dan lain-lain aset yang belum disempurnakan. Susutnilai tidak dikenakan ke atas kerja-kerja dalam kemajuan.

Kos pembinaan akan dipindahkan ke dalam aset tetap apabila aset sedia digunakan. Sebarang bayaran tambahan akan dicaj terus kepada aset berkenaan dalam tahun kewangan.

j. Manfaat Pekerja

i. Manfaat Pekerja Jangka Pendek

Upah, gaji, bonus dan sumbangan majikan dikira sebagai perbelanjaan dalam tahun di mana perkhidmatan berkaitan diberikan oleh pekerja. Bayaran ganjaran cuti rehat bagi pekerja tetap dan kontrak serta ganjaran kepada pekerja kontrak yang akan tamat tempoh perkhidmatan pada tahun kewangan berikutnya diakaunkan sebagai manfaat jangka pendek.

ii. Manfaat Pekerja Jangka Panjang

Piawaian dan bayaran manfaat pekerja yang dibayar selepas persaraan diiktiraf secara akruan dalam Penyata Pendapatan tahun semasa sebagai perbelanjaan manfaat pekerja di dalam Lembaran Imbangan sebagai liabiliti dan dikenali sebagai Manfaat Pekerja Jangka Panjang.

Jenis manfaat jangka panjang yang diiktiraf secara akruan adalah bayaran gantian cuti rehat untuk semua pekerja tetap dengan andaian jumlah GCR adalah untuk 150 hari. Kadar gaji semasa telah digunakan untuk mengira amaun liabiliti tersebut.

Bayaran ganjaran bagi pekerja kontrak yang akan tamat pada dua dan tiga tahun berikutnya sebagai Perbelanjaan dalam Penyata Pendapatan Komprehensif dan liabiliti jangka panjang dalam Penyata Kedudukan Kewangan.

iii. Pelan Caruman Tetap

UTHM membuat caruman kepada KWSP bagi pekerja yang memilih faedah KWSP atau Tabung Amanah Pencen Kerajaan bagi staf yang memilih skim pencen. Sumbangan majikan tersebut diambilkira sebagai perbelanjaan di dalam Penyata Pendapatan Komprehensif apabila perbelanjaan dilakukan dalam tahun kewangan berkenaan.

k. Liabiliti Cukai Pendapatan

UTHM adalah dikecualikan daripada cukai pendapatan atas pendapatannya di bawah Perenggan 13 Jadual 6, Akta Cukai Pendapatan 1967 kecuali bagi pendapatan dividen.

l. Pajakan

- i. Terdapat 2 jenis pajakan aset iaitu pajakan kewangan (*finance lease*) dan pajakan operasi (*operation lease*). Pengkelasan pajakan aset ini adalah berdasarkan kepada pemilikan aset tersebut di akhir tempoh pajakan.
- ii. UTHM mengklasifikasikan pajakan sebagai pajakan kewangan atau pajakan operasi berdasarkan kriteria sejauh mana risiko dan ganjaran yang berkaitan dengan pemilikan sebenar aset. Sesuatu pajakan diiktiraf sebagai pajakan kewangan apabila pemilikan melibatkan risiko dan ganjaran yang ketara bersampingan dengan pemilikan aset tersebut. Semua pajakan lain yang tidak memenuhi kriteria ini diklasifikasikan sebagai pajakan operasi.
- iii. Sewa beli (*Lease To Own*) pula merupakan kaedah sewa di mana pada akhir tempoh sewaan harta tersebut akan menjadi milik Universiti. Terdapat dua (2) kaedah pengakaunan sewa beli iaitu sebagai Harta Modal jika harta melebihi RM3,000.00 seunit dan akan dikelaskan sebagai Inventori jika nilai harta kurang daripada RM3,000.00. Penetapan nilai harta boleh dibuat mengikut nilai pasaran semasa oleh pihak yang mempunyai kepakaran.

m. Aset Pajakan Kewangan

Aset Pajakan Kewangan dikategorikan sebagai pajakan kewangan kerana hak milik aset akan dipindahkan kepada pemajak (UTHM) pada akhir terma perjanjian. Walaupun secara teknikal, pemindahan hak milik belum berlaku sepanjang tempoh konsesi, namun intipati dan realiti ekonomi sebenar lebih diambilkira dengan hakikat sebahagian besar manfaat dan risiko telah dipindahkan pada masa aset pajakan siap dan mula digunakan oleh UTHM.

Aset Pajakan Kewangan yang diperolehi melalui kaedah pajakan kewangan Inisiatif Pembiayaan Swasta (PFI) diiktiraf sebagai aset tetap UTHM selepas siap dibina. Polisi susutnilai ke atas aset pajakan adalah berdasarkan polisi perakaunan susutnilai UTHM, seperti di nota 2(i).

n. Cukai Pendapatan

Universiti telah diberi pengecualian daripada cukai pendapatan di bawah perenggan 13 Jadual 6, Akta Cukai Pendapatan 1967.

Cukai dalam Penyata Kewangan anak syarikat terdiri daripada cukai semasa dan cukai tertunda. Cukai semasa ialah jangkaan cukai yang perlu dibayar terhadap pendapatan boleh cukai pada tahun semasa, menggunakan kadar cukai yang diterima pakai atau sebahagian besarnya diterima pakai pada tarikh Penyata Kedudukan Kewangan, dan apa-apa pelarasan ke atas cukai perlu dibayar bagi tahun-tahun sebelumnya.

Cukai tertunda diperuntukkan di bawah kaedah liabiliti untuk semua perbezaan sementara yang timbul akibat perbezaan asas cukai dengan nilai dibawa sesuatu aset dan liabiliti di dalam Penyata Kewangan.

Cukai tertunda aset diiktiraf apabila ia berkemungkinan pada masa hadapan terdapat keuntungan boleh cukai yang memanfaatkan perbezaan sementara tersebut.

o. Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST)

Pelaksanaan Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) di Malaysia adalah berkuatkuasa pada 1 April 2015. UTHM sebagai Universiti Awam yang menyediakan perkhidmatan pendidikan, skop pembekalan UTHM adalah pembekalan dikecualikan dan boleh dirujuk dalam Perintah Cukai Barang dan Perkhidmatan (Pembekalan Dikecualikan) 2014 P.U (A) 271. Implikasi GST di UTHM adalah seperti berikut:

i. Cukai Output

Perkhidmatan pendidikan seperti yuran pengajian, yuran asrama dan yuran perkhidmatan pentadbiran yang berkaitan dengan pembekalan pendidikan adalah dikecualikan daripada GST dan tiada cukai output dibayar. Perkhidmatan bukan pendidikan contohnya seperti penganjuran seminar atau sewaan ruang niaga adalah tertakluk kepada GST berkadar standard (6%) atau berkadar sifar (0%).

ii. Perintah Relif

Universiti Awam tidak membayar GST untuk perolehan berkaitan pendidikan kerana pembekal tidak dikenakan GST terhadap barang terpilih yang mendapat perintah relif di bawah pendidikan.

iii. Cukai Input

UTHM menanggung GST yang dikenakan oleh pembekal bagi perolehan perkhidmatan berkaitan dengan pendidikan. UTHM boleh menuntut GST (cukai input) bagi perolehan bekalan/perkhidmatan berkadar standard 6% sekiranya perolehan tersebut ada kaitan dengan perkhidmatan bukan pendidikan yang berkadar standard 6% (cukai output).

p. Transaksi Mata Wang Asing

Urus niaga dalam mata wang asing pada mulanya dicatatkan dalam Ringgit Malaysia pada kadar pertukaran yang berkuat kuasa pada tarikh transaksi. Pada setiap tarikh Penyata Kedudukan Kewangan, pertukaran mata wang asing bagi item monetari diterjemahkan ke dalam Ringgit Malaysia pada kadar pertukaran yang berkuat kuasa pada tarikh berkenaan. Item bukan monetari pada permulaannya denominasi dalam mata wang asing, yang dibawa pada kos sejarah diterjemahkan menggunakan kadar sejarah pada tarikh pengambilalihan. Semua perbezaan kadar pertukaran diiktiraf dalam Untung dan Rugi.

q. Pihak Berkaitan

Kumpulan menganggap pihak berkaitan sebagai orang atau entiti dengan keupayaan untuk mengenakan kawalan secara individu atau bersama, atau untuk melaksanakan pengaruh penting ke atas Kumpulan, atau sebaliknya. Kakitangan penting pihak pengurusan dianggap sebagai pihak berkaitan dan terdiri daripada ahli lembaga pengarah.

r. Instrumen Kewangan

i. Pengiktirafan dan Taksiran Awal

Aset atau liabiliti kewangan diiktiraf ke penyata kedudukan kewangan apabila, dan hanya apabila UTHM menjadi satu pihak kepada peruntukan kontrak instrumen tersebut.

Instrumen kewangan diiktiraf pada awalnya, pada harga transaksi (termasuk kos transaksi kecuali untuk kiraan awal bagi aset atau liabiliti kewangan yang di saksama dicampur, dalam keadaan sesuatu instrumen kewangan tidak dikira pada nilai saksama melalui penyata untung rugi). Pengiktirafan secara ini tidak termasuk transaksi pembiayaan.

Sekiranya urusan berkenaan melibatkan transaksi pembiayaan (kecuali Peghutang Biasiswa Pelajaran), aset atau liabiliti kewangan dikira pada nilai semasa bayaran hadapan didiskaunkan pada kadar faedah pasaran untuk instrument hutang yang serupa.

ii. Penilaian Berikutan

Instrumen hutang yang memenuhi syarat-syarat berikut diukur pada kos terlunas menggunakan kaedah faedah efektif:

- a. pulangan kepada pemegang yang ditentukan, iaitu jumlah yang tetap dan/atau kadar berubah penanda aras pulangan terhadap kadar faedah yang boleh diperhatikan;
- b. tidak ada peruntukan kontrak yang boleh menyebabkan pemegang kehilangan jumlah pokok atau apa-apa faedah kepada tempoh semasa atau terdahulu; dan
- c. pilihan bayaran pendahuluan, jika ada, tidak bergantung pada peristiwa masa depan.

Instrumen hutang yang dikelaskan sebagai aset semasa atau liabiliti semasa diukur pada jumlah yang tidak didiskaunkan daripada tunai atau pertimbangan lain yang dijangka akan dibayar atau diterima melainkan transaksi pada hakikatnya adalah transaksi pembiayaan.

Pelaburan dalam saham biasa tidak boleh dijual, dan pelaburan dalam saham yang tidak boleh ditukar dan saham keutamaan biasa tidak boleh dijual diukur pada kos ditolak rosot nilai, melainkan jika saham yang diniagakan secara awam atau nilai saksama tidak boleh diukur dengan pasti, di mana pelaburan diukur pada nilai saksama dengan perubahan dalam nilai saksama diiktiraf dalam untung atau rugi.

Semua aset kewangan atau liabiliti kewangan yang tidak dinyatakan pada kos terlunas atau kos ditolak rosot nilai diukur pada nilai saksama dengan perubahan yang diiktiraf dalam untung atau rugi.

Semua aset kewangan (kecuali aset kewangan yang diukur pada nilai saksama melalui untung atau rugi) adalah dinilai pada setiap tarikh laporan sama ada terdapat sebarang bukti objektif rosot nilai.

Kerugian rosot nilai diukur sebagai berikut:-

- a. untuk instrumen diukur pada kos terlunas, kerugian rosot nilai adalah perbezaan di antara amaun dibawa aset dan nilai semasa anggaran aliran tunai yang didiskaunkan pada kadar faedah efektif aset yang asal.
- b. untuk instrumen diukur pada kos ditolak rosot nilai, kerugian rosot nilai adalah perbezaan di antara amaun dibawa aset dan anggaran terbaik daripada jumlah yang akan diterima bagi aset tersebut jika ia dijual pada tarikh laporan.
- c. Penyahiktirafan

Aset kewangan atau sebahagian daripadanya tidak diambil kira apabila, dan hanya apabila, hak kontraktual kepada aliran tunai daripada aset kewangan itu luput atau diselesaikan, atau kawalan aset tidak dikekalkan atau sebahagian besar daripada risiko dan ganjaran pemilikan aset kewangan dipindahkan kepada pihak lain. Pada penyahiktirafan aset kewangan, perbezaan di antara amaun dibawa aset kewangan tidak diiktiraf dan pertimbangan yang diterima, termasuk apa-apa hak yang baru diwujudkan dan obligasi, diiktiraf dalam untung atau rugi.

Liabiliti kewangan atau sebahagian daripadanya tidak diambil kira apabila, dan hanya apabila, obligasi yang dinyatakan dalam kontrak dilepaskan, dibatalkan atau ditamatkan. Pada penyahiktirafan liabiliti kewangan, perbezaan di antara amaun dibawa liabiliti kewangan yang dihapuskan atau dipindahkan kepada pihak lain dan pertimbangan dibayar, termasuk sebarang aset bukan tunai yang dipindahkan atau liabiliti, diiktiraf dalam untung atau rugi.

- d. Rosot Nilai untuk Aset Kewangan

Penilaian dibuat pada setiap tarikh pelaporan untuk menentukan sama ada terdapatnya bukti yang objektif bahawa aset-aset kewangan mengalami rosot nilai. Aset kewangan dianggap mengalami rosot nilai apabila terdapat bukti objektif tentang rosot nilai disebabkan kejadian tarikh taksiran awal yang memberi kesan kepada anggaran aliran tunai hadapan.

Untuk menentukan sama ada terdapatnya bukti yang objektif bahawa kerugian rosot nilai atas aset-aset kewangan telah ditanggung, pertimbangan dibuat ke atas faktor-faktor seperti kebarangkalian ketidakmampuan membayar atau kesukaran kewangan penghutang yang signifikan dan kemungkinan bayaran atau tundaan yang signifikan dalam pembayaran. Polisi untuk pengakaunan peruntukan hutang ragu adalah mengambilkira penghutang yang tiada jaminan dan melebihi 3 tahun.

Peruntukan Hapuskira dibuat selepas semua langkah-langkah berikut telah diambil bagi memungut semula hutang:-

- a. mengeluarkan notis peringatan (pertama, kedua dan terakhir;
- b. rundingan atau penimbangtaraan ke atas hutang yang dipertikaikan
- c. tindakan undang-undang (memfail guaman sivil, memperolehi penghakiman daripada mahkamah dan melaksanakan penghakiman itu); dan
- d. agen kutipan hutang.

- iv. Tunai dan Kesetaraan Tunai

Tunai dan kesetaraan tunai dalam Penyata Aliran Tunai meliputi baki tunai dan bank, deposit jangka pendek dan pelaburan yang lain berjangka pendek, berkecairan tinggi yang mempunyai tempoh matang yang singkat selama tiga bulan atau kurang dari tarikh pengambilalihan.

v. Liabiliti dan Ekuiti

a. Pengkelasan Liabiliti dan Ekuiti

Liabiliti kewangan dan instrumen ekuiti adalah dikelaskan selaras ciri-ciri dalam pengaturan kontrak, bukan sekadar bentuk undang-undang, dan selaras dengan definisi liabiliti kewangan dan instrumen ekuiti.

b. Instrumen Kewangan Kompaun

